

ثقیقن تیتہ

PETIKAN TITAH

"ALHAMDULILLAH, kita di negara ini masih terpelihara dari tekanan inflasi tersebut, berkat adanya dasar dan usaha kerajaan untuk terus membantu rakyat dan penduduk melalui subsidi-subsidi dalam beberapa keperluan asasi.

Kita hanyalah dikehendaki bersyukur dan mengelakkan sebarang pembaziran serta penyalahgunaan ke atas subsidi-subsidi yang dihulurkan itu."

- Titah Sempena Pembukaan Persidangan Musim Permesyuaratan Ke-7 Majlis Mesyuarat Negara (MMN).



Pelita
BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانیسنی ایمان

MANISNYA IMAN

"DAN sesiapa yang bertakwa kepada Allah nescaya Allah akan memudahkan baginya jalan keluar dalam urusannya. Dan dia menguruskannya rezeki dari arah yang tidak terlintas di fikirannya. Dan sesiapa yang bertawakal kepada Allah maka cukuplah Allah itu baginya. Sesungguhnya Allah melaksanakan urusannya. Allah telah menetapkan ketentuan bagi tiap-tiap sesuatu." - (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Talaq, ayat 2 - 3).

TAHUN 61 / BILANGAN 36

23 MAC 2016 / 1437 جمادی الآخر

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

Perutusan takziah kepada Republik Persekutuan Rusia



Siaran Akhbar Jabatan Perdana Menteri

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 21 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan takziah kepada Presiden Republik Persekutuan Rusia, Tuan Yang Terutama Vladimir Putin berikutan dengan nahas kapal terbang yang berlaku di Rostov-on-Don baru-baru ini.

Dalam titah perutusan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berasa sedih mengetahui tentang nahas kapal terbang berkenaan.

Baginda dan kerajaan serta rakyat Negara Brunei Darussalam menyampaikan ucapan takziah dan simpati yang amat mendalam kepada Tuan Yang Terutama Vladimir Putin, kerajaan dan rakyat Persekutuan Rusia, terutama sekali kepada keluarga mangsa yang terkorban dalam tragedi tersebut.

Kerjasama Brunei - Pakistan semakin akrab



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Islam Pakistan, Tuan Yang Terutama Mamnoon Hussain dan Perdana Menteri Republik Islam Pakistan, Tuan Yang Terutama Muhammad Nawaz Sharif serta kerajaan dan rakyat republik tersebut sempena dengan sambutan Hari Pakistan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Islam Pakistan, Tuan Yang Terutama Mamnoon Hussain dan Perdana Menteri Republik Islam Pakistan, Tuan Yang Terutama Muhammad Nawaz Sharif sempena sambutan Hari Pakistan.

Dalam titah-titah perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu, baginda merakamkan ucapan tahniah kepada Presiden Republik Islam Pakistan, Tuan Yang Terutama Mamnoon Hussain, dan juga kepada Perdana Menteri

Republik Islam Pakistan, Tuan Yang Terutama Muhammad Nawaz Sharif serta kerajaan dan rakyat Republik Islam Pakistan bersempena menyambut Hari Pakistan dan seterusnya merakamkan perasaan gembira terhadap hubungan persahabatan dan kerjasama yang akrab yang dinikmati oleh kedua-dua buah negara dan rakyat masing-masing.

Pada mengakhiri kedua-dua titah perutusan tersebut, baginda berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan mengurniakan Presiden Republik Islam Pakistan, Tuan Yang Terutama Mamnoon Hussain dan Perdana Menteri Republik Islam Pakistan, Tuan Yang Terutama Muhammad Nawaz Sharif, dengan kesihatan, kegembiraan dan kesejahteraan yang berpanjangan serta rakyat Pakistan beroleh kemajuan dan kejayaan.

Peruntukan BND5.6 bilion diluluskan

Oleh : Mohammad Rainie Haji Durani

Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



5,600,000,000.00) bagi Tahun Kewangan 2016 / 2017, yang akan berkuat kuasa pada 1 April 2016.

Ahli-ahli MMN sebulat suara meluluskan peruntukan berkenaan pada hari kedua belas persidangan. Persidangan MMN juga turut mendengarkan hujah-hujah penangguhan daripada Ahli Rasmi Kerana Jawatan, Ahli-ahli Yang Dilantik Kalangan Orang-orang Yang Bergelar dan Ahli-ahli Yang Dilantik Dalam Kalangan Orang-orang Yang Telah Mencapai Kecemerlangan.

Peruntukan belanjawan negara yang diusulkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim diluluskan pada sidang sebelah pagi.

Rang undang-undang untuk membekalkan sejumlah wang dari Kumpulan Wang Yang Disatukan Bagi

Perkhidmatan Tahun Kewangan 2016/2017 dan bagi memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu kini dikenali sebagai Akta Perbekalan 2016 / 2017.

Dari jumlah berkenaan sebahagiannya akan diperuntukkan bagi perkhidmatan kewangan dan maksud-maksud tertentu bagi 12 kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya semasa Tahun Kewangan 2016 / 2017.

Pada persidangan tersebut juga, Ahli-ahli MMN meluluskan ketetapan di bawah Fasal 83 (7) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959 yang telah diusulkan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Majlis meluluskannya tanpa perlu membahaskan 28 Perintah yang telah disenaraikan dan Perintah-Perintah tersebut walaupun dikurniakan perkenan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni

Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk diguna pakai.

Menurut Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, sebahagian daripada Perintah-Perintah tersebut sudahpun berjalan dan diguna pakai pada tahun 2015, dan sebahagian lagi telah mula berjalan pada tahun ini. Kesemua Perintah itu telah diterbitkan dalam Warta Kerajaan menurut

Peraturan dan Perlembagaan Negara Brunei Darussalam.

Sementara ketetapan kedua, di bawah Bab 4 (2) dari Akta Kumpulan Wang Kemajuan (Penggala 136) bagi Perbelanjaan sejumlah BND 700,000,000.00 untuk dibenarkan diperuntukkan dan dipohonkan dari Kumpulan Wang Kemajuan untuk maksud-maksud tertentu telah diluluskan oleh Ahli-ahli MMN untuk dijadikan sebagai Akta.

Ke muka 9



Muka 3

DIDIK anak bangsa jadi pemimpin masa depan



Muka 4

HARI Hutan Antarabangsa - KSSUP

Pasukan Divas sertai ORA Fastpitch Games Women's Division



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan bergambar ramai bersama rakan Yang Teramat Mulia, iaitu pasukan Softball Divas yang bakal berentap di ORA Fastpitch Games Women's Division yang akan berlangsung pada 25 hingga 27 Mac, di Singapura.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 22 Mac. - Pasukan Bola Lisut wanita tempatan, Divas bakal berentap di ORA Fastpitch Games Women's Division yang akan berlangsung pada 25 hingga 27 Mac, di Singapura.

Berangkat menyertai pasukan berkenaan ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Pelita Brunei menemui Pengurus Pasukan Divas, Sofiah Isa menyatakan, persediaan yang dibuat untuk perlawanan di Singapura itu nanti telah pun berjalan dengan baik yang mana sebelum ini pasukan Divas telah banyak mengadakan perlawanan persahabatan bersama pasukan-pasukan bola lisut tempatan yang lain.

Menurutnya, perlawanan persahabatan yang baru diadakan adalah perlawanan bersama pasukan Gunners dan perlawanan itu merupakan perlawanan keempat bagi persediaan penyertaan dalam pertandingan bertaraf kelab yang dianjurkan di Singapura sedikit masa lagi.

"Kami sengaja memilih pasukan Gunners bagi perlawanan persahabatan kali ini, meskipun mereka lelaki, ia merupakan latihan yang terbaik kerana pada dasarnya pasukan lelaki lebih tangkas dan laju dalam perlawanan dan itu yang ingin kami tingkatkan dalam menempuhi kejohanan ini nanti," ujarnya lagi.

Melalui perlawanan yang diadakan itu juga katanya, dihasrat akan dapat meningkatkan tahap permainan dan persefahaman dalam kalangan pemain Divas.

Mengulas mengenai tiga perlawanan sebelumnya, Sofiah menegaskan, perlawanan pertama sebelumnya diadakan adalah di Daerah Belait menentang pasukan dari Miri, Malaysia, perlawanan yang kedua menentang pasukan Chikara dan pasukan Pasadena dalam perlawanan ketiga sebelum ini.

Divas telah mengadakan latihan bermula sejak Januari 2016 sebanyak tiga kali seminggu dan kini latihan dibuat setiap hari kecuali hari Khamis di bawah bimbingan jurulatih dari Filipina yang juga bermain di dalam pasukan Divas sebagai pelontar, Jada Valencia.

"Kami tidak membuat harapan yang menggunung atau sebarang yang lebih, namun menyimpan hasrat untuk memberikan persaingan kepada pasukan yang bakal menyertai kejohanan di Kota Singapura itu nanti," tegasnya mengulas mengenai sasaran Divas tahun ini.

Apabila ditanya mengenai pembangunan Bola Lisut wanita, katanya di Brunei Darussalam satu ketika dahulu mempunyai belasan pasukan yang aktif, namun kini hanya tinggal empat pasukan yang masih giat dalam acara sukan itu.

Menurutnya, antara faktor yang menjadi penyebab kemerosotannya adalah ketiadaan padang yang khas kerana sebelum ini permainan banyak dibuat di stadium dan dengan adanya padang yang khusus bagi sukan bola lisut nanti akan membantu perkembangannya.

"Pada pendapat saya, kemudahan dan peralatan yang mahal adalah antara punca kenapa sukan ini semakin merosot dan selain daripada itu ia juga perlu pendedahan di peringkat sekolah kerana di sana kita boleh melihat generasi mudah bergiat aktif dalam jangka masa yang panjang," ujarnya.

"Divas sebelum ini juga pernah mendapatkan khidmat pemain dari Pusat Tingkatan Enam, namun setelah mereka melanjutkan pengajian masing-masing ke peringkat pendidikan tinggi jumlahnya semakin berkurang," tambahnya lagi.

Beliau mengalu-alukan supaya lebih ramai pemain muda lelaki dan wanita untuk tampil ke hadapan menyertai mana-mana pasukan dan sekali gus memeriahkan lagi persada sukan bola lisut kebangsaan yang pada suatu masa dahulu sememangnya mendapat sambutan hangat.

Mengulas pula mengenai kejohanan yang bakal disertai itu, menurutnya Divas buat kali pertama menyertai kejohanan di luar Pulau Borneo dan ia menjadi aras ukuran Divas serta menjadi medan pembangunan pasukan.

Dari Sidang Pengarang.

23 MAC 2016 BERSAMAAN 1437 جمادى الآخر 14

PERPADUAN, PERMUAFAKATAN DALAM PERMESYUARATAN

MESYUARAT Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN), bagi tahun ini yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, Jalan Dewan Majlis telah ditangguhkan pada hari Selasa, 14 Jamadilakhir 1437 bersamaan 23 Mac 2016 setelah 13 hari bersidang.

MMN bersidang bagi sama-sama meneliti dan membincangkan isu-isu berkaitan dengan pembangunan, ekonomi, pendidikan, agama, kesihatan, kemajuan dan sebagainya. Ini bertujuan bagi sama-sama mengetahui dan mendapat penjelasan bagi mana-mana masalah atau isu yang dibangkitkan untuk mencari jalan penyelesaian mahupun permakluman bagi penangguhan sesuatu isu yang dibangkitkan.

Apa yang diharapkan agar segala permuafakatan atau perbincangan yang telah dijalankan bukan hanya akan memberikan kebaikan kepada satu pihak sahaja, namun akan memberikan kebaikan bersama kepada semua yang terlibat secara langsung mahupun sebaliknya.

Permuafakatan bukan sahaja memakan masa, tetapi juga melibatkan mental dan fizikal demi mencari jalan penyelesaian yang diinginkan, iaitu melalui jalan permuafakatan dan mesyuarat, bukan melalui jalan sebaliknya. Itulah yang diharapkan agar segala masalah akan dapat diselesaikan secara baik dan permuafakatan dan bukannya dengan kekerasan atau sebagainya.

Perpaduan dan permuafakatan yang dicapai adalah untuk memastikan segala apa yang dihasratkan, diimpikan dan diinginkan akan terlaksana sepertimana yang dirancang juga digariskan. Di sinilah, di mana kita sama-sama sebagai satu warganegara Brunei bersatu padu dalam keharmonian dan kesejahteraan yang berkekalan dalam perpaduan, dan permuafakatan permesyuaratan hingga sampai bila-bila jua hendak-Nya.

Tugas bagi setiap penjawat awam mahupun swasta sedang dan akan terus berjalan beriringan dalam sama-sama memastikan wawasan negara tercapai dan segala impian terkecapi. Di samping bersama-sama membangun ekonomi dengan negara lain. Bersaing secara sihat, berusaha tanpa lelah, berjaya tanpa melihat, bekerja kerana Allah.

Manfaatkan segala peruntukan dan peluang serta kepercayaan yang diberikan dengan berjimat cermat, amanah dan jujur dalam setiap langkah yang diperbuat dan diputuskan agar semuanya berkat dan bermanfaat serta memberikan hasil pulangan yang baik kepada negara, agama serta bangsa sendiri, bukan kerana tujuan bagi kepentingan diri.

Tirai MMN sudah ditangguh, tinggal kita mengangkat sauh, memulakan pelayaran jauh, agar semua tetap kukuh. Kukuh dicari bukan sekadar atas kata mahupun kertas sahaja, namun dilaksana dan dikotakan dengan usaha, kukuh bukan pada satu bidang sahaja, tetapi pada semua dan pelbagai bidang yang mampu dijana, demi keharmonian, kesejahteraan dan kemajuan negara, semoga negara terus maju sejahtera dan terpelihara, semua kembali pada rahmat dan berkat dari Allah jua.

- Ketua Penyuntingan (Nb).

SIDANG PENGARANG PELITA BRUNEI, JABATAN PENERANGAN

Pemberitaan/Rencana

Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
 Norliah Md. Zain,
 Hezlinawati Haji Abdul Karim,
 Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
 Ak. Jefferi Pg. Durahman,
 Haniza Abdul Latif,
 Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi,
 Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
 Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman,
 Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim,
 Rohani Haji Abdul Hamid,
 Nooratini Haji Abas,
 Khartini Hamir,
 Saerah Haji Abdul Ghani,
 Aimi Sani,
 Noraisah Muhammed,
 Marlinawaty Hussin,
 Ak. Syt'aruddin Pg. Dauddin

Ketua Bahagian Pelita Brunei

Sastra Sarini Haji Julaini

Ketua Penyuntingan

Hajah Zabaidah Haji Salat,
 Mohammad Rainie Haji Durani,
 Dk. Nasibahanim Pg. Haji Bakar,
 Noriah Haji Abdul Hamid

Penyemakan

Abdul Hadi Haji Suhaili,
 Haji Besar Haji Mamit,
 Hajah Norliha Haji Salleh,
 Ramlah Md. Nor,
 Nurul Hazwani Abu Omar,
 Siti Faizahanisah Awang Mahani,
 Dk. Nur Ridzwana Pg. Abd. Aziz

Penyuntingan

Samle Haji Jait,
 Nor Hanizah Haji Abd. Halim,
 Siti Muslihat Haji Salleh,
 Bolhassan Haji Abu Bakar,
 Abdullah Asgar,
 Hezlinawati Haji Abdul Karim,
 Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman

Penterjemahan

Hajah Musmariani Haji Mohammad

Pereka Letak

Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafor,
 Haji Ahmad Haji Salim,
 Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi,
 Mohammad bin Kahar

Juruteknik Foto

Hatral Hazmi Abdul Hamid,
 Nornasyirah Nordin,
 Muhammad Hafizhuddin Tasad

Remahan Cuaca Tiga Hari		
RABU	KHAMIS	JUMAAT
BANDAR SERI BEGAWAN		
 32° C / 26° C	 33° C / 26° C	 33° C / 26° C
MUARA		
 32° C / 27° C	 33° C / 27° C	 33° C / 27° C
PEKAN BANGAR		
 32° C / 25° C	 33° C / 26° C	 32° C / 26° C
PEKAN TUTONG		
 31° C / 26° C	 32° C / 26° C	 32° C / 26° C
PEKAN SERIA		
 31° C / 26° C	 32° C / 26° C	 32° C / 26° C
KUALA BELAIT		
 31° C / 26° C	 32° C / 26° C	 32° C / 26° C

Wallahuslam Bissawab
 Sumber: JABATAN RAJCUCA BRUNEI DARUSSALAM
 KEMENTERIAN PEMUDAHAN
 Telefon: 2345567 Talian Cuaca: 114

AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK,
 JABATAN PENGANGKUTAN DARAT,
 KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
 123

NDMC
2380214

Didik anak bangsa jadi pemimpin masa depan



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman (kiri) hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan Jambori Pengakap Tunas Kali Ke-4 PPND sempena Sambutan 100 Tahun Pengakap Tunas Sedunia.

Oleh : Mohammad Fakhri Jamil
Foto : Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 20 Mac. - Penerapan ilmu pengetahuan, kemahiran hidup serta pembentukan disiplin dan nilai-nilai murni harus mula diajarkan sejak dari usia muda lagi.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman berkata, pelajar yang terdidik dengan baik yang bermula sejak kecil lagi akan memberikan impak yang sangat besar apabila mereka dewasa kelak.

Demikian dinyatakan oleh Menteri Pendidikan semasa merasmikan Jambori Pengakap Tunas Kali Ke-4 Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) Sempena Sambutan 100 Tahun Pengakap Tunas Sedunia yang diadakan di Pusat Latihan dan Kegiatan Pengakap Kebangsaan, Kompleks Pengakap, Jalan Gadong, di sini.

Menurut Yang Berhormat, peranan kita sebagai orang-orang dewasa sama ada dalam agensi kerajaan mahupun dalam pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dalam sama-sama menaani dan menggalas tanggungjawab membangun anak bangsa kita untuk menjadi pemimpin masa depan negara.

Yang Berhormat percaya selain memberi pengalaman dan kemahiran yang berguna, aktiviti ko-kurikulum seperti perkhemahan ini boleh memberikan kesedaran kepada para pelajar tentang keadaan alam kehidupan yang sebenar agar mereka tidak terlalu tenggelam dalam dunia hayalan atau *virtual reality* melalui teknologi elektronik yang cepat berkembang.

"Keadaan ini, jika tidak dikawal akan pasti meracuni minda generasi dan dikuatiri boleh merenggangkan rasa kekeluargaan dan kejiranan di kalangan masyarakat kita dan seterusnya boleh menggugat keharmonian dan kesejahteraan

bernegara," ujar Menteri Pendidikan.

Terdahulu Yang Berhormat berkata, sejak Jambori Pengakap Tunas diperkenalkan pada tahun 2008, ia telah melibatkan lebih 2,000 ahli pengakap yang terdiri dari kalangan pelajar-pelajar sekolah rendah.

Menyentuh mengenai dengan Jambori Pengakap Tunas Kali Ke-4 ini, berbagai aktiviti yang menduga ketahanan mental dan fizikal para peserta telah disusun yang sekali gus menyediakan pengalaman yang berguna serta melatih para peserta yang terdiri dari pelajar-pelajar berusia muda dengan kemahiran-kemahiran baru yang mereka tidak perolehi melalui pembelajaran di dalam bilik darjah.

Tema jambori, iaitu 'Bermula Dari Kitani', jelas Yang Berhormat adalah sangat signifikan dalam pendidikan terutama bila mana ianya melibatkan penyertaan pelajar-pelajar dari sekolah rendah.

Jambori yang diunkayahkan oleh PPNBD dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan ini berlangsung selama enam hari bermula 18 hingga 23 Mac dan disertai oleh hampir 300 Pengakap Tunas dari dalam dan luar negara.

Negara Brunei Darussalam menghantar seramai 270 orang dari sembilan buah sekolah rendah kerajaan dan sepuluh buah sekolah rendah swasta di samping seramai 170 orang Pengakap Tunas dari Malaysia yang mewakili dari berbagai negeri, di samping dua orang pemerhati daripada Persekutuan Pengakap Singapura.

Jambori antara lain bertujuan memberi peluang kepada Pengakap Tunas dalam menimba pengalaman serta boleh mengaplikasikan pembelajaran di luar bilik darjah yang mana dapat mengukuhkan bakat dan kemahiran dalam berpengakap serta mencetus minda yang berdaya maju.

Doa Kesyukuran sempena Hari Air Sedunia 2016



TIMBALAN Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar (empat, kanan) selaku tetamu kehormat pada Majlis Doa Kesyukuran sempena Hari Air Sedunia 2016, anjuran Jabatan Kerja Raya (JKR) melalui Jabatan Perkhidmatan Air yang berlangsung di Masjid Ash-Shaliheen.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perkhidmatan Air

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 21 Mac. - Timbalan Menteri, Kementerian Pembangunan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Doa Kesyukuran sempena Hari Air Sedunia 2016 anjuran Jabatan Kerja Raya (JKR) melalui Jabatan Perkhidmatan Air yang berlangsung di Masjid Ash-Shaliheen, di sini.

Majlis dimulakan dengan sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah dan disusuli dengan sembahyang Sunat Hajat. Kemudian diikuti dengan bacaan Doa Kesyukuran yang dipimpin oleh Imam Masjid Ash-Shaliheen.

Majlis juga diserikan dengan ceramah khas bertajuk 'Air dan

Kerjaya' dan 'Jimat Air Amalan Mulia' yang disampaikan oleh penceramah undangan, Ustaz Awang Isham bin Ismail. Majlis diakhiri dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

Hari Air Sedunia disambut setiap tahun pada 22 Mac oleh masyarakat sedunia dan Negara Brunei Darussalam juga tidak terkecuali dalam menyambutnya. Ianya diadakan bertujuan untuk memberikan makluman dan kesedaran betapa pentingnya air terhadap masyarakat sedunia dan juga dapat memfokuskan segala isu berkaitan air dengan lebih berkesan selain memperbaiki dan mempertingkatkan persediaan bagi masa hadapan.

Tema tahun ini, iaitu 'Air dan

Kerjaya' memberi tumpuan bukan sahaja pada air sebagai keperluan seharian, tetapi air sebagai kepentingan dalam mewujudkan peluang pekerjaan dan menyokong pembangunan ekonomi, sosial dan perkembangan insan.

Turut hadir Setiausaha Tetap Pentadbiran dan Kewangan, Kementerian Pembangunan, Awang Haji Muhammad Lutfi bin Abdullah; Setiausaha Tetap Teknikal dan Profesional, Awang Eddy bin Dato Paduka Haji Sunny; Timbalan Setiausaha Tetap, Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin; Timbalan Pengarah JKR; ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan dan pegawai-pegawai di bawah Kementerian Pembangunan; pegawai-pegawai serta kakitangan Jabatan Perkhidmatan Air dan juga orang ramai.

DARe adakan Sesi Tumpuan bersama pengusaha tempatan

Siaran Akhbar : Darussalam Enterprise (DARe)

BERAKAS, Jumaat, 18 Mac. - Darussalam Enterprise (DARe), sebuah badan berkanun yang menyokong perusahaan tempatan, telah menganjurkan Sesi Tumpuan kepada 17 syarikat dari industri kreatif dan sektor pakaian.

Sesi yang diadakan di Auditorium Bengkel, Tingkat 3, Bangunan Design & Teknologi, Anggerek Desa Teknologi Park tersebut dikendalikan oleh Ahli Lembaga Pengarah DARe.

Sesi ini merupakan inisiatif berterusan DARe sebagai salah satu platform kepada pengusaha kecil dan sederhana tempatan memulakan perbincangan secara terbuka dengan menyentuh mengenai pelbagai aspek ekosistem perniagaan tempatan, berkongsi isu-isu yang mereka hadapi dan cara DARe membantu mengatasi masalah tersebut.

Salah satu dari isu-isu utama yang dibangkitkan ialah keperluan bagi proses perniagaan yang telus dan lebih baik.

Selain itu, para peserta turut berkongsi mengenai kemudahan-kemudahan yang disediakan seperti pembayaran secara elektronik dan perkhidmatan yang berdaya tahan menjadi aspek penting bagi usahawan tempatan mengembangkan permulaan perniagaan mereka.

Isu-isu yang dibangkitkan dalam sesi ini diambil maklum oleh pihak DARe dan akan berkerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan untuk mengatasi isu-isu yang dibangkitkan.

Sesi ini disambung pada 21 Mac, 2016 yang memfokuskan pada industri makanan.

Pengusaha-pengusaha yang berminat untuk mengetahui lebih lanjut mengenai DARe bolehlah datang ke Pejabat DARe di Tingkat 1, Bangunan Design & Teknologi, Simpang 32-37, Kampung Anggerek Desa atau e-mel ke dare@ei.gov.bn atau hubungi talian *hotline* DARe : +673 8363442.

Pertukaran dan pelantikan pegawai kanan

Siaran Akhbar : Jabatan Perkhidmatan Awam

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 22 Mac. - Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri dengan ini memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi Pengarah Kemajuan di Jabatan Kerja Raya, Dayang Hajah Norhayati binti Haji Mohd. Yaakub, ditukar dan dilantik sebagai Pengarah Perkhidmatan Teknikal di Jabatan Perkhidmatan Teknikal, Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan mulai 1 Jun 2015.

Hari Hutan Antarabangsa - KSSUP



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong (tiga, kiri) bersama para jemaah yang hadir menadah tangan memohon keberkatan sempena memperingati Hari Hutan Antarabangsa 2016.

Berita dan Foto :
Mohamad Azmi Awang Damit

Berhormat Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong.

Juga hadir pada majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), ketua-ketua jabatan, pegawai dan kakitangan di bawah kementerian berkenaan.

Majlis itu merupakan acara keagamaan Jabatan Perhutanan, KSSUP dan pembuka tirai bagi acara-acara bersempena dengan memperingati Hari Hutan Antarabangsa, tahun ini.

Setiap tahun, Hari Hutan Antarabangsa disambut dengan pelbagai cara yang memberikan perhatian terhadap kepentingan dan pemeliharaan hutan hijau.

Pada tahun ini, sambutan menumpukan terhadap hutan sebagai kunci utama pada bekalan air dunia yang merupakan sumber asas kehidupan.

Sempena Hari Kaji Cuaca Sedunia Bina masyarakat berdaya tahan terhadap iklim

Siaran Akhbar :
Jabatan Kajicuaca, Kementerian Perhubungan
Perutusan Setiausaha Agung Pertubuhan Kajicuaca Sedunia
Sempena Hari Kaji Cuaca Sedunia

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 20 Mac. - Perubahan iklim menjejaskan alam semula jadi dan manusia. Pelepasan gas rumah hijau terus meningkat, begitu juga dengan suhu bagi atmosfera dan lautan yang semakin bertambah.

Kini, suhu bumi adalah 1°C lebih panas berbanding pada permulaan Abad Ke-20. Komuniti antarabangsa telah sebulat suara menyuarakan keperluan bagi pemeriksaan tindakan.

Setiausaha Agung Pertubuhan Kajicuaca Sedunia, Petteri Taalas dalam perutusannya sempena Hari Kaji Cuaca Sedunia 2016 yang disambut pada setiap 23 Mac berkata, pelbagai kerajaan telah mengguna pakai Perjanjian Paris yang termeterai pada tahun lepas iaitu untuk "Mempertahankan peningkatan suhu purata global jauh di bawah 2°C pada tahap praindustri dan meneruskan usaha untuk menghadkan peningkatan suhu kepada 1.5°C."

"Ini merupakan komitmen yang tinggi, dan pelan-pelan nasional yang telah diguna pakai setakat ini mungkin tidak memadai dalam mengelak kenaikan suhu sebanyak 3°C. Namun, kita mempunyai pengetahuan serta peralatan yang diperlukan dalam menghadapi masa depan.

"Pertubuhan Kajicuaca Sedunia dan Perkhidmatan Meteorologi dan Hidrologi Kebangsaan memainkan peranan penting dalam membina masyarakat yang berdaya tahan terhadap iklim. Disebabkan oleh pelepasan gas yang dilakukan pada masa lalu dan sekarang, kita perlu bersedia dengan masa depan yang akan mempunyai lebih banyak waktu siang dan malam yang panas serta gelombang haba. Ini akan memberi kesan terhadap kesihatan awam dan memberi tekanan terhadap masyarakat. Kita boleh mengurangkan risiko kesihatan yang berkaitan dengan haba ini melalui sistem amaran awal pelbagai bahaya yang akan memberikan amaran yang tepat pada waktu kepada pembuat keputusan, perkhidmatan kesihatan dan orang awam," jelasnya.

Beliau menegaskan perlunya menangani kemarau secara lebih proaktif menerusi pengurusan bersepadu di samping menyediakan garis panduan dalam penghasilan polisi yang efektif dan strategi pengurusan tanah kepada para pembuat keputusan.

"Selain itu, kita juga perlu meningkatkan pengetahuan saintifik serta berkongsi amalan-amalan terbaik dalam menangani kemarau," ujarnya.

Menurut Setiausaha Agung itu, perubahan iklim juga meningkatkan risiko hujan lebat dan banjir.

Dalam hal ini, jelasnya, kita boleh melindungi nyawa dan harta benda daripada bahaya berkenaan melalui ramalan yang berteraskan kesan dan impak.

Menurutnya, pendekatan tersebut merupakan kaedah terbaik dalam menyalurkan maklumat dan membantu pengurus kecemasan untuk membuat tindakan.

Agenda PBB 2030 dan Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals*) katanya, adalah untuk mewujudkan satu komitmen global yang kukuh dalam membanteras kemiskinan. Ia termasuk memperbaiki sekuriti makanan, air dan sanitasi bagi semua yang memerlukan tenaga bersih dan bandar-bandar yang berdaya tahan dan menggalakkan pengurusan ekosistem semula jadi yang mampan.

Beliau menegaskan bahawa membina komuniti yang mampu berdaya tahan terhadap iklim dan cuaca merupakan satu perkara penting dalam strategi global dalam mencapai perkembangan mampan.

Komuniti Pertubuhan Kajicuaca Sedunia (WMO) ujarnya, juga akan terus memberi sokongan kepada negara-negara dalam mencapai perkembangan mampan dan menangani perubahan iklim melalui penyediaan sains yang terbaik dan perkhidmatan-perkhidmatan operasi bagi cuaca, iklim, hidrologi, laut dan alam sekitar.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 20 Mac. - Sempena memperingati Hari Hutan Antarabangsa 2016, Jabatan Perhutanan mengadakan Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah,

membaca Surah Yaa Siin dan Doa Selamat berlangsung di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah.

Hadir Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang

Bimbing bakal jemaah haji dengan sempurna

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Shazanna Khairunnisa Abu Bakar
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 17 Mac. - Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) menganjurkan Majlis Muzakarah Pengkursus Ibadat Haji bagi Musim Haji Tahun 1437 Hijrah / 2016 Masihi Ke-25 melalui Bahagian Bimbingan Haji.

Setiausaha Tetap KHEU, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yusoff hadir selaku tetamu kehormat bagi merasmikan majlis.

Menurut Setiausaha Tetap KHEU untuk menunaikan fardu haji pada ketika ini adalah sukar disebabkan kuota dan juga kos perbelanjaan haji yang semakin meningkat setiap tahun.

Kesukaran ini jelasnya, berkemungkinan para jemaah haji kita akan dapat menunaikan fardu haji hanya sekali seumur hidup.

Sehubungan itu, guru-guru pengkursus adalah disarankan supaya mengikuti muzakarah yang diadakan

ini dengan sebaik-baiknya supaya dapat mengajar dan membimbing bakal-bakal jemaah haji dengan sempurna sehingga para bakal jemaah haji akan dapat menunaikan fardu haji dengan teratur dan sempurna serta memperoleh haji yang mabrur.

Kursus seumpama ini diadakan adalah bagi meningkatkan pengetahuan guru-guru pengkursus ibadat haji dalam bimbingan haji kepada bakal jemaah-jemaah haji di Negara Brunei Darussalam dan memberikan penjelasan dan pencerahan pada masalah-masalah yang timbul di Tanah Suci semasa para jemaah haji menunaikan ibadat haji.

Lebih kurang seramai 110 peserta yang terdiri daripada guru-guru pengkursus, guru-guru penyelia sekolah agama, pegawai-pegawai dari jabatan-jabatan serta bahagian-bahagian di bawah KHEU, mahasiswa serta mahasiswi KUPU SB dan UNISSA, institusi-



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yusoff semasa berucap pada Majlis Muzakarah Pengkursus Ibadat Haji bagi Musim Haji Tahun 1437 Hijrah / 2016 Masihi Ke-25.

institusi pengajian di bawah KHEU, pegawai-pegawai Perubatan Haji dari Kementerian Kesihatan, pegawai-pegawai dari Jabatan Agama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei juga pegawai-pegawai operator haji menyertai kursus berkenaan.



ANTARA yang hadir pada Majlis Muzakarah Pengkursus Ibadat Haji bagi Musim Haji Tahun 1437H / 2016M Ke-25.

MPP UNISSA bantu golongan OBK

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BERAKAS. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama Unit Kebajikan dan Kemasyarakatan, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) telah mengadakan 'Projek Mengenal dan Membantu Golongan Orang Berkeperluan Khas (OBK)' bertempat di Pusat Bahagia Kampung Pulaie pada 4 Mac lepas, di sini.

Projek ini adalah sebagai menyahut seruan amanat Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal dalam buku Ristaan sempena Hafli Al-Takharruj Ke-5 UNISSA antara lain menyebutkan "Universiti Islam tulen bermakna bukan setakat memiliki ilmu dalam semua aliran disiplin ilmu Islam tetapi dicerminkan melalui keperibadian yang luhur dan mampu menarik perhatian masyarakat untuk mencontohinya. Jika ini dapat direalisasikan, maka UNISSA mampu berdiri sebagai pemangkin ke arah merealisasikan gagasan 'Negara Zikir' yang sentiasa mendapat keredaan Allah Subhanahu Wata'ala."

Justeru itu, seramai 60 sukarelawan UNISSA turut serta dalam projek ini yang telah berlangsung selama empat hari, iaitu bermula pada 29 Februari 2016 sehingga 2 Mac 2016 dan diteruskan pada 4 Mac 2016.

Projek ini adalah salah satu usaha Unit Kebajikan dan Kemasyarakatan MPP UNISSA untuk memberi sumbangan kepada masyarakat luar dalam memberi pendedahan kepada mahasiswa dan mahasiswi UNISSA tentang kewujudan golongan-golongan yang kurang bernasib baik di kalangan masyarakat dan sekali gus

mengetahui teknik berinteraksi dengan mereka.

Di samping itu juga, para peserta sukarelawan UNISSA akan dapat mengeratkan hubungan silaturahim dengan golongan OBK dan berusaha untuk memberikan sokongan dalam memartabatkan golongan ini ke arah meningkatkan taraf hidup mereka yang lebih baik.

Pada hari pertama, para sukarelawan UNISSA terlebih dahulu mengikuti Kelas Bimbingan Bahasa Isyarat yang disampaikan oleh Pelatih Pusat Bahagia. Tujuannya adalah untuk memberi kemudahan para peserta untuk berkomunikasi dengan para pelajar OBK.

Pada hari kedua, para sukarelawan telah membahagikan aktiviti kepada tiga kumpulan, iaitu kumpulan pertama membuat dan mendekorasi biskut, kumpulan kedua membuat batas di tanah lapang berdekatan dengan bangunan Pusat Bahagia untuk tempat penanaman sayur-sayuran, manakala kumpulan ketiga melukis dan mengecat dinding bangunan Pusat Bahagia.

Pada sebelah petangnya pula aktiviti diadakan di dalam *greenhouse gardening* untuk penanaman pohon pilihan pelajar OBK sendiri.

Pada hari ketiga, para mahasiswa UNISSA berpeluang mengajar pelajar OBK lelaki mengenai praktikal wuduk. Tujuannya adalah untuk mendedahkan kepada para pelajar mengenai cara-cara berwuduk dengan sempurna. Manakala mahasiswi UNISSA pula mengajar kepada pelajar perempuan tentang cara-cara membuat makanan 'Takoyaki', iaitu sejenis

makanan Jepun.

Pelajar OBK juga ditontonkan teater pendek mengenai seorang yang kurang upaya tetapi berjaya dalam kehidupan agar dapat meningkatkan lagi semangat dalam mengharungi cabaran kehidupan. Para pelajar OBK seterusnya dibawa berhibur dengan persembahan nasyid dan zikir yang dipersembahkan oleh para sukarelawan UNISSA.

Pada hari terakhir, para sukarelawan UNISSA seterusnya menyelesaikan projek bersama pelajar OBK dengan melukis dan mengecat dinding di bangunan Pusat Bahagia berkenaan.

Beberapa orang peserta sukarelawan UNISSA memberikan pandangan berkenaan dengan projek ini antaranya mahasiswi Fakulti Syariah dan Undang-Undang Tahun Pertama, Dayang Nur Khairunnisa Saajidah binti Haji Kamis mengatakan bahawa dengan adanya projek ini beliau telah dapat mengambil pelajaran yang amat berharga. Projek ini telah mendorong dirinya untuk lebih besemangat dalam apa jua situasi. Kalau golongan OBK mampu untuk berdikari apatah lagi dengan manusia yang diberikan kesempurnaan pancaindera. Projek ini juga mengajar dirinya untuk tidak memandang rendah kepada golongan OBK kerana mereka ini memiliki keistimewaan yang telah dianugerahkan Allah Subhanahu Wata'ala.

Beliau seterusnya berharap agar projek seperti ini dapat diteruskan dan perlu dibukakan kepada seberapa banyak penyertaan dengan tujuan agar dapat bermuhasabah diri untuk menjadi manusia yang berguna.

Manakala menurut Dayang Nuratikah binti Haji Omar, mahasiswi Tahun Dua, fakulti yang sama pula



PARA sukarelawan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) terlebih dahulu mengikuti Kelas Bimbingan Bahasa Isyarat yang disampaikan oleh pelatih Pusat Bahagia.

mengatakan bahawa penyertaannya dalam projek ini sangat menyeronokkan dan amat memberi manfaat. Projek ini telah mengubah persepsinya terhadap golongan OBK yang mempunyai keistimewaan yang tersendiri.

Sementara Dayang Norhafizah binti Haji Awang Ahmad, dalam fakulti dan tahun yang sama pula menjelaskan bahawa projek ini telah memberikan

satu pengalaman baru dalam mengenali kehidupan golongan OBK.

Kemampuan mereka dalam melakukan tugas adalah di luar dugaan. Mereka lebih suka diperlakukan seperti manusia normal tanpa meminta untuk dibantu dalam melakukan sesuatu. Jika ada peluang di masa akan datang, beliau tetap akan menyertai projek seperti ini.

IAW wujudkan keharmonian pelbagai agama, budaya

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

KAMPUNG RIMBA, Jumaat, 18 Mac. - Minggu Aspirasi Islam (*Islamic Aspiration Week - IAW*) 2016 mempunyai objektif untuk mewujudkan kesedaran dan pemahaman tentang kepentingan Al-Quran, sejarah Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta untuk menangani beberapa kesalahfahaman terhadap Islam.

Antara program yang diselitkan semasa Ceramah Motivasi bertajuk 'Kenapa Allah benarkan masalah berlaku?', disampaikan oleh Pakar Penterjemah, Jabatan Mufti Kerajaan, Dayang Hajah Sharifah Khadijah binti Husien Alkaff.

Semasa ceramah yang diadakan di Pusat Pelajar Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dayang Hajah Sharifah Khadijah menjelaskan bahawa Allah Subhanahu Wata'ala tidak akan menduga atau memberikan cubaan berupa kepayahan di luar batas kemampuan seseorang hamba-Nya itu.

Oleh itu, ujamnya umat Islam selaku hamba-Nya haruslah bersabar akan segala dugaan yang bakal menimpa dengan banyak bertawakal dan berserah kepada-Nya.

Antara yang hadir mendengarkan ceramah anjuran Eksekutif Keagamaan dan Kerohanian (EKK), Persatuan Mahasiswa Universiti Brunei

Darussalam (PMUBD) ialah Pegawai Ugama dan Kerohanian, Bahagian Hal Ehwal Pelajar UBD, Dayangku Siti Norainul Fathni binti Pengiran Haji Tajuddin, selaku Penyelaras dan Penasihat Program berkenaan.

IAW 2016 dibukakan bagi kunjungan orang ramai selama tujuh hari bermula 15 Mac sehingga 20 Mac dari jam 8.30 pagi hingga 4.30 petang yang menyelitkan pelbagai aktiviti termasuk persembahan dari kelab-kelab di bawah EKK, Ceramah Motivasi daripada penceramah-penceramah jemputan dan pertandingan antara fakulti-fakulti dan sebagainya.

Dengan adanya program yang bukan hanya tertumpu kepada orang Islam sahaja ini diharap akan dapat mewujudkan hubungan yang harmoni di antara pelbagai agama dan budaya selain dapat mengukuhkan serta membentuk seseorang individu untuk menegakkan iman yang tersendiri.

Program sedemikian juga diharap akan dapat membentuk identiti dalam kalangan umat Islam di UBD dan seterusnya memberi sumbangan kepada masyarakat.



SALAH satu pameran yang dungkayahkan oleh pelajar Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Jadikan kerja sebagai ibadah

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 Mac. - Sesuatu pekerjaan yang dikerjakan di dunia ini apabila ia dijadikan kerja sebagai ibadah akan mendapat imbalan dari Allah Subhanahu Wata'ala di akhirat nanti.

Bekerja itu adalah sebagai satu kewajiban seorang hamba kepada Allah Subhanahu Wata'ala di mana seorang insan secara minimal diharuskan untuk dapat memberikan nafkah kepada dirinya sendiri dan juga kepada keluarganya.

Demikian dijelaskan oleh penceramah undangan dari Pusat Da'wah Islamiah, Dr. Andas Haji Ismuhadi bin Abdullah semasa menyampaikan ceramahnya pada Majlis Ceramah Ugama sempena Hari Polis Ke-95 Tahun 2016, berlangsung di Dewan Serbaguna, Balai Polis Berakas.

Dalam Islam tambahnya, terdapat banyak sekali ibadah yang tidak mungkin dilakukan tanpa biaya dan harta, seperti zakat, infak, sedekah, wakaf, haji dan umrah, sedangkan biaya / harta tidak mungkin diperoleh tanpa proses kerja. Maka bekerja untuk memperoleh harta dalam rangka ibadah kepada Allah menjadi wajib.

Menurut Dr. Andas Haji Ismuhadi, antara keutamaan atau fadilat bekerja dalam Islam ialah sesiapa yang ikhlas bekerja akan mendapatkan keampunan dosa dari Allah Subhanahu Wata'ala di mana diampuni suatu dosa yang tidak dapat diampuni dengan solat, puasa, zakat haji dan umrah.

Selain itu jelasnya, mereka akan mendapat cinta Allah Subhanahu Wata'ala dan terhindar daripada azab neraka.

Manakala syarat untuk mendapatkan syurga dengan bekerja tambahnya ialah mempunyai niat ikhlas kerana Allah Subhanahu Wata'ala, itqan iaitu bersungguh-

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



SEBAHAGIAN anggota Pasukan Polis Diraja Brunei yang hadir mendengarkan Majlis Ceramah Ugama sempena Hari Polis Ke-95 Tahun 2016.

sebenarnya dan profesional dalam bekerja, bersikap jujur dan amanah, menjaga etika sebagai seorang muslim, tidak melanggar prinsip-prinsip syariah, menghindari syubhah serta menjaga ukhuwah islamiah.

Dr. Andas Haji Ismuhadi seterusnya menjelaskan, untuk meningkatkan iman perlunya ada usaha dalam diri seseorang mukmin iaitu dengan meningkatkan iman kerohanian dalam diri dengan merujuk kepada ahli-ahli ilmu, sentiasa menjaga solat, meningkatkan amalan dan mempunyai ilmu yang cukup.

Beliau juga menegaskan bahawa seseorang boleh merujuk perkara-perkara keagamaan melalui *internet* dan sebagainya tetapi tidak boleh digunakan 100 peratus kerana belum tentu ianya tepat oleh itu tegasnya sebarang kemusyiklan bolehlah dirujuk lagi kepada ahli-ahli ilmu yang arif.

Dari segi pekerjaan jelasnya,

walaupun kualiti kerja seseorang mukmin tersebut bagus, namun apa yang kita mahukan adalah keberkatan dalam setiap pekerjaan yang kita lakukan di mana apabila sesuatu pekerjaan itu diberkati, maka hidup akan bertambah tenteram.

Beliau seterusnya menyeru semua warga yang bekerja terutama anggota polis agar sentiasa meningkatkan keimanan mereka kepada Allah agar dapat terhindar daripada gejala rasuah.

Hadir pada sesi ceramah tersebut ialah Pegawai Pemerintah Daerah Polis Brunei Muara, Penguasa Kanan Polis, Husaini bin Haji Matzain serta pegawai-pegawai dan anggota pangkat rendah daripada Balai-balai Polis Daerah Brunei Muara.

Majlis ceramah ugama tersebut merupakan salah satu aktiviti keagamaan yang dianjurkan sempena sambutan Hari Polis Ke-95 Tahun di samping acara-acara lain.

Rondaan bersama Mukim Berakas 'A'

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 17 Mac. - Balai Polis Berakas mengadakan rondaan pencegahan jenayah bersama pengawasan kejiiran di bawah Mukim Berakas 'A' pada hari Rabu, 16 Mac 2016.

Sebelum rondaan dimulakan pada jam 11.00 malam, taklimat telah diadakan di kawasan Masjid Kampung Pulaie.

Rondaan melibatkan tiga orang anggota polis dan ahli pengawasan kejiiran yang diketuai oleh Ketua Kampung Pancha Delima, Awang Haji Zulkifli bin Awang Haji Ya'akub.

Rondaan menggunakan dua buah kenderaan polis di sekitar Kampung Pancha Delima, Anggerek Desa, Kampung Pulaie, Kampung Orang Kaya Besar Imas (OKBI), kawasan industri Anggerek Desa, Perumahan Yayasan Simpang 120 dan kawasan Jalan Berakas.

Rondaan berjalan kaki juga diadakan di kawasan-kawasan flat di kawasan Anggerek Desa Berakas.

Hasil rondaan tidak ada menjumpai sebarang aktiviti yang mencurigakan berhubung kait dengan kesalahan jenayah dan rondaan selesai pada jam 2.45 pagi.



ANGGOTA polis Balai Polis Berakas dan ahli pengawasan kejiiran yang diketuai oleh Ketua Kampung Pancha Delima, Awang Haji Zulkifli bin Awang Haji Ya'akub bergambar ramai sebelum membuat rondaan.

Cegah jenayah pada waktu siang

Berita dan Foto : Noraisah Muhammed

KUALA BELAIT, Khamis, 10 Mac. - Anggota Balai Polis Kuala Belait bersama Ahli Pengawasan Kejiiran terus mengadakan rondaan cegah jenayah waktu siang hari di daerah ini.

Tujuan rondaan berkenaan bagi memantau dan mencegah jenayah kes pecah rumah serta curi yang berlaku pada siang hari, di mana beberapa kejadian kes curi telah didapati berlaku di rumah kosong dan juga berlaku di rumah sewa pekerja asing pada waktu siang hari.

Seramai empat ahli Balai Polis Kuala Belait bersama, tiga Ahli Pengawasan Kejiiran, iaitu dua Ahli Pengawasan Kejiiran Kampung Pandan 'B' dan seorang Ahli Pengawasan Kejiiran Kampung Mumong terlibat pada operasi berkenaan.

Rondaan meliputi di sekitar kawasan Jalan Maulana hingga ke kawasan Kampung Mumong Kuala Belait dan kawasan perumahan Kampung Pandan.

Semasa rondaan ini dibuat, beberapa buah rumah kosong dilawati dan juga turut dibuat pemeriksaan rumah sewa pekerja asing.

Operasi Rondaan diketuai oleh Sarjan 3392 Jailani bin Haji Johari, bersama Kopral 3028 Mohd. Jin bin Roesta, Unit Pengawasan Kejiiran Balai Polis Kuala Belait.

Tidak ada sebarang kegiatan jenayah dijumpai di sepanjang operasi dijalankan dan operasi seumpama itu akan diteruskan dari semasa ke semasa.



ANGGOTA Balai Polis Kuala Belait bersama ahli pengawasan kejiiran semasa membuat rondaan.

Operasi cegah kegiatan menyalahi undang-undang

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Imigresen dan
Pendaftaran Kebangsaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 10 Mac. - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran kebangsaan (JIPK) mengingatkan kepada para majikan supaya tidak mengambil bekerja warga asing yang bukan atas jaminan mereka misalnya mengambil bekerja amah pinjam atau pemegang pas melawat kerana ianya adalah satu kesalahan dan jika sabit kesalahan pihak majikan akan berdepan dengan tindakan undang-undang, iaitu denda tidak kurang dari BND3,000 bagi setiap pesalah imigresen.

Sehubungan itu, bagi mencegah kegiatan yang menyalahi undang-undang imigresen, jabatan berkenaan meneruskan Operasi KESAN JIPK 16/2016 bermula jam 10.30 malam semalam dan berakhir jam 3.30 pagi.

Operasi yang diketuai oleh Ketua Pegawai Imigresen Kanan itu melibatkan 17 pegawai yang menyasarkan tiga sasaran bilik dan rumah sewa yang berasingan di Mukim Serasa dan Berakas.

Melalui operasi berkenaan, pegawai bertugas berjaya menahan 6 warganegara asing termasuk seorang perempuan asing yang didapati gagal menunjukkan pas imigresen yang masih sah. Kesemua mereka telah dibawa dan ditahan sementara di Balai Polis Bandar Seri Begawan untuk siasatan lanjut.

Semasa serbuan ke atas salah sebuah bilik sewa di Mukim Serasa, seorang perempuan warganegara asing didapati bersembunyi di sebalik pintu bilik yang dibuka oleh seorang lelaki warganegara asing. Lelaki terbabit pada mulanya cuba mengelirukan pegawai yang bertugas seolah-olah dia hanya tinggal berseorangan di bilik tersebut.

Setelah tapisan lanjut dijalankan, perempuan terbabit telah pun



PEGAWAI bertugas membuat tapisan ke atas cap imigresen yang ada di dalam dokumen yang diserahkan.

menyerahkan pasport miliknya yang mana mengandungi pas imigresen yang telah pun mansuh selama 362 hari jika sabit kesalahan akan dihadapkan ke mahkamah atas pertuduhan di bawah Bab 15(1) Akta Imigresen Penggal 17 kerana tinggal di negara ini setelah pas imigresennya mansuh.

Manakala itu, lelaki warga asing (suami) jika sabit kesalahan akan dikenakan tindakan undang-undang di bawah Bab 55(1) (d) Akta Imigresen Penggal 17 kerana memberikan perlindungan kepada seorang pesalah imigresen.

Operasi berkenaan bertujuan untuk memastikan warga asing yang tinggal atau berada di Negara Brunei Darussalam sama ada yang memegang pas kerja atau lawatan adalah teratur menurut Akta dan Peraturan Imigresen Penggal 17.

JIPK juga menasihatkan pekerja-pekerja dan juga pelawat-pelawat untuk memastikan keberadaan mereka adalah tidak bertentangan dengan pas-pas yang telah diberikan

kepada mereka.


Adalah menjadi kewajipan ke atas majikan dan juga penjamin pas lawatan untuk memastikan pekerja atau pelawat yang dijamin tidak melanggar peraturan yang berkuat kuasa seperti bekerja dengan majikan lain atau bekerja semasa memegang pas lawatan, di samping memastikan pas-pas mereka adalah masih sah.

Sebarang urusan mengenai pas-pas imigresen seperti penyambungan pas melawat dan pas kerja dibuat di kaunter-kaunter imigresen tanpa melalui individu-individu yang tidak bertanggungjawab.

JIPK mengalu-alukan kerjasama orang ramai bagi sama-sama memberikan maklumat berhubung dengan pesalah imigresen. Sebarang maklumat dan nama pemberi maklumat akan dirahsiakan sepenuhnya. Maklumat bolehlah disalurkan dengan menghubungi ke talian Hotline JIPK melalui talian +673 8734888 dan +673 8753888.

Balai Polis Muara adakan rondaan

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei



RONDAAN berjalan kaki di sekitar kawasan Rancangan Perumahan Negara Kampung Panchur Mangkubau, Mentiri.

diketuai oleh Penolong Pegawai Penguasa Balai Polis Sengkuring, Inspektor Abd. Sahrimin bin Abd. Rahman.

Jenis rondaan, iaitu rondaan menggunakan kereta dan rondaan berjalan kaki. Kawasan rondaan, iaitu pembahagian sektor seperti Sektor 1 di sekitar Kampung Katimahar / Lugu, Kampung Kulapis, Kampung Tanjong Nangka dan Kampung Bukit Panjang.

Sektor 2 di Kampung Mulaut, Jalan Ban 1 - 6, Kampung Sungai Tampoi, Jalan Mulaut - Tanjong Nangka, Jalan Lubuk Sigurun,

Kampung Pasai 1 dan 2.

Manakala Sektor 3, di Kampung Sengkuring 'A', Kampung Sengkuring 'B' (termasuk Kampung Tagap, Kampung Selayun, Kampung Peninjau) dan Kampung Tanjung Bunut Kanan. Sektor '4' di kawasan komersial Kampung Jerudong, Jerudong Park, kawasan komersial Tanjong Bunut dan kawasan komersial Kampung Sengkuring.

Hasil rondaan membuat pemeriksaan ke atas lima buah kereta dan 16 orang dan semuanya tidak ada mendapati menyalahi undang-undang.

Earth Hour 2016 : Ibu negara bergelap sejam

Oleh : Wan Mohamad Sahran
Wan Ahmadi
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 19 Mac. - Negara Brunei Darussalam bersama seluruh bandar raya di dunia tidak ketinggalan menyertai Earth Hour 2016 selama sejam bermula jam 8.30 malam.

Earth Hour kali ini menumpukan di ibu negara, kawasan lapang Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dengan mercu tanda Masjid Omar 'Ali Saifuddien.

Hadir menyaksikan kempen tersebut ialah Setiausaha Tetap (Perindustrian) di Jabatan Perdana Menteri, Awang Adi Shamsul bin Haji Sabli.

Lebih kurang 200 orang berkumpul di pekarangan kompleks bagi sama-sama menghitung *counting down* menantikan detik bermulanya Earth Hour sebagai tanda sokongan terhadap kempen tersebut.

Sejurus lampu dipadamkan, lebih 100 peserta termasuk orang awam menyertai Acara Fun Run dengan nyalaan dian, mengelilingi kompleks dan kawasan Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien.

Acara juga dimeriahkan dengan adanya maskot 'Panda' sempena kempen Earth Hour kali ini yang merupakan acara tahunan Tabung Alam Sedunia serta penandatanganan orang ramai dalam menyokong kempen ini sebagai kesedaran ke atas perubahan iklim yang dihadapi sekarang ini.

Selain itu, kempen yang bertujuan menyelamatkan bumi daripada pemanasan dan perubahan iklim juga turut diadakan di Daerah Tutong.



SETIAUSAHA Tetap (Perindustrian) di Jabatan Perdana Menteri, Awang Adi Shamsul bin Haji Sabli (dua, kiri) semasa hadir menyaksikan Earth Hour 2016 di kawasan lapang Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.



SUASANA Earth Hour di ibu Negara Brunei Darussalam.

300 peserta sertai 'Night Trekking Earth Hour'

Siaran Akhbar dan Foto :
Persatuan CARE
Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 19 Mac. - Pelbagai pihak menyokong Earth Hour 2016 bagi membantu Dana Hidupan Liar Dunia, WWF dalam menangani isu alam sekitar yang dijadikan acara tahunan.

Menurut Siaran Akhbar Persatuan CARE, persatuan berkenaan dan sukarelawan dari badan-badan tertentu mengadakan 'Night Trekking' untuk menyokong dan memberi kesedaran menangani isu-isu alam sekitar dalam arus globalisasi yang berlaku ketika ini, ia diadakan di Taman Peranginan Tasek Lama.

Selain aktiviti 'Night Trekking', para peserta juga belajar betapa pentingnya menjaga kebersihan dengan cara mengutip sampah sepanjang aktiviti itu dijalankan.

Aktiviti tersebut adalah sebagai tindakan secara sukarela oleh peserta untuk menunjukkan komitmen mereka pada satu tindakan perubahan yang memberi manfaat pada planet yang kita diami bersama.

Seramai 300 peserta menyertai 'Night Trekking Earth Hour 2016' termasuk ahli jawatankuasa.

Ia dianjurkan oleh Persatuan CARE Brunei Darussalam dengan bantuan dari badan-badan persendirian, agensi-agensi kerajaan, iaitu pihak Polis Diraja Brunei, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Paramedik, Lembaga Bandaran dan Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi agar aktiviti berjalan lebih teratur dan sistematik.



PARA peserta berjaya menyokong 'Earth Hour 2016' di Taman Peranginan Tasek Lama.



EARTH Hour 60 minit mengajak kita tentang penjimatan tenaga hanya setahun sekali.

Daerah Tutong sambut Earth Hour 60+

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin



PEMANGKU Pengerusi Lembaga Bandaran Tutong selaku Pengerusi Bersama, Awang Shahminan bin Haji Tengah (duduk, dua dari kanan) turut menyaksikan interaksi menggunakan video conference / Skype secara langsung bersama dengan wakil penganjur Earth Hour 60+ di Bandar Seri Begawan.

PEKAN TUTONG, Sabtu, 19 Mac. - Daerah Tutong sama-sama menyokong dan memeriahkan sambutan Earth Hour 60+ yang diadakan di negara ini.

Sambutan bertemakan 'Shine a light on Climate Action', acara Tutong Earth Hour 60+ berlangsung di kawasan letak kereta berdekatan bangunan komersial, Jalan Enche Awang di sini.

Hadir pada acara tersebut ialah Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran Tutong selaku Pengerusi Bersama, Awang Shahminan bin Haji Tengah.

Acara Tutong Earth Hour 60+ 2016 adalah anjuran Jabatan Bandaran Tutong dengan kerjasama Jabatan Daerah Tutong serta Badan Penyelaras dan Promosi Pelancongan Daerah Tutong.

Sebanyak 100 *neon sticks* diedarkan secara percuma kepada orang ramai yang hadir.

Para jemputan khas, pihak NGOs dan orang ramai menyalakan *neon sticks* yang membentuk Tutong 60+, diketuai oleh para ahli Sukarelawan (SUKA) Daerah Tutong, sebaik sahaja *countdown* Earth Hour dilakukan, lampu di sekitar Pekan Tutong ditutup.

Acara tersebut turut menyaksikan interaksi menggunakan video conference / Skype secara langsung bersama dengan wakil penganjur Earth Hour 60+ di Bandar Seri Begawan selaku wakil dari Daerah Brunei dan Muara selama lebih kurang tiga minit dan juga berinteraksi dengan para pelancong yang pernah melawat Negara Brunei Darussalam khususnya ke Daerah Tutong seperti Amerika Syarikat, Itali, Myanmar, Singapura dan United Kingdom.

Earth Talk juga diadakan selama 10 minit, berbentuk sesi soal jawab bersama pelancong luar negara yang berada di daerah ini, yang turut serta dalam acara Tutong Earth Hour 60+ pada tahun ini.

Jualan Bazar, Pameran dan Promosi Program Destinasi Tutong dan Tutong River Cruise juga diadakan bagi memeriahkan lagi acara tersebut dan sekali gus mengeratkan lagi perpaduan masyarakat di daerah ini serta menarik lebih ramai pengunjung ke Daerah Tutong bertepatan dengan hasrat menjadikan Daerah Tutong sebagai daerah destinasi.



NEON sticks yang membentuk Tutong 60+ dinyalakan sebaik sahaja lampu di sekitar Pekan Tutong ditutup.

Awas! Jangan dekati riba:

"Saya boleh menghutangkan kepada tuan, tetapi dengan syarat....."

Keluaran kedua

MERUJUK kepada riwayat di atas, apakah maksud "menjana keuntungan daripada hutang" yang dilarang itu?

Para ulama telah menghuraikan mengenai aktiviti mualamat hutang yang termasuk di dalam kategori "menjana keuntungan melalui hutang" yang dilarang sebagaimana riwayat di atas dengan membawakan beberapa contoh akad seperti berikut :

1. Pemiutang meletakkan syarat supaya penghutang membayar lebih daripada kadar hutang.

Sebagai contoh, pemiutang berkata kepada penghutang : "Saya boleh menghutangkan kepada tuan wang sebanyak \$100/=, dengan syarat tuan mesti membayar balik kepada saya sebanyak \$120/=."

Sebagai contoh lagi, pemiutang berkata kepada penghutang: "Saya boleh menghutangkan kepada tuan wang sebanyak \$50/=, dengan syarat tuan mesti belanja saya makan sekali di restoran."

Pengenaan syarat oleh pemiutang kepada penghutang seperti dua contoh akad di atas iaitu "membayar lebih daripada yang dihutangkan iaitu sebanyak \$20/=" dan "belanja makan di restoran" merupakan akad yang dilarang dan termasuk di dalam kategori "menjana keuntungan melalui hutang."

2. Pemiutang meletakkan syarat supaya penghutang membayar balik dengan barang yang lebih elok berbanding dengan barang yang dihutangkan.

Sebagai contoh, pemiutang berkata kepada penghutang : "Saya boleh menghutangkan atau meminjamkan tuan sekilo beras Gred 'C', dan tuan mesti bayar atau ganti balik kepada saya dengan sekilo beras yang lebih baik mutunya iaitu sekilo beras Gred 'A'.

Sebagai contoh lagi, pemiutang berkata kepada penghutang : "Saya bersedia menghutangkan kepada tuan seekor kambing saya yang tempang ini (tempang kerana salah satu kakinya patah) untuk disembelih. Tetapi saya mahu tuan membayar atau mengganti balik kambing saya ini nanti dengan seekor kambing yang tidak tempang."

Pengenaan syarat kepada penghutang iaitu "membayar balik dengan beras daripada Gred yang lebih baik (Gred 'A') dan "membayar atau mengganti balik dengan kambing yang tidak tempang" di dalam dua contoh di atas merupakan akad hutang yang dilarang dan termasuk di dalam kategori "menjana keuntungan melalui hutang."

3. Pemiutang meletakkan syarat supaya penghutang menyewa barang milik pemiutang dengan harga sewaan yang lebih tinggi.

Sebagai contoh, pemiutang berkata kepada penghutang : "Saya boleh menghutangkan tuan wang sebanyak \$500/=:, tetapi tuan hendaklah menyewa rumah saya ini dengan harga sewaan \$50/= lebih tinggi daripada harga sewaan biasa."

Pengenaan syarat oleh pemiutang kepada penghutang seperti contoh akad di dalam senario di atas iaitu mensyaratkan penghutang menyewa rumah pemiutang dengan membayar harga sewa \$50/= lebih tinggi daripada harga sewaan biasa merupakan perbuatan yang dilarang dan termasuk di dalam kategori "menjana keuntungan melalui hutang."

4. Pemiutang meletakkan syarat supaya penghutang menjual sesuatu barang miliknya kepada pemiutang.

Sebagai contoh, si A (penghutang) terdesak untuk berhutang duit bagi membiayai sesuatu keperluan. Lalu si A pun pergi kepada si B (pemiutang) untuk berhutang duit sebanyak \$2,000/=. Apabila si A menyampaikan hasratnya itu kepada si B, si B pun bersetuju dengan bersyarat. Si B berkata:

"Saya boleh menghutangkan kepada tuan wang sebanyak \$2,000/=:, dengan syarat tuan jual tanah tuan itu kepada saya."

Akad seperti ini juga termasuk di dalam kategori "menjana keuntungan melalui hutang". Akad hutang dan jualan dalam satu masa seperti ini adalah tidak sah dan haram hukumnya. Ini adalah berdasarkan hadits Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, Baginda bersabda :

Maksudnya : "Tidak halal hutang bersama jualan."

(Hadits riwayat at-Tirmidzi)

Membayar balik hutang melebihi jumlah yang dihutangkan

Bagaimana pula hukumnya jika penghutang dengan sukarela, tanpa disyaratkan oleh pemiutang, membayar balik hutangnya dengan melebihi daripada kadar yang dihutangkan atau membayar balik dengan sesuatu yang lebih baik daripada apa yang dihutangkan?

Seorang yang berhutang, apabila dia

SEORANG yang berhutang, apabila dia membayar balik hutangnya dengan kadar melebihi jumlah yang dihutangkan atau membayar balik dengan sesuatu yang lebih baik daripada barang yang dihutangkan dengan kehendak dan kerelaan orang yang berhutang itu sendiri, dan tanpa diminta atau disyaratkan oleh pemiutang, maka bayaran yang lebih itu atau bayaran dengan sesuatu yang lebih baik itu bukan dinamakan riba. Bahkan pembayaran yang sedemikian itu adalah suatu perkara yang elok dan hukumnya adalah sunat. Bayaran lebihan itu dianggap sebagai pemberian (tabarru') daripada penghutang. Berlainan keadaannya jika lebihan itu disebut atau disyaratkan dalam akad, maka yang demikian itu dinamakan riba.

membayar balik hutangnya dengan kadar melebihi jumlah yang dihutangkan atau membayar balik dengan sesuatu yang lebih baik daripada barang yang dihutangkan dengan kehendak dan kerelaan orang yang berhutang itu sendiri, dan tanpa diminta atau disyaratkan oleh pemiutang, maka bayaran yang lebih itu atau bayaran dengan sesuatu yang lebih baik itu bukan dinamakan riba. Bahkan pembayaran yang sedemikian itu adalah suatu perkara yang elok dan hukumnya adalah sunat. Bayaran lebihan itu dianggap sebagai pemberian (tabarru') daripada penghutang. Berlainan keadaannya jika lebihan itu disebut atau disyaratkan dalam akad, maka yang demikian itu dinamakan riba.

Perkara ini berdasarkan riwayat daripada Abu Rafi' Radhiallahu 'anhu, sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah berhutang seekor unta muda kepada seorang lelaki. Kemudian Baginda mendapat unta sedekah, lalu memerintahkan Abu Rafi' membayarkan hutang Baginda kepada lelaki tadi dengan seekor unta muda. Abu Rafi' kembali kepada Baginda dan berkata : "Saya tidak menemukan dalam kumpulan unta sedekah itu kecuali unta yang bagus." Lalu Baginda bersabda :


Maksudnya : "Bayarkan kepadanya, kerana sesungguhnya sebaik-baik manusia adalah yang paling baik dalam membayar hutangnya."

(Hadits riwayat Muslim)

Akad Hutang Bersyarat Yang Tidak Dilarang

Bagi tujuan pengesahan atau bagi memelihara akad hutang itu sendiri daripada berlaku kemungkiran di pihak yang berhutang, pemiutang boleh mengenakan syarat supaya akad hutang di antara penghutang dan pemiutang dibuat secara bertulis, mengadakan saksi, atau mensyaratkan penghutang mengadakan barang jaminan atau penjamin.

Keharusan pengenaan syarat bagi semua atau salah satu daripada perkara di atas



merupakan sesuatu yang disyariatkan sebagaimana dijelaskan di dalam beberapa ayat Al-Qur'an seperti berikut :

1. Firman Allah Ta'ala:

Tafsirnya : "Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu membuat urusan hutang-piutang yang diberi tempoh hingga ke suatu masa yang tertentu maka hendaklah kamu menulisnya (mencatatkan hutang dan masa bayarannya). Dan hendaklah pencatat (hutang) antara kamu itu mencatatkannya dengan adil (untuk mengelakkan perselisihan)."

(Surah Al-Baqarah, ayat 282)

2. Firman Allah Ta'ala :

Tafsirnya : "Dan hendaklah kamu mengadakan dua orang saksi laki-laki daripada kalangan kamu. Sekiranya tidak ada dua orang saksi laki-laki maka bolehlah seorang laki-laki dan dua orang perempuan daripada orang-orang yang kamu setuju untuk menjadi saksi supaya jika yang seorang lupa daripada saksi-saksi perempuan yang berdua itu maka dapat diingatkan oleh yang seorang lagi."

(Surah Al-Baqarah, ayat 282)

3. Firman Allah Ta'ala :

Tafsirnya : "Dan jika kamu sedang musafir (lalu kamu berhutang atau memberi hutang yang bertempoh) sedang kamu tidak mendapati pencatat maka hendaklah diadakan barang jaminan untuk dipegang (oleh orang yang memberi hutang)."

(Surah Al-Baqarah, ayat 283)

Kesimpulan

Apa yang dapat disimpulkan dari penjelasan di atas, akad hutang disyariatkan bukan bertujuan untuk membuka ruang kepada pemiutang meraih atau membuat keuntungan daripada harta yang dipinjamkan atau dihutangkan kepada penghutang tetapi semata-mata demi membantu penghutang. Apatah lagi jika penghutang itu merupakan seorang yang dalam kesusahan hidup dan memerlukan pinjaman bagi menampung keperluannya.

Memberi pinjam atau menghutangkan kepada orang lain bagi maksud untuk menjana atau mengaut sebarang keuntungan atau manfaat daripada penghutang adalah dilarang dan termasuk di dalam kategori aktiviti riba.

Takluk diri sendiri dengan jihad

DAN adapun orang yang takut akan kebesaran Tuhannya dan dia menahan dirinya daripada menurut hawa nafsunya. Maka sesungguhnya syurga ialah tempat tinggalnya. Surah an-Nazi'at : 37-41

Jihad terhadap diri sendiri (hawa nafsu) harus didahulukan daripada jihad melawan orang-orang kafir (peperangan). Jihad melawan hawa nafsu ini merupakan asas untuk melakukan jihad yang lain. Apabila seorang individu tidak berjihad melawan

hawa nafsu sendiri, bagaimanakah dia mampu berjihad sedangkan diri sendiri masih dikuasai oleh hawa nafsu, keadaan ini dapat dilihat dalam melaksanakan kewajipan mentaati perintah Allah Subhanahu Wata'ala. Kadangkala nafsu membisikan kita agar melalaikan dari melakukan suruhan Allah Subhanahu Wata'ala dan yang paling ketara apabila meninggalkan sembahyang fardu lima waktu.

Jihad dalaman seharusnya dimulakan dari

JIHAD terhadap diri sendiri (hawa nafsu) harus didahulukan daripada jihad melawan orang-orang kafir (peperangan). Jihad melawan hawa nafsu ini merupakan asas untuk melakukan jihad yang lain. Apabila seorang individu tidak berjihad melawan hawa nafsu sendiri, bagaimanakah dia mampu berjihad sedangkan diri sendiri masih dikuasai oleh hawa nafsu, keadaan ini dapat dilihat dalam melaksanakan kewajipan mentaati perintah Allah Subhanahu Wata'ala. Kadangkala nafsu membisikan kita agar melalaikan dari melakukan suruhan Allah Subhanahu Wata'ala dan yang paling ketara apabila meninggalkan sembahyang fardu lima waktu.

dalam diri sendiri iaitu dengan mengawal hawa nafsu. Hawa nafsu adalah pendorong utama seseorang untuk melakukan maksiat dan melakukan penyelewengan yang melampaui batas. Bukannya mudah untuk menghalang hawa nafsu dan ia amat memerlukan jihad yang sebenar-benarnya kerana dengan menjihadkan diri akan mendorong manusia untuk taat kepada Allah Subhanahu Wata'ala jua. Dengan adanya pengawalan dan jihad hawa nafsu ini akan melahirkan perpaduan dan kesatuan dalam kalangan umat Islam, begitulah indah dan cantiknya Islam.

Terkini dan mutakhir apa yang kita ketahui dan dipaparkan perkataan jihad telah disalahertikan dan lebih malang lagi ia telah dikotori oleh umat Islam itu sendiri. Ia sudah dicemari dengan segala perbuatan yang berbentuk teroris dan keganasan, pembunuhan orang yang tidak bersalah, serangan bom tembak-menembak, serangan berani mati, sabotaj dan perbuatan ekstrim yang lain sedangkan ajaran Islam itu mendidik dengan sifat-sifat yang indah dan mulia, sama sekali tidak mendidik masyarakatnya



berbuat sedemikian. Ruang lingkup jihad itu kalau dihayati dan dilaksanakan dengan tepat akan melahirkan dan mengembangkan syiar agama Islam yang indah dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara yang mencetuskan kecemerlangan dan kegemilangan negara dan masyarakat Islam.

Demikianlah jihad yang sebenarnya adalah seorang hamba berjihad melawan nafsunya untuk menundukkan hati, lidah, dan fizikalnya kepada Allah Subhanahu Wata'ala sehingga segala sesuatu itu hanya untuk Allah Subhanahu Wata'ala jua.

"Pergilah segera untuk berjihad (pada jalan Allah) sama ada dalam keadaan ringan mahupun dalam keadaan berat, dan berjihadlah dengan harta-benda dan jiwa kamu pada jalan Allah. Yang demikian itu lebih baik bagi kamu jika benar kamu mengetahui." (Surah at-Taubah : 41)

Peruntukan BND5.6 bilion diluluskan

Dari muka 1

Ketetapan tersebut diusulkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), yang mana jelas Yang Berhormat cadangan Peruntukan Rancangan Kemajuan Negara telahpun dibincangkan secara terperinci dan panjang lebar dalam satu Sidang Jawatankuasa dan telahpun diluluskan dengan tiada pindaan. Selain itu, ia juga bagi membolehkan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam meneruskan rancangan-rancangan sebagaimana yang telah dirancang.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

Kajian sumber pasir Sungai Paku telan belanja BND2.1 juta

Laporan : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto: Hernie Suliana Haji Othman, Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 Mac. - Projek kajian geological dan penilaian bagi sumber pasir di kawasan Lombong Pasir Sungai Paku, Daerah Tutong sedang dilaksanakan pada masa ini dan dijangka siap pada 25 Ogos ini yang menelan belanja sebanyak BND2.1 juta, sejak 13 Mac 2014.

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah menyentuh perkara tersebut pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) pada hari kesembilan, pagi tadi, bagi menjawab soalan yang diajukan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Lahit berkenaan kajian geologi di Sungai Paku.

Yang Berhormat menerangkan tujuan kajian tersebut adalah untuk menyediakan penilaian simpanan sumber pasir di kawasan kajian tersebut.

Tambah Yang Berhormat lagi, saranan daripada Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin untuk menanam pokok-pokok akan dikaji kesesuaiannya, di samping itu, ada juga pemikiran-pemikiran awal pada peringkat ini bagi kemungkinan untuk menempatkan bahan-bahan binaan terutama sekali berupa pasir di kawasan tersebut.

Yang Berhormat juga menyentuh mengenai soalan yang diajukan oleh salah seorang Ahli MMN mengenai Taman Batang Duri,

yang begitu berpotensi untuk dibuka bagi kunjungan orang ramai dan mungkin juga untuk pelancongan.

Pihak Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe) masih dalam proses perbincangan dengan agensi-agensi yang berkepentingan untuk melihat kesesuaian dan 'viability' bagi perkara ini untuk dilaksanakan secara Private Public Partnership sebagai salah satu inisiatif bagi menjana bidang perekonomian khususnya dalam bidang industri pelancongan, jelas Yang Berhormat.



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Lahit.

Pemilik rumah SPN perlu miliki insuran perlindungan api

Laporan : Marlinawaty Hussin
Foto: Hernie Suliana Haji Othman, Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 Mac. - Pemilik-pemilik rumah adalah dikehendaki untuk mengambil insurans perlindungan api seperti yang terkandung dalam syarat dan peraturan perjanjian menyertai Skim Perumahan Negara (SPN) yang telah ditandatangani oleh pemilik-pemilik rumah.

Ini bertujuan untuk membantu pemilik-pemilik rumah untuk memperbaiki atau membina rumah baharu jika berlaku musibah kebakaran.

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah menjelaskan perkara tersebut dalam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN), di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini, ketika menjawab soalan yang diutarakan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Lahit berhubung dengan cadangan untuk membaik pulih rumah-rumah yang terbiar atau rosak akibat kebakaran.

Terdahulu Yang Berhormat berkata, pemohon-pemohon di



AHLI MMN, Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman.

bawah SPN yang telah berjaya mendapatkan rumah, bertanggungjawab sepenuhnya terhadap rumah tersebut termasuk tanggungjawab terhadap kebersihan dan pemeliharaan kawasan rumah masing-masing.

"Walau bagaimanapun, pihak kerajaan hanya akan bertanggungjawab untuk membaik pulih rumah-rumah yang mengalami kerosakan yang melibatkan struktur sahaja," ujar Yang Berhormat.

Mengenai rumah-rumah yang terbakar, jelas Yang Berhormat, adalah menjadi tanggungjawab pemilik rumah untuk membaiki atau membina semula rumah berkenaan, manakala, mengenai dengan rumah-rumah yang terbiar, siasatan akan dibuat bagi memastikan pemilik rumah tersebut masih menggunakan rumah yang dimaksudkan.

"Jika pemilik rumah berkenaan didapati meninggal dunia atau tidak ada pewaris yang sah, maka rumah tersebut akan diambil balik oleh kerajaan dan akan ditawarkan kepada pemohon-pemohon dalam senarai yang masih dan sedang menunggu," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin juga menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman mengenai Power of Attorney and Trust Deed (PATD).

Yang Berhormat menekankan bahawa PATD adalah untuk mengawal pemilikan tanah kekal oleh mereka yang tidak berhak.

"Alhamdulillah, kita baru sahaja menerima kebenaran mengenai sokongan-sokongan penyelesaian terhadap perkara PATD ini, yang insyaaAllah dalam sedikit masa lagi akan dibarigakan kandungan sokongan tersebut kepada pihak-



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah.

pihak yang berkepentingan dan secara dasarnya PATD ini ialah untuk mengawal orang yang tidak berhak memiliki tanah khususnya tanah kekal," ujar Yang Berhormat.

Bagi kegunaan FDI, Yang Berhormat menerangkan, seluas 1533 hektar tanah untuk kegiatan industri telah diserahkan di bawah kawalan agensi-agensi kerajaan yang mempromosikan kegiatan industri, manakala 5375 hektar lagi telah dikenal pasti untuk kegunaan industri bila diperlukan nanti.

"Tidak ada masalah bagi FDI untuk mendapatkan tanah untuk kegiatan industri. Bagi pemilik atau *executive* FDI pula yang disentuhkan memerlukan tempat tinggal, tidak ada masalah bagi mereka memiliki kediaman secara '*strata title*' atau secara pajakan sebagai *assurance* atau terutama sekali kepada peniaga-peniaga dan pelabur-pelabur asing, proses penyelesaian isu PATD ini akan memastikan tidak ada kesan negatif terhadap Ease of Doing Business di negara kita ini," Yang Berhormat menjelaskan.

KKBS fokus keutamaan wawasan 'Bangsa Brunei Yang Cemerlang'

Laporan : Haniza Abdul Latif

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 Mac. - Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) telah meluluskan peruntukan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan jabatan-jabatan di bawahnya dengan jumlah sebanyak BND85,131,230.

Di bawah Perbelanjaan Tahun Kewangan 2016 / 2017 KKBS, jumlah peruntukan tersebut adalah bagi gaji kakitangan, perbelanjaan berulang-ulang dan perbelanjaan khas.

Dari jumlah tersebut, sebanyak BND19,896,970 diperuntukkan bagi Jabatan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; sebanyak BND12,355,540 diperuntukkan bagi Dewan Bahasa dan Pustaka dan Jabatan Belia dan Sukan diperuntukkan sebanyak BND 20,899,850.

Sementara itu, sebanyak BND10,744,580 diperuntukkan bagi Muzium-Muzium; Pusat Sejarah diperuntukkan sebanyak BND4,365,560 dan Jabatan Pembangunan Masyarakat diperuntukkan sebanyak

BND 16,868,730.

KKBS akan memberi fokus dan keutamaan antaranya pada mengekalkan usaha bagi mendukung wawasan kementerian itu, iaitu 'Bangsa Brunei Yang Cemerlang' dengan menerapkan dan mengekalkan identiti bangsa melayu yang beragama, bersopan santun, pemedulian, penyayang, semangat taat setia yang tidak berbelah bahagi pada raja dan cintakan negara, dan mendaulkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, berasaskan kepada falsafah negara 'Melayu Islam Beraja' dan matlamat Wawasan Brunei 2035.

Selain itu, fokus dan keutamaan juga ditumpukan perhatian kepada program-program teras kementerian, iaitu Sambutan Hari Kebangsaan; Program Khidmat Bakti Negara (PKBN); Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan; Program Memperkasa Komuniti; Latihan Kemahiran di Pusat Pembangunan Belia (PPB); Program Belia Berdikari dan Sambutan Hari Belia Kebangsaan.

Di samping itu, meningkatkan lagi produktiviti rakyat dan penduduk negara ini melalui promosi aktiviti-aktiviti sukan dan riadah, di samping membina PKBN dan latihan kemahiran di PPB.

RALAT

Merujuk Pelita Brunei, edisi Sabtu, bertarikh 19 Mac 2016, dalam muka surat 11 bertajuk 'KHEU fokus jayakan lima program', Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Bahagian Perhubungan Awam telah membetulkan bahawa sasaran yang ditetapkan bagi pendaftaran saudara baharu ialah 500 orang manakala bagi pengeluaran Sijil dan Label Halal (baharu dan pembaharuan) bagi restoran disasarkan kepada 300 sijil dan saranan peratus peningkatan jumlah kutipan zakat harta ialah 6% yang mana tahun lepas kutipan zakat harta adalah sebanyak BND 16.8 juta.- **Penyunting.**

KKBS peduli permasalahan rakyat melalui empat peranan teras



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 Mac. - Peruntukan belanjawan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) bagi tahun kewangan 2016 / 2017 berjumlah BND 85,131,230 untuk gaji, perbelanjaan berulang-ulang dan perbelanjaan khas.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof menyatakan perkara tersebut ketika membentangkan mukadimah bagi KKBS pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN), di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat menjelaskan, KKBS menjunjung hasrat murni Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi sama-sama melipatgandakan usaha dalam memeduli permasalahan rakyat dan penduduk di negara ini melalui empat peranan teras, iaitu

Laporan : Marlinawaty Hussin
Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Azmah Haji Ahad

Kebudayaan, Kebeliean, Kesukanan dan Kemasyarakatan.

Kebudayaan dari segi memelihara dan menjaga budaya, sejarah dan warisan bangsa sebagai tunjang perpaduan dan identiti bangsa yang mempunyai tamadun tinggi dan gemilang; Kebeliean dari segi membangun serta meningkatkan jati diri rakyat dan penduduk negara ini, termasuk golongan belia selaku agen perubahan, pewaris dan generasi penerus agar mereka akan lebih berdikari, berwawasan dan bertanggungjawab serta dapat memberikan sumbangan bermakna kepada pembangunan dan kesejahteraan negara; Kesukanan dari aspek menyediakan prasarana sukan dan riadah ke arah masyarakat yang sihat dan cergas; dan Kemasyarakatan dalam aspek memastikan kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk dan mengukuhkan institusi keluarga ke arah mewujudkan perpaduan.

Berpaksikan kepada tema belanjawan negara Tahun Kewangan 2016 / 2017, iaitu 'Mengukuhkan Iklim Perekonomian bagi Mendukung Pembangunan Berterusan' yang fokus kepada empat keutamaan, iaitu memudahcara perniagaan, meningkatkan produktiviti negara, membina kapasiti dan modal insan serta memelihara kesejahteraan awam, KKBS akan meneruskan program-program rutin dan mengetengahkan inisiatif-inisiatif baharu.

Dalam bidang kebudayaan, kata Yang Berhormat, KKBS akan menubuhkan Akademi Budaya dan Seni pada masa yang bersesuaian

yang mana akan menempatkan pembelajaran kebudayaan dan kesenian orang-orang Brunei yang akan melahirkan tenaga kreatif yang diperlukan dalam industri kreatif dan kebudayaan. Inisiatif ini dijangka memberi kesan limpahan kepada bidang kebudayaan dan kesenian dalam menjana ekonomi.

Selain itu, peruntukan sebanyak BND 50,000 telah dicadangkan ke arah melahirkan masyarakat Brunei yang celik ilmu pengetahuan melalui budaya membudaya membaca, ujar Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat, KKBS juga mencadangkan peruntukan berjumlah BND 1,500,000 bagi Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) dan BND 200,000 bagi Program Belia Berdikari.

Di samping itu, PKBN, program-program di Pusat Pembangunan Belia, Outward Bound Brunei Darussalam dan program-program kebeliean, kenegaraan, keagamaan, keusahawanan dan sukarelawan di pusat-pusat belia akan diteruskan dan diperluaskan skop serta matlamatnya.

Yang Berhormat menambah, KKBS akan meneruskan agenda sukan negara, pensejahteraan prasana dan kemudahan-kemudahan sukan bagi membudayakan cara hidup sihat ke arah generasi yang lebih cergas, cerdas dan penuh keyakinan diri, di samping melahirkan kumpulan atlet sukan negara termasuk atlet kurang upaya yang boleh bersaing di arena sukan serantau dan antarabangsa.

Dalam bidang kesukanan ini, Yang Berhormat menyatakan, cadangan

peruntukan sebanyak BND4 juta adalah untuk pemeliharaan aset fasiliti sukan, manakala akaun sukan berjumlah BND 208,000.

Di bidang kemasyarakatan dan kesejahteraan pula, Yang Berhormat menegaskan, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui KKBS akan tetap menunaikan tanggungjawab kepada rakyat dan penduduk di negara ini demi untuk memastikan kesejahteraan mereka terpelihara.

Menurut Yang Berhormat, KKBS juga melalui Majlis Kebangsaan Isu-Isu Sosial (MKIS) sedang mengorak langkah yang lebih munasabah dan berdaya tahan untuk membantu dan memperkasa golongan yang memerlukan bantuan untuk berusaha sendiri dalam memperbaiki kedudukan kewangan mereka dan membolehkan mereka keluar dari golongan yang kurang berkemampuan atau dalam istilah lain kepompong kemiskinan.

Tambah Yang Berhormat, program latihan kemahiran bagi memperkasa penerima bantuan dalam menangani isu kemiskinan dicadangkan peruntukan BND60 ribu.

"Sebagai langkah awal ke arah ini, Program Profiling para penerima bantuan sudahpun mula dilaksanakan oleh JAPEM dan InsyaaAllah akan diperluaskan lagi pada tahun ini. Melalui program ini, kita akan dapat mengenal pasti program-program yang lebih sesuai dan berkesan bagi setiap penerima bantuan, sama ada melalui program meningkatkan kemahiran, program keusahawanan ataupun sebarang program yang bersesuaian 24 berdasarkan latar belakang dan keupayaan masing-masing," ujar Yang Berhormat.

Yang berhormat seterusnya berkata, dua isu yang akan jua diberi



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

keutamaan tahun ini adalah dalam menangani isu kanak-kanak, di mana kesejahteraan kumpulan ini adalah sangat perlu dijaga.

"MKIS baru-baru ini telah meluluskan bagi isu kanak-kanak untuk ditangani secara khusus. Penekanan ini bukan saja akan memudahkan lagi pensejajaran program-program yang khusus bagi 26 kepentingan dan hak kanak-kanak, malah ia adalah selaras dengan komitmen negara di bawah Convention on the Rights of the Child (CRC) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu," kata Yang Berhormat.

Mengenai dengan hak-hak dan kesejahteraan Orang Kurang Upaya (OKU), Yang Berhormat menjelaskan bahawa KKBS akan meneliti semula akan keperluan penyediaan perundangan khusus bagi menjaga kesejahteraan kumpulan sasaran ini. Kementerian ini juga akan meningkatkan kerjasama dengan pihak-pihak yang berkepentingan seperti agensi-agensi kerajaan, persatuan-persatuan NGOs, pihak swasta, persatuan-persatuan sukarelawan dan sebagainya untuk lebih memeduli kesejahteraan OKU.

Kembang majukan sukan bola sepak



YANG Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 Mac. - Perkembangan dalam sukan bola sepak khususnya persiapan menjelang Piala Hassanah Bolkiah atau Hassanah Bolkiah Trophy (HBT) dan peranan Jabatan Belia dan Sukan (JBS) dalam membantu Program Ikan Pusu selain perkembangan Sekolah Sukan telah dibahaskan pada hari kesembilan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis

Laporan : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

Mesyuarat Negara (MMN) di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Antara yang membangkitkan isu tersebut ialah Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman tentang persediaan yang sudah, sedang dan akan diusahakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) sebelum berlangsungnya HBT yang dijadualkan tahun depan.

Menjawab pertanyaan tersebut, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof menjelaskan antara perancangan dan usaha yang diutamakan adalah latihan intensif yang sistematik menyertai kejohanan luar negeri, pemedulian dan pemantauan kebajikan hal ehwal atlet kelonggaran latihan sepenuh masa, cuti tanpa catat diberikan oleh majikan tanpa menjejaskan gaji atau prestasi kerja atau persekolahan.

Walau bagaimanapun, jelas Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan pada masa ini Kejohanan HBT telah ditangguhkan ke tarikh yang akan dimaklumkan kemudian dan pihak KKBS mengambil kesempatan ini untuk membuat persiapan yang rapi demi pencapaian yang lebih mantap.

Sementara itu, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit pula menyentuh mengenai kerjasama atau peranan JBS dalam membantu perkembangan bola sepak, Projek Bola Sepak Ikan Pusu dan perkembangan Sekolah Sukan.

Bagi menjawab pertanyaan tersebut, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menjelaskan bahawa Projek Bola Sepak Ikan Pusu merupakan satu projek pembangunan sukan bola sepak yang diunkayahkan dengan kerjasama beberapa pihak termasuk Kementerian Pendidikan dan pihak swasta yang tertentu bagi pemain yang berumur di bawah 12, 14 dan 16 tahun.

Hasil dari projek ini beberapa

orang pemain telah diambil bermain di kelab-kelab tempatan untuk mengikuti kejohanan liga bola sepak tempatan, kejohanan peringkat umur dan juga diserapkan kepada pasukan kebangsaan seperti HBT.

Bagi sukan bola sepak menurut Yang Berhormat ia adalah di bawah bidang kuasa Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam dan pada masa ini pihak berkenaan juga ada menjalankan Junior Development Programme bagi kanak-kanak berumur di bawah 21 tahun.

KKBS ujar Yang Berhormat, memberikan kerjasama kepada Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam dari segi bantuan kemudahan dan juga jurulatih sepertimana persatuan-persatuan kebangsaan bagi sukan-sukan yang lain.

"Sehubungan dengan itu saya mengesyorkan bagi mana-mana persatuan atau kelab persendirian bola sepak yang memerlukan bantuan supaya akan dapat merujuk dan berunding lebih dahulu dengan Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam. Pihak Persatuan Bola Sepak Kebangsaan nanti akan menghadapkan kepada JBS jika bersesuaian," jelas Yang Berhormat.

Mengenai kerjasama dengan pihak Sekolah Sukan pula Yang Berhormat berkata, pihak KKBS melalui JBS sentiasa bekerjasama dan mendukung program-program kesukanan yang diadakan oleh pihak Sekolah Sukan.

"Antara kerjasama yang diberikan ialah bantuan khidmat jurulatih-jurulatih sukan, sains sukan di pusat perubatan dan penyelidikan sukan di JBS untuk melatih dan membimbing atlet-atlet Sekolah Sukan," terang Yang Berhormat.

Selain itu, jelas Yang Berhormat lagi, kerjasama juga meliputi penempatan atlet-atlet Sekolah Sukan berlatih bersama-sama atlet-atlet skim latihan JBS di tempat-tempat latihan JBS selain menerima lawatan sambil belajar pegawai-pegawai, pengajar dan jurulatih Sekolah Sukan ke Unit Kejurulatihan dan Pembangunan Sukan JBS.

Kerjasama juga termasuklah bertukar-tukar pandangan mengenai sistem dan struktur hal ehwal jurulatih-jurulatih sukan di JBS yang diaplikasi di Sekolah Sukan dan sebahagian atlet di Sekolah Sukan juga dipilih untuk mewakili negara di peringkat serantau dan antarabangsa berdasarkan pencapaian.

Atur strategi tingkatan prestasi sukan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 Mac. – Dalam usaha untuk memastikan negara mampu bersaing untuk memperolehi pingat di peringkat kejohanan serantau dan termasuk Sukan SEA, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Belia dan Sukan (JBS) telah menyusun strategi-strategi terutama fokus pada sukan-sukan yang boleh menghasilkan keputusan berpotensi.

Strategi juga memerlukan dukungan dengan program pembangunan dan pengenalan bakat yang berkesan, meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penguasaan organisasi sukan dan meningkatkan jumlah serta kualiti orang bersukan juga beriadah.

Demikian dinyatakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof pada hari kesembilan semasa Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Selain itu, Yang Berhormat berkata, strategi turut memfokuskan pada meningkatkan kerjasama dengan pihak NGO, agensi kerajaan dan swasta juga membudayakan sukan serta meningkatkan sumber tenaga manusia (pakar sains sukan dan jurulatih serta prasarana).

Yang Berhormat menjelaskan perkara itu ketika menjawab persoalan yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim mengenai dengan prestasi sukan negara, iaitu strategi yang dibuat oleh KKBS.

**Laporan : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas,
Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

Bagi strategi pertama, iaitu mengenal pasti sukan teras Yang Berhormat berkata, sukan-sukan teras yang telah dikenal pasti ialah sembilan sukan pada masa ini, iaitu wusu, pencak silat, sepak takraw, karate-do, taekwondo, boling padang, olahraga ekuatik dan bola sepak.

Bagi strategi kedua pula jelas Yang Berhormat lagi, program-program pembangunan dan pengenalan bakat dengan strategi utama ialah melaksanakan program dalam jangka panjang seperti program mengenal pasti bakat atau TID dan Akademi Sukan.

Bagi strategi ketiga pula meningkatkan kecekapan dan keberkesanan organisasi sukan Yang Berhormat menjelaskan, antara usaha untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan organisasi sukan, iaitu persatuan-persatuan sukan kebangsaan ialah melalui kursus-kursus pentadbiran yang dikendalikan oleh badan-badan antarabangsa.

Ke arah meningkatkan jumlah dan kualiti orang yang bersukan serta beriadah Yang Berhormat pula menjelaskan antara usaha dilakukan dengan mempertingkatkan penganjuran lebih banyak program sukan untuk masyarakat yang akan memberikan faedah dari segi kesihatan, fizikal dan minda.

Manakala meningkatkan kerjasama dengan pihak NGO, agensi kerajaan dan swasta, menurut



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Yang Berhormat, pihak kementeriannya melalui JBS sentiasa bekerja rapat dengan pihak-pihak NGO seperti Majlis Olimpik Kebangsaan Brunei Darussalam dan juga Persatuan Sukan Kebangsaan dalam merancang program sukan yang menjurus kepada sukan berprestasi tinggi dan juga pembangunan.

Sementara strategi membudayakan sukan, meningkatkan sumber tenaga manusia, teknik pakar sains sukan dan jurulatih serta penyediaan prasarana Yang Berhormat menerangkan bahawa beberapa langkah telah diambil, iaitu

dengan mendapatkan perkhidmatan jurulatih profesional dari luar negara dengan sukan-sukan yang diberi keutamaan.

Dengan adanya pakar-pakar jelas Yang Berhormat lagi, akan dapat mempertingkatkan lagi prestasi atlet melalui sains sukan yang lebih bersistem dan dengan kombinasi pakar-pakar di atas program latihan yang berterusan dan sistematik dapat dijalankan dengan lebih berkualiti dengan menggunakan kaedah sains sukan juga teknologi sukan terkini.

Dalam melaksanakan strategi bagi memastikan dana yang mencukupi dan meningkatkan kutipan hasil Yang Berhormat berkata, rancangan adalah lebih menjurus keutamaan pada sukan-sukan yang terpilih dan benar-benar boleh menyumbangkan pingat pada negara. Dalam masa yang sama, dengan prasarana yang sedia ada juga dapat meningkatkan



hasil kutipan melalui penggunaan prasarana jabatan dari pelbagai agensi kerajaan dan swasta.

Elaun Pencen Tua satu kurnia disyukuri

**Laporan : Haniza Abdul Latif
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas,
Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 Mac. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof berkata Elaun Pencen Tua merupakan satu kurnia yang sangat dijunjung dan disyukuri oleh semua warga yang layak, iaitu ketika sudah berusia 60 tahun.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan perkara tersebut semasa menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf mengenai Elaun Pencen Tua pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 MMN di hari kesembilan yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

"Namun demikian, sebagai mengambil maklum, perkara ini sudah pun berulang kali disuarakan di dewan yang mulia ini dan beberapa penjelasan telah pun dibuat oleh pihak-pihak berkepentingan termasuk Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua). Pada masa ini, belum ada perancangan untuk mereview jumlah pencen tua. Walau bagaimanapun, difahami bahawa terdapat warga emas yang mungkin tergantung sepenuhnya pada pencen ini yang mungkin tidak mencukupi. Jika hal ini terjadi, terdapat pertimbangan khas yang diberikan sebagai tambahan pencen umur tua kepada golongan-golongan daif," jelas Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Menurut Yang Berhormat, pertimbangan khas yang diberikan sebanyak BND100 sebagai tambahan kepada Pencen Umur Tua, pada golongan yang daif, iaitu melalui pertolongan kebajikan bulanan Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM).



YANG Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf.

"Dalam Mukadimah kaola menyatakan bilangan ini bertambah dan walaupun peruntukan asalnya BND38 juta sekarang telah meningkat hampir kepada tiga kali ganda. Namun demikian semua ini atas keprihatinan kerajaan telah pun dipenuhi dan kemudahan-kemudahan akan dapat meringankannya," tambahnya lagi.

Sementara itu, mengenai isu berkaitan dengan gaji tua dan jumlah yang banyak yang dipegang ataupun diagihkan oleh seorang Penghulu Mukim ataupun Ketua Kampung yang memikirkan keselamatan mereka, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menjelaskan bahawa institusi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung itu adalah mata dan lidah masyarakat yang perlu bukan saja menyampaikan, mengagihkannya adalah untuk melihat persekitaran di mana mereka yang menerima bantuan ini dengan keadaan mereka.

Keselamatan mereka yang membawa ataupun mengagihkan jelasnya, sudah pun dibuat kaedah-kaedah untuk mereka dengan mendapatkan takaful perlindungan dan sebagainya.

DBP terus pantau perkembangan Program Awal Literasi

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 Mac. - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) akan terus membuat pemantauan perkembangan Program Awal Literasi dari semasa ke semasa.

Program Awal Literasi sememangnya dihasratkan untuk semua anak-anak damit yang dilahirkan di Negara Brunei Darussalam.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof berucap demikian semasa menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid mengenai Program Awal Literasi yang telah dilancarkan oleh DBP.

Menurutnya, DBP telah memulakannya dengan memilih anak damit yang lahir pada Februari 2014 sahaja, supaya pemantauan bagi melihat keberhasilannya lebih mudah dan dapat dicapai.

Jelas Yang Berhormat, projek ini akan diteruskan dan dapat disertai oleh semua anak-anak damit yang dilahirkan di Negara Brunei Darussalam pada masa akan datang.

"Dapatan dari program yang sama yang dilaksanakan oleh negara-negara lain untuk dikongsikan di sini ialah seperti negara Jepun, Korea, Switzerland dan sebagainya menunjukkan kanak-kanak yang mengikuti Program Awal Literasi lebih cepat pembangunan awal kanak-kanaknya yang memberi

**Laporan : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas,
Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

kesan kepada pembangunan keseluruhan mereka seterusnya, dari aspek emosi, sosial dan fizikal," ujar Yang Berhormat pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Terdahulu, Yang Berhormat menjelaskan, Program Awal Literasi adalah program yang berbentuk intelektual yang menjurus kepada memperkasa budaya membaca seawal kanak-kanak damit.

Jelas Yang Berhormat, kaedahnya ialah dengan menyediakan pek yang diisi buku-buku awal literasi yang diberikan percuma kepada anak damit yang baru lahir di Negara Brunei Darussalam dengan harapan ibu bapa anak-anak damit akan menanamkan minat membaca dengan cara membacakan buku tersebut selagi awal.

Setakat ini, tambah Yang Berhormat, 'recipient' berjumlah 357 keluarga, dan pemantauan perkembangan anak damit yang menerima pek ini telah dilakukan di perpustakaan dan borang kaji selidik secara temu bual juga telah dijalankan.

"Hasil daripada kaji selidik tersebut, didapati respons awal daripada ibu bapa terhadap Program Awal Literasi adalah positif dan



YANG Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid.

menggalakkan. Ibu bapa yang terlibat dengan program ini berpuas hati dengan tindak balas dan perkembangan anak damit mereka. Keberkesanan penuh Program Awal Literasi ini hanya dapat dilihat pada usia lima tahun pertama anak damit tersebut," ujar Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat seterusnya berkata, kerjasama yang padu daripada ibu bapa dalam membantu merealisasikan kejayaan program ini amat diperlukan.



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 Mac. - Pengendalian Projek Tadahan Kolam Banjir di Sungai Tutong yang teratur tidak akan menjejaskan tanah-tanah bagi tujuan berladang ataupun bertani.

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah memberitahu perkara tersebut dalam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan

Projek Tadahan Kolam Banjir tidak jejas tanah bertani

Laporan : Marlinawaty Hussin

Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Azmah Haji Ahad

Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN), di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini, ketika diajukan soalan mengenai status pembinaan berhubung kolam tadahan banjir tersebut.

Menurut Yang Berhormat, Projek Tadahan Kolam Banjir di Sungai Tutong telah pun ditawarkan dan sedang menunggu kebenaran.

Tambah Yang Berhormat, semasa musim hujan, kolam tadahan adalah untuk menampung air dan ketika kering air akan dilepaskan ke hilir.

Sementara itu, bagi menjawab soalan diajukan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji

Tahamit bin Nudin mengenai banjir di kawasan Brunei dan Muara yang banyak menimbulkan kerugian kepada pihak orang ramai, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin menjelaskan pihak kementerian memang sentiasa cuba membersihkan longkang-longkang dan sungai-sungai melalui kontrak bermusim ataupun *term contract* melalui projek rutin jabatan seperti yang dirancang.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin juga menjelaskan mengenai Pengurusan Pemeliharaan Rangkaian Aset Jalan Raya di seluruh negara akan cuba diadakan

secara berperancangan dan berterusan secara *term contract* bagi memastikan aset tersebut sentiasa dalam keadaan baik dan selamat untuk digunakan dengan memfokus terhadap keselamatan di jalan raya itu sendiri yang mana Daerah Temburong tidak terkecuali dari proses yang sama, iaitu menggunakan *term contract* secara berintegrasi.

"Walau bagaimanapun, dalam keadaan kita mengamalkan penjimatan pada ketika ini, kementerian perlulah memberi keutamaan dalam membuat kerja-kerja pemeliharaan ini mengikut keutamaan dengan fokus terhadap keselamatan di jalan raya," ujar Yang Berhormat.

Dalam usaha untuk menangani isu tersebut, Yang Berhormat menjelaskan, pihak Jabatan Kerja Raya telah pun berusaha untuk meningkatkan penggunaan tenaga buruh di Jabatan Kerja Raya sendiri bagi melaksanakan sedikit sebanyak kerja rutin seperti pemotongan rumput, pembersihan longkang-longkang kecil, pemotongan dahan-dahan pokok dan sebagainya mengikut kemampuan dan keupayaan yang sudah setentunya terhad dan kawasan-kawasan yang diusahakan hanyalah di



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah.

persimpangan akses jalan di sepanjang jalan utama Puni, Bangar dan Labu bagi keselamatan.

Yang Berhormat menerangkan perkara tersebut ketika menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad mengenai aspek keselamatan jalan raya ketika banjir kilat.

Patuhi 'Building Control Order 2014'

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 Mac. - Merujuk kepada 'Building Control Order 2014', setiap pemaju atau pemilik tanah, pihak berkelayakan dan pembina mempunyai tanggungjawab keselamatan masing-masing di setiap projek tanah, jika mereka tidak melaksanakan tanggungjawab keselamatan tersebut, mereka boleh didakwa, di mana jika didapati bersalah boleh dikenakan hukuman denda atau penjara atau kedua-duanya sekali.

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah menegaskan perkara tersebut bagi menjawab soalan yang diajukan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit berhubung dengan tindakan undang-undang yang dikenakan bagi syarikat-syarikat atau orang awam yang meneroka atau mengganggu kestabilan tanah yang memberikan kesan dan risiko

Laporan : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

Foto: Hernie Suliana Haji Othman, Azmah Haji Ahad

bencana pada tanah atau kawasan orang lain.

Terdahulu Yang Berhormat menerangkan, sebelum kerja-kerja tanah ataupun pemotongan cerun dapat dilaksanakan, orang awam atau syarikat-syarikat yang akan memajukan mana-mana tanah hendaklah melantik orang yang berkelayakan ataupun *qualified person* yang berdaftar dengan 'Board of Architect Professional Engineers and Quantity Surveyor', iaitu BAPEQS ringkasnya, untuk menyediakan lukisan cadangan kerja tanah dan seterusnya menghadapkan ke bahagian pihak berkuasa kawalan bangunan dan industri pembinaan (ABCI) untuk mendapatkan kebenaran kemajuan, memulakan kemajuan atau persiapan kemajuan.

Jelas Yang Berhormat lagi, mana-mana pihak yang memulakan

aktiviti kerja tanah atau pemotongan cerun tanpa kebenaran aktiviti-aktiviti tersebut adalah dikehendaki untuk diberhentikan dengan serta merta.

Yang Berhormat menambah, jika terjadi tanah susur pada cerun-cerun, pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) akan membuat pemeriksaan secara visual setelah menerima aduan dan akan mencadangkan supaya pihak pemaju melantik jurutera profesional yang mendaftar dengan BAPEQS bagi mereka bentuk sebarang kemajuan tanah, struktur dinding penghadang tanah atau mana-mana sistem perlindungan cerun, ini adalah kerana pada dasarnya jika tanah runtuh terjadi di tanah persendirian, maka kerja-kerja perlindungan cerun adalah tanggungjawab pihak pemaju itu sendiri.

"Kajian tanah hanya diadakan bagi projek-projek kerajaan sahaja dan dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Teknikal, JKR, sementara itu, projek-projek di atas tanah persendirian adalah menjadi tanggungjawab pihak pemilik tanah atau pemaju itu sendiri, mereka hendaklah melantik Jurutera Civil and Structural yang berdaftar dengan BAPEQS yang akan memberikan khidmat nasihat tentang apa yang harus dibuat dan apa yang diperlukan sebelum kelulusan cadangan kerja tanah dapat disediakan," terang Yang Berhormat pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 MMN pada hari kesembilan, di sini.



YANG Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

PPB pusat latihan kemahiran secara *hands-on*

Laporan : Haniza Abdul Latif

Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 Mac. - Pusat Pembangunan Belia (PPB) adalah sebuah pusat latihan untuk para belia yang tidak dapat meneruskan pendidikan formal dan untuk belia yang ingin mendapatkan kemahiran secara *hands-on* serta menawarkan kursus-kursus kemahiran yang menepati keperluan pasaran.

Pada masa ini, PPB menawarkan program di luar lokasi, iaitu PPB di Kampung Tanah Jambu dan juga di cawangannya di Daerah Belait, di bangunan Rumah Persinggahan Kerajaan Jalan Maulana yang mana PPB mempunyai bangunan kekal di Jalan Utama Tanah Jambu dan mempunyai asrama yang boleh menampung lebih kurang 200 pelatih.

Perkara ini diterangkan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof semasa menjawab persoalan yang dikemukakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar mengenai penubuhan PPB di Daerah Temburong.

Pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 MMN di hari kesembilan yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan seterusnya menjelaskan dalam rancangan masa panjang, memang terdapat perancangan bagi PPB untuk dibuka pusat latihannya di setiap daerah, tetapi ini tertakluk

pada beberapa faktor seperti *demand* atau keperluan belia dan juga keperluan pasaran industri.

Pada masa ini menurutnya, jika dilihat dari jumlah pemohon, permohonan yang diterima dari pemohon-pemohon Daerah Temburong, keperluan untuk merubah pusat demikian belumlah begitu mendesak atau kritikal dan untuk makluman bersama pada tahun 2015 yang lalu, PPB hanya menerima 18 permohonan dari belia Daerah Temburong untuk mengikuti Program PPB.

"Manakala pada tahun ini hanya 16 permohonan. Mungkin kaedah lain yang boleh diterokai adalah seperti mengadakan kursus-kursus pendek kemahiran yang menepati keperluan pasaran di Daerah Temburong dan insyaaAllah perkara ini akan diteliti lagi secara terperinci ataupun secara rapi," ujarinya lagi.



YANG Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar.

Cabaran baharu martabatkan bahasa Melayu

Laporan : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 Mac. - Memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi Negara dengan impak-impak dari penggunaan bahasa-bahasa ringkas atau ejaan-ejaan ringkas dan penggunaan bahasa-bahasa lain dari bahasa Melayu yang dicampuradukkan, memang satu pemerhatian yang sangat sensitif juga sentiasa dipeduli oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan khususnya Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof berucap demikian semasa menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal mengenai cabaran-cabaran baharu dalam pemartabatan bahasa Melayu.

"Inilah realiti yang dihadapi oleh kita dan juga generasi muda. Namun demikian usaha memartabatkannya, jabatan ini terus mengusahakan dengan beberapa projek antara lain yang kaola nyatakan dalam mukadimah awal tadi dengan Pesta Buku dan sebagainya dan penglibatan dengan pertubuhan-pertubuhan serantau untuk mempertabatkan bahasa Melayu ini," ujar Yang Berhormat pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis di sini.

Namun demikian tambah Yang Berhormat, usaha untuk membendung 100 peratus itu mungkin juga susah kerana dalam usaha pencemaran bahasa ini tujuannya untuk cepat dan *connectivity* dan Yang Berhormat akan meneliti juga bagaimana secara strategiknya atau secara sistematiknya DBP menangani isu-isu yang sedemikian.



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 17 Mac. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) sedang meningkatkan usaha untuk memastikan persatuan belia akan bergerak lebih aktif terutama dalam aspek penyediaan program dan kursus kepimpinan dalam menangani isu kepimpinan belia.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof susulan soalan Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf mengenai kepimpinan belia pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Antara usaha kementerian, jelas Yang Berhormat, ialah dengan mengadakan muzakarah dengan persatuan-persatuan belia. Antara perkara yang dibincangkan ialah perancangan penggantian atau *succession planning* persatuan-persatuan belia dengan memberi peluang pemimpin persatuan dipegang oleh golongan belia dan pemimpin yang ada pada masa ini selaku penasihat kepada persatuan belia berkenaan.

Menurut Yang Berhormat lagi, pihak kementerian lebih cenderung melihat transisi kepimpinan oleh mereka yang telah berusia akan dapat diserahkan kepada golongan belia. Bagaimanapun, pemimpin belia yang telah berusia, yang lebih matang dan berpengalaman masih berperanan dalam membimbing golongan yang lebih muda sebagai penasihat.

Yang Berhormat seterusnya menyatakan, pihak kementerian juga telah dan masih menganjurkan pelbagai kursus dan program latihan bagi memperkasa pemimpin belia

Pastikan persatuan belia bergerak aktif

termasuk kursus pengurusan persatuan belia, kursus kepimpinan, program Pembangunan Jati Diri, Program Kemasyarakatan dan Kesukarelawanan, Program Khidmat Bakti Negara, Program Pertukaran Luar Negeri, Program Kepimpinan dan Program di Pusat Pembangunan Belia. Pihak kementerian juga memberikan sokongan kepada rangkaian agensi relevan yang menganjurkan kursus kepimpinan kepada golongan belia.

Terdahulu, Yang Berhormat menyatakan KKBS menyedari adanya persatuan yang kurang aktif dalam memperkembangkan persatuan mereka. Selain itu, antara faktor mengapa persatuan belia kurang dipimpin oleh pemimpin belia di bawah umur 40 tahun ialah kerana pemilihan pemimpin belia semasa Mesyuarat Agung Tahunan lebih cenderung memilih mereka yang lebih berpengalaman dan matang. Pada lazimnya, menurut Yang Berhormat, persatuan yang sudah lama tertubuh ini mempunyai pemimpin daripada kalangan yang sudah berusia.

Bagaimanapun, kebanyakan persatuan yang baharu ditubuhkan telah dipimpin dalam kalangan belia muda. Sebagai contoh Beach Bunch, Young Entrepreneurs Association Brunei, Society for Community Outreach and Training (SCOUT) dan Persatuan Kemajuan Insan atau KESAN. Pemimpin-pemimpin belia muda ini juga ada antaranya telah mendapat pengiktirafan dari dalam dan luar negara, jelas Yang Berhormat.

Menjawab soalan mengenai usaha kementerian bagi memantau pergerakan-pergerakan belia di kampung-kampung, Yang Berhormat menyatakan, para belia pada masa ini semakin aktif dalam menjalankan pelbagai aktiviti berbentuk kemanusiaan, kemasyarakatan, alam sekitar, pendidikan, keagamaan, keusahawanan, kebeliaan, kesukanan, kesihatan, kesenian dan kebudayaan bukan sahaja dalam negeri seperti di kampung-kampung, tetapi juga di luar negara.

Antara penglibatan ketara golongan belia baru-baru ini ialah melalui Program Day of Action (DOA) yang diadakan pada 10 Januari 2016 bersempena dengan Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa. Program tersebut melibatkan lebih kurang 1,000 orang belia termasuk belia berpersatuan dan sukarelawan yang melaksanakan

Laporan : Sastra Sarini Haji Julaini
Foto : Mohammad Azmi Awang Damit,
Mohd. Sahrizal Mohd. Said

pelbagai aktiviti di seluruh negara. Program tersebut memberi peluang bagi 'networking' di antara persatuan yang akan memudah cara usaha sukarelawan dan bantuan terutama sekali pada waktu negara dilanda musibah ataupun bencana, jelas Yang Berhormat.

Perkembangan pergerakan-pergerakan belia bagaimanapun bukan sahaja di bawah tanggungjawab KKBS. Seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat, ia juga melibatkan beberapa kementerian, jabatan dan badan-badan bukan kerajaan seperti penglibatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui Majlis Perundingan Mukim dan Kampung yang terdapat biro-biro belia; Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jawatankuasa Takmir Masjid; Kementerian Pendidikan melalui kelab-kelab dan program belia di sekolah-sekolah dan Kementerian Kesihatan melalui program kesihatan yang melibatkan belia.

Manakala, KKBS dalam menjana pergerakan-pergerakan belia ialah melalui penglibatan pusat-pusat belia di keempat-empat daerah, persatuan-persatuan dan kelab-kelab belia.

Di samping itu, bagi pergerakan belia dalam persatuan-persatuan, KKBS juga menghendaki persatuan-persatuan belia untuk menghadapkan kalendar aktiviti sepanjang tahun dan laporan Mesyuarat Agung Tahunan (Annual General Meeting) yang diterima setiap tahun dari persatuan-persatuan yang berdaftar. Laporan aktiviti persatuan tersebut hendaklah mempunyai kesinambungan dengan bantuan kewangan yang telah dipohonkan kepada pihak kementerian, jelas Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat lagi, bagi pergerakan belia di kampung-kampung, kerjasama dan inisiatif dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui biro-biro Majlis Perundingan Kampung dan Mukim yang dipengerusikan oleh Penghulu Mukim ataupun Ketua-ketua Kampung turut memainkan peranan yang besar dalam sama-sama memajukan dan memantau pergerakan-pergerakan belia.

KKBS, jelas Yang Berhormat, akan sentiasa mendukung sebarang aktiviti kebeliaan yang bersesuaian dan memberikan bantuan seperti fasiliti dan kemudahan lain di bawah kawalannya khususnya, Jabatan Belia dan Sukan (JBS) dan bantuan nasihat pakar berhubung persatuan belia. Kesedaran dan kerjasama dari semua pihak yang bertanggungjawab adalah perlu untuk tidak kendur-kendur menjana pergerakan belia ke arah mewujudkan Belia Brunei Cemerlang.

Terdahulu, Yang Berhormat menjelaskan, Dasar Belia Negara diperkenalkan pada 15 Julai 2002 dengan definisi belia ialah lelaki dan perempuan berumur di antara 15 hingga 40 tahun. Manakala pemimpin belia terdiri daripada ahl-ahli persatuan yang dilantik semasa Mesyuarat Agung Tahunan (Annual General Meeting) oleh persatuan-persatuan yang tidak menghadkan umur mereka.

Pada masa ini terdapat 95



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

persatuan-persatuan belia tercatat dalam rekod JBS dan mereka ini juga berdaftar di Pejabat Pendaftar Pertubuhan atau Registrar of Societies di Pasukan Polis Diraja Brunei. Menurut Yang Berhormat, dari jumlah berkenaan, ada persatuan yang baharu, lama, ada aktif dan kurang aktif.

Perbelanjaan Khas diperuntukkan bagi Program Budaya Membaca

Laporan : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 Mac. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof berkata, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) akan sentiasa memantau dan menilai kegiatan juga program yang diadakan.

Menurut Yang Behormat, Program Memperkasa Budaya Membaca ada banyak, iaitu Projek Memperkasa Budaya Membaca, Program Awal Interaksi, Program Membaca Bersama di Rumah Sakit, Seminar Memperkasa Budaya Membaca, Persidangan Kebangsaan Memperkasa, Budaya Membaca, Bimbingan Motivasi Kecemerlangan Diri, Bimbingan Motivasi Menghadapi Peperiksaan, Bengkel Fonetik, Menyediakan Khutbah Jumaat, Pengurusan Perpustakaan Yang Cemerlang, Forum Memperkasa Budaya Membaca Belia, Menambang Syair dan Mendeklamasikan Sajak, Peraduan Bercerita Berkumpulan, Hari Buku Sedunia, Pertandingan Pentadbiran dan Pengurusan Perpustakaan, Peraduan Mari Bercerita Gerakan Budaya kerjasama daripada rakan-rakan strategiknya.

Yang Berhormat menjelaskan demikian semasa menjawab persoalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit mengenai Program Budaya Membaca.

"Dengan senarai sedemikian memang penanaman ataupun pendekatan pada membaca ini memang diberikan perhatian yang khusus dan dapat dilaratkan kepada beberapa pihak ataupun golongan di ke semua peringkat," ujar Yang Berhormat pada Mesyuarat



YANG Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli dalam soalnya juga menyentuh mengenai Perbelanjaan Khas untuk Program Budaya Membaca diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan 2016/2017 berjumlah BND 50,000.00.

Jelas Yang Berhormat Awang Haji Ramli, pelbagai kempen membaca sedang dilaksanakan di negara ini, namun keberkesanan kempen masih tidak menyeluruh kerana tidak mendapat sambutan masyarakat, oleh itu perlu adanya penggabungan tenaga bersepadu bagi membentuk masyarakat yang gemar membaca agar menjadi masyarakat yang berilmu.

Oleh itu, tambah Yang Berhormat, masyarakat hari ini memerlukan anjakan paradigma agar menyuburkan benih membaca dalam sanubari mereka, umpamanya melalui ibu bapa dan pihak media massa dan elektronik.

MKIS tangani isu kesejahteraan dengan berkesan

Oleh : Hezlinawati Haji Abd Karim

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 Mac. - Isu kesejahteraan merupakan antara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara yang bersidang pada hari ke sembilan semasa Permesyuaratan Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Dewan Majlis, Bangunan MMN.

Antara yang dibincangkan ialah usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman yang mencadangkan agar semua masalah ditangani oleh sebuah kementerian khas atau baharu, iaitu Kementerian Kemasyarakatan.

Menjawab usul tersebut, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja

Mejar Jeneral (Bersara) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof menjelaskan, pendekatan yang digunakan ketika ini adalah wajar dengan adanya struktur kementerian yang ada pada masa ini khususnya melalui Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS).

Menurut Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, MKIS mempunyai keahlian yang terdiri dari menteri-menteri dari kementerian-kementerian yang berkaitan dan berkepentingan seperti Kementerian Kewangan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan sektor bukan kerajaan iaitu khususnya Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.



YANG Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman.

Kaedah tersebut juga jelas Yang Berhormat lagi adalah berkesan dalam menangani isu kesejahteraan di samping MKIS akan mempertingkatkan lagi segala usaha-usaha bersepadu dalam menangani isu-isu berkenaan.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 Mac. - Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) berperanan untuk menjalankan pendekatan sosial terhadap pelajar-pelajar tersebut dan juga keluarganya yang mana melalui pendekatan ini isu-isu sosial lain

JAPEM berperanan jalankan pendekatan sosial

Laporan : Haniza Abdul Latif
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman,
Muhammad Asri Haji Awang Abas

akan dapat dikenal pasti jikalau ada dan tindakan selanjutnya boleh dilakukan.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof menjelaskan perkara tersebut semasa menjawab persoalan yang ditimbulkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin tentang cara-cara menangani isu-isu kanak-kanak yang tercicir dari sekolah.

Pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 MMN di hari kesembilan yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Dewan Majlis, di sini, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan seterusnya berkata, JAPEM dan Jabatan Sekolah-Sekolah mempunyai satu platform untuk membincangkan pelajar-pelajar yang mempunyai kehadiran yang kurang dari 85 peratus.

Dengan adanya Mahkamah Juvana, Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda dan Akta Probation dan Khidmat Masyarakat ini katanya, telah membolehkan JAPEM untuk memberikan pemulihan kepada belia-belia yang di bawah umur 18 tahun sama ada dalam masyarakat ataupun di Kompleks

Rumah Kebajikan.

"Orang ramai boleh membuat aduan kepada JAPEM melalui hotline Kebajikan 141, Facebook dan datang sendiri ke pejabat apabila mendapat tahu belia-belia terlibat dengan dadah, curi dan sebagainya. Jikalau isu yang dialami adalah di luar bidang JAPEM pihak JAPEM akan merujuk kepada agensi-agensi lain yang bersesuaian," jelasnya lagi.

Sementara itu, menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad mengenai rancangan Jabatan Belia dan Sukan (JBS) untuk menaik taraf Pusat Bahagia Daerah Temburong, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menjelaskan, JAPEM pernah memohon untuk melaksanakan pengubahsuaian terhadap Pusat Bahagia di daerah tersebut dalam Tahun Kewangan 2013 / 2014 melalui peruntukan Perbelanjaan Khas berjumlah BND 56,000.

Pengubahsuaian yang dirancang akan menurutnya, ialah untuk menambah ruang serbaguna, untuk menempatkan bilik aktiviti, galeri pameran dan bilik mini mesyuarat, bilik stor dan membaiki pulih pagar serta tandas.

Walau bagaimanapun tambanya,

memandangkan bangunan Pusat Bahagia berkenaan adalah bangunan warisan bagi Daerah Temburong dan sebarang sebarang penambahan bangunan dikhuatiri menjejaskan reka bentuk asal, maka perkara tersebut tidak dapat diteruskan.

Oleh yang demikian, pengubahsuaian hanya tertumpu kepada pembaikan pagar sekeliling dan bilik air sahaja yang diserahkan pada Tahun Kewangan 2014 / 2015.

"Sungguhpun demikian, Kementerian ini menyedari akan kepentingan untuk menyediakan prasarana yang lebih kondusif bagi pelatih-pelatih Pusat Bahagia dan keperluan ini pernah diterokai dengan agensi-agensi yang berkenaan. InsyaAllah, perkara ini akan terus ditunduki ataupun direvisi semula dengan mengambil kira keperluan lokasi yang lebih mudah dikunjungi oleh pelatih-pelatih dan juga keluarga mereka," jelasnya lagi.

Manakala menjawab persoalan yang ditimbulkan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit mengenai penempatan sementara di Daerah Tutong apabila terjadi sesuatu perkara dan sebagainya, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menjelaskan, penempatan tempat tinggal sementara bagi golongan yang memerlukan khususnya mangsa-mangsa bencana alam amat diambil berat oleh JAPEM, di mana sudah pun dikenal pasti beberapa unit penempatan sementara.

Menurutnya, Daerah Brunei dan Muara mempunyai 60 unit flat penempatan sementara di Kampung Belimbing, Jalan Subok, 45 telah didiami dan 15 masih kosong dan 43 di Flat Sentosa, 41 telah didiami dan 2 masih kosong. Manakala di Daerah Belait 103 unit, 76 telah didiami dan 27 masih kosong.

"Dalam memberikan penempatan sementara bagi mangsa-mangsa bencana sama ada melalui penyediaan perumahan ataupun pembayaran sewa rumah, JAPEM mendapat kerjasama daripada jabatan-jabatan daerah, Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah dan juga agensi-agensi kerajaan yang mempunyai perumahan. Terdapat juga individu persendirian yang menyumbangkan bantuan yang berkaitan. Setakat ini JAPEM tidak mempunyai penempatan sementara di Daerah Tutong ini memang diakui dan mangsa-mangsa bencana ataupun golongan susah di Daerah Tutong yang memerlukan tempat tinggal akan ditawarkan penempatan sementara di Daerah Brunei dan Muara. Jika bersesuaian akan diserahkan kepada Jabatan Daerah Tutong ataupun agensi kerajaan berkenaan untuk menyediakan tempat tinggal. Oleh yang demikian, InsyaAllah kementerian ini menyambut baik saranan Yang Berhormat ke arah kerjasama pelbagai agensi yang berkepentingan dalam hal seperti ini," jelasnya lagi.

KKBS tingkatkan usaha perkasa persatuan belia

Laporan : Haniza Abdul Latif
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman,
Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 Mac. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof berkata, belia yang berpersatuan lebih mudah dibentuk atau diperkasa daripada mereka yang bergerak secara bersendirian.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan perkara tersebut semasa menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar mengenai pembangunan belia di negara ini.

"Alhamdulillah, sebagai maklumat, mengemaskinikan jua sebanyak 95 buah badan yang masih sah berdaftar dengan Register of Society di Jabatan Polis Diraja Brunei dan juga di Jabatan Belia dan Sukan. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melihat belia mampu memegang tampuk persatuan belia dan peranan persatuan belia sebagai platform yang mendidik pemimpin muda, memainkan peranan yang positif dan berkesan kepada masyarakat dan negara. Ke arah ini, KKBS akan meningkatkan usaha bagi mengupayakan dan memperkasa persatuan belia supaya dapat menarik minat golongan belia untuk menyokong dan menyertai

aktiviti belia," jelasnya Pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 MMN di hari kesembilan yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Dewan Majlis, di sini.

Tambahnya, menyediakan lebih kemudahan serta aktiviti gaya hidup aktif dan sihat dalam kalangan generasi muda, membantu, memantau persatuan belia serta mengaktifkan persatuan yang lemah.

Antara program dan tindakan yang telah diunkayahkan melalui pusat-pusat belia dan cawangan-cawangan belia ujanja, Jabatan Belia dan Sukan (JBS) di keempat-empat daerah bagi menarik minat para belia bagi berkecimpung dalam persatuan telah memberikan bantuan seperti penggunaan fasiliti dan kemudahan yang di bawah kawalan JBS kepada persatuan-persatuan belia dan kumpulan belia yang ingin menganjurkan aktiviti kebeliaan; dan mengadakan beberapa bengkel, kursus dan seminar dalam dan luar negeri termasuk Program Pertukaran Belia Antarabangsa seperti ASEAN-Summit, CHOGM, Singapore Brunei Young Leaders Programme bagi memberikan pendedahan kepada pemimpin-pemimpin belia sebagai langkah dan persiapan belia sebagai pemimpin persatuan belia serta menggalakkan pemimpin-pemimpin belia.

Kementerian juga katanya, telah mengadakan kursus-kursus atau program-program kepimpinan yang bersesuaian seperti Program Outward Bound Brunei, Kursus Asas Kepimpinan, Out-Reach Program dan tidak kurang pentingnya Program Khidmat Bakti Negara, Program Cabaran Belia dan sebagainya.

Selain itu ujanja, pihak kementerian juga telah mengenal pasti Sembilan kluster kerja-kerja kesukarelawanan yang boleh dilaksanakan oleh persatuan-persatuan belia dengan kerjasama agensi-agensi dan badan-badan lain, iaitu kemanusiaan dan kemasyarakatan, alam sekitar, pendidikan, keagamaan, keusahawanan, kebeliaan, kesukanan, kesihatan, kesenian dan kebudayaan.

Pihak kementerian juga terangnya, telah membuat projek penjenamaan ataupun 'rebranding' Pusat Belia bagi para belia berkumpul secara individu mahupun berpersatuan dan mengadakan aktiviti ataupun program yang berfaedah yang mana melalui usaha penjenamaan semula pusat ini, ia dihasratkan akan dapat mempertingkatkan lagi pembangunan belia di negara ini, bukan hanya semata-mata bagi melaksanakan program untuk mengisi masa lapang dan menyediakan aktiviti yang menyeronokkan, tetapi lebih utama lagi untuk menjadikan pusat itu sebagai tempat untuk mendapatkan khidmat nasihat dan pentas kepada penghasilan inovasi-inovasi baharu melalui cetusan dan gabungan kreativiti belia selaras dengan kehendak para

belia itu sendiri.

"Sebagai pengiktirafan pencapaian persatuan belia, satu kategori Anugerah Belia telah diperkenalkan, iaitu Anugerah Persatuan Belia yang diadakan setiap tahun sempena Hari Belia Kebangsaan. Ia menilai keberkesanan sesebuah persatuan belia dalam aspek-aspek pengurusan dan pentadbiran mahupun pelaksanaan aktiviti serta projek persatuan dalam bidang ekonomi, kemasyarakatan, agama, riadah dan didukung oleh pengurusan yang baik dan kepimpinan yang mantap," jelasnya lagi.

Yang Berhormat berharap dengan anugerah ini ia akan menjadi dorongan kepada persatuan-persatuan belia untuk melipatgandakan lagi usaha dan mempertingkatkan tahap dan prestasi persatuan masing-masing dan dengan adanya kategori anugerah ini akan mendorong persatuan-persatuan belia untuk bergiat aktif dan lebih berkesan dan mengikut dasar yang digaris pandukan dalam perlembagaan persatuan masing-masing.

Di samping itu juga ujanja, ia akan dapat menggalakkan persatuan belia dalam menggerakkan belia yang mana penglibatan mereka dalam pembangunan belia dan seterusnya memberi pengiktirafan kepada kerja-kerja yang disumbangkan.

"Alhamdulillah kebanyakan belia masa kini telah bergiat aktif dan berani melibatkan diri dalam program-program beberapa persatuan belia seperti Persatuan Scout dan tidak dinafikan pemikiran belia pada masa ini berbeza dari



YANG Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar.

pemikiran dahulu. Ini memang hakikatnya juga, kalau zaman dahulu kita selalu memikirkan generasi 'siapa yang awal makan garam,' tetapi generasi sekarang ini ialah generasi yang awal menggunakan internet. Tambahan pula belia-belia sekarang lebih berani berbanding pada masa dahulu dan merupakan *value added* kepada kementerian," katanya lagi.

Untuk pada masa akan datang tambahanya, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan selalu berhubung dan bekerjasama dengan belia dan persatuan-persatuan belia, tambahan pula antara mereka ini telah diiktiraf di luar negara dengan menerima penghargaan atas usaha dan aktiviti yang mereka berikan.

BND4 juta diperuntukkan tangani isu banjir

Laporan : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Haji Masamaleh Haji Mohd. Ali,
Muhammad Zul-Izzi Haji Duraman



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 15 Mac. - Sejumlah BND4 juta telah disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai peruntukan untuk menangani atau mitigasi banjir di negara ini.

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah menjelaskan demikian ketika menjawab soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar pada persidangan Majlis Mesyuarat Negara mengenai masalah banjir di Kawasan Tanjong Maya.

Menurut Yang Berhormat, memang ada ura-ura sebelum ini untuk memindah penduduk-

penduduk yang terbabit ke kawasan Perumahan Bukit Beruang dan pihak kementerian juga telah membuat kajian di kalangan penduduk yang terlibat sama ada mereka mahu berpindah.

Walau bagaimapapun jelas Yang Berhormat Menteri Pembangunan, lebih 90 peratus daripada mereka yang terlibat ini tidak berhajat untuk berpindah atas sebab tersendiri sama ada berkemungkinan kawasan itu tempat lahir mereka atau tanah mereka jauh lebih besar daripada tanah atau rumah tempat mereka akan dipindahkan, dan kerana itu rancangan berkenaan tidak diteruskan.

Berkenaan projek-projek mega Jambatan Temburong, Jambatan Sungai Kebun dan Pulau Muara Besar pula tambah Yang Berhormat, taklimat kepada penduduk yang kawasan tanah dan rumah mereka terlibat dalam projek itu telah pun diberikan manakala mereka yang terlibat melalui jambatan menyeberangi Sungai Kebun tidak

dilibatkan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah juga mencadangkan agar pihak yang berkenaan untuk menyediakan pelan induk bagi setiap projek jambatan-jambatan berkenaan agar bangunan dapat dirancang dengan teratur dan sistematik terutama sekali dari aspek penggunaan tanah.

Dalam hubungan itu, Menteri Pembangunan menyambut baik saranan Ahli Yang Berhormat tersebut dan menyatakan bahawa pelan induk ataupun perancangan yang terancang bagi projek-projek sedemikian harus disediakan pada masa-masa hadapan.

Sementara itu, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah juga menimbulkan mengenai perancangan penggunaan tanah yang teratur dan isu tanah-tanah persendirian dengan syarat penggunaan penanaman padi, getah dan sebagainya.

Penggunaan tanah seperti yang disyaratkan itu jelas sudah tidak relevan dan sukar untuk dimajukan dan dengan mengambil kira keadaan semasa, Ahli Yang Berhormat mencadangkan supaya pihak kerajaan akan dapat menukar syarat tanah tersebut kepada syarat perumahan atau perniagaan yang juga akan meningkatkan hasil pendapatan negara melalui cukai tanah dan yang ada berhubung kait dengannya.

Menteri Pembangunan dalam



menjawab isu tersebut berkata, tanah-tanah yang syaratnya getah atau padi dan tidak lagi sesuai untuk syarat-syarat tersebut dikekalkan, pihak Jabatan Perancang Bandar dan Desa memaklumkan bahawa perkara ini sedang diteliti dan akan tertakluk kepada dasar yang sedia ada.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan menjelaskan, terutama sekali *zoning* di kawasan-kawasan tersebut, jika sekiranya kawasan tersebut memang dibuat sebagai *zoning* untuk tujuan *agriculture* tidaklah dapat dipertimbangkan syarat-syarat ini ditukar kepada syarat perumahan umpamanya. Sekiranya kawasan tanah itu sudah dikelilingi oleh *residential* memang perkara ini sesuai untuk dipertimbangkan tertakluk kepada *case by case basis*.

Langkah proaktif dukung Bulan Bahasa

Laporan : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Muhammad Asri Haji Abas, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 Mac. - Bulan Bahasa merupakan satu usaha yang baik dan relevan dalam projekti pelaksanaan bahasa Melayu dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) bukan sahaja menekankan menggunakan bahasa Melayu secara meluas semasa Bulan Bahasa malah menggunakan bahasa Melayu sepanjang masa.

Dalam hal ini, peranan menyemarak dan menggemakan bahasa Melayu bukanlah terletak ke atas pihak DBP bahkan harus ditandai oleh semua kementerian dan semua jabatan yang diasahatkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam titah baginda itu.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof menjelaskan demikian semasa menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Dewan Persidangan

MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

"Akhbar Pelita Brunei misalannya merupakan satunya akhbar kerajaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Penerangan. Jabatan berkenaan bertanggungjawab ke atas bahan-bahan iklan tersebut sepenuhnya. Dari sinilah peluang bagi memperkasa penggunaan bahasa Melayu melalui penyiaran iklan-iklan tersebut dimanfaatkan oleh jabatan tersebut sebagai satu langkah proaktif jabatan berkenaan bagi sama-sama mendukung semangat Bulan Bahasa," ujar Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat, Bulan Bahasa juga digemakan ke seluruh negara setiap tahun melalui aktiviti DBP yang diadakan sepanjang tahun termasuk di kesemua cawangannya di keempat-empat daerah.

Jelas Yang Berhormat, aktiviti bersempena Bulan Bahasa bukan sahaja terhad pada majlis perasmian untuk pelancaran sahaja, tapi lebih menyeluruh dan melibatkan apa jua kegiatan sepanjang tahun yang menjurus pada pemerksaan dalam penggunaan bahasa Melayu dan tulisan Jawi yang dilaksanakan oleh jabatan-jabatan kerajaan, pihak swasta, NGOs dan orang awam serta penuntut sekolah.

Yang Berhormat seterusnya menyatakan, Peraduan Mari Bercerita di setiap daerah adalah salah satu usaha bagi memperkayakan kanak-kanak dari peringkat awal lagi tentang penggunaan bahasa Melayu baku waktu bercerita.

Yang Berhormat menambah, aktiviti-aktiviti percution sekolah juga di perpustakaan cawangan diisi dengan berbagai-bagai program seperti Menambang Syair, Deklamasi Sajak, Teater dan lain-lainnya. Semuanya menanamkan semangat cinta kepada bahasa ibunda atau bahasa Melayu itu sendiri.

Manakala bagi menjawab cadangan bagi penubuhan Lembaga Pengarah bagi Bahasa jelas Yang Berhormat, Penubuhan Lembaga Pengarah Bahasa juga perlu memiliki dasar yang kuat atau *lingual understanding* dengan

adanya 'lingual understanding', Lembaga Bahasa boleh melantik ahli dalam kalangan penjawat awam peringkat tinggi.

"Komposisi ahli lembaga boleh terdiri daripada pakar-pakar bahasa dari jabatan kerajaan dan kalangan pelajar akademik universiti. Pada prinsipnya Lembaga Bahasa bukanlah sebuah jawatankuasa yang biasa, tetapi ia perlu memiliki pengaruh dan 'political well' dalam gerakan bagi memperkasa bahasa Melayu dan penggunaan tulisan Jawi di negara ini," ujar Yang Berhormat.

Dalam hal ini, tambah Yang Berhormat lagi, mungkin hal ehwal kebahasaan ataupun tulisan Jawi di negara ini boleh dimasukkan dalam Majlis Tertinggi Kebangsaan Melayu Islam Beraja dan jadikannya sebagai salah satu agenda utama dalam komitmennya sebelum Lembaga Pengarah bagi bahasa benar-benar diwujudkan.

Mengenai saranan daripada Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad jelas Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, iaitu anugerah pengiktirafan dalam membantu mencapai matlamat dasar dan kebudayaan negara, sebagai bentuk penghargaan kepada penggiat aktif dalam bidang kebudayaan dan sastera, DBP telah mengadakan beberapa anugerah melalui Projek Anugerah Sastera Penulis Tanah Air umpamanya Anugerah Kesusasteraan Islam (AKI), Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Anugerah Sastera Mastera, Anugerah Bahasawan, Anugerah Sasterawan, Anugerah Penulisan Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Penghargaan Penulis Muda Mastera dan Hadiah Mastera.

"Ramai juga penulis kita yang diangkat penulisan mereka di peringkat serantau dan antarabangsa seperti memenangi Anugerah SEA Write Awards, Sultan Awards dan sebagainya," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat menambah, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memang berhasrat untuk mengadakan anugerah bagi budayawan negara ini dan anugerah ini bagi memberikan penghargaan kepada penggiat-penggiat seni yang telah menaikkan dan mengharumkan nama negara menerusi karya, bakat dan pengurusan budaya yang telah disumbangkan kepada negara.

Bangunan Muzium Brunei dikekalkan

Laporan : Hezlinawati Haji Abd Karim
Foto : Muhammad Asri Haji Abas, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



YANG Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 Mac. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) tidak berhasrat untuk membangun bangunan muzium yang baru memandangkan bangunan tersebut masih mempunyai ciri-ciri warisan yang sangat tinggi disebalik usianya hampir mencapai 50 tahun.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof menjelaskan perkara itu ketika menjawab pertanyaan yang disuarakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara yang dilantik, Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim tentang sama ada KKBS akan membina muzium yang baru di lokasi yang sama mengambilkira kerosakan pada

muzium yang ada pada masa ini.

Semasa bersidang pada hari kesembilan Permesyuaratan Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menjelaskan keadaan bangunan yang tersergam itu perlu dikekalkan.

Yang Berhormat Menteri menjelaskan Muzium Brunei memang telah ditutup sejak 28 Januari, 2014, walaupun demikian beberapa galeri telah pun dipindah dan kerosakan pada struktur binaan yang disebabkan oleh tanah susur, serangan anai, kerosakan pada pendawaian letrik dan kerosakan penghawa dingin telah dan sedang ditangani seperti kerja-kerja pengukuhan tanah, pembaikan pulih struktur bangunan dan kerja-kerja tambahan.

Pembaikan dan penaikan taraf bangunan Muzium Brunei jelas Yang Berhormat lagi dijangka akan memakan masa hampir lima tahun mengambil kira penambahan dan pembisaian bangunan dan galeri di muzium tersebut.

"Sementara itu sewaktu penutupan muzium ini, walaupun ianya mendukacitakan bahan-bahan pameran telahpun dipindahkan ke tempat-tempat yang lain dan sebahagiannya dipamerkan di Muzium Teknologi Melayu, Muzium Maritim, Taman Warisan Marimbun dan Muzium Kuala Belait yang InsyaaAllah akan dibuka pada bulan Julai tahun ini," jelas Yang Berhormat lagi.



YANG Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim.



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 15 Mac. - Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah berkata, Kementerian Pembangunan memang banyak terlibat dalam memberikan perkhidmatan kepada orang ramai.

Menyedari akan hal ini, proses-proses permohonan akan sentiasa dikaji dan diperbaiki sebagaimana perlu.

"Saya cuma ingin menyentuh mengenai dua jenis perkhidmatan yang berkaitan dengan Petunjuk Bank Dunia dalam Laporan 'Ease of Doing Business' kerana terdapat banyak pengalaman dalam

Proses permohonan sentiasa dikaji dan diperbaiki

Laporan : Aimi Sani

Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

memperbaiki proses yang boleh dilaratkan kepada perkhidmatan-perkhidmatan yang lain selain petunjuk yang berkaitan di Kementerian Pembangunan ialah 'Registering Property' dan 'Dealing with Construction Permit'.

"Bagi 'Registering Property' yang berkaitan dengan proses pindah milik tanah, walaupun negara menduduki tempat ke-148 tetapi reformasi dan pembaikan yang telah dilaksanakan telah dapat mengurangkan tempoh proses dari hampir 300 hari yang dilaporkan Bank Dunia kepada purata 98 hari bagi permohonan-permohonan bulan Disember 2015 iaitu menurut data terkini yang dipantau oleh Unit PENGGERAK di Jabatan Perdana Menteri. Tempoh proses ini akan diperbaiki lagi dengan adanya sistem Learn Application and Registration Information System (LARIS) yang percubaannya telah dilancarkan pada bulan Februari yang lalu dengan sistem memudahkan pengguna menjalankan urusan niaga berkaitan tanah secara *online*," jelas Yang Berhormat ketika mengongsikan mukadimah mengenai Rang Belanjawan Kementerian

Pembangunan bagi Tahun Kewangan 2016 / 2017 pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang bersidang pada hari kelapan di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Bagi 'Dealing with Construction Permit' pula tambah Yang Berhormat, negara menduduki tempat yang ke-21 tetapi sungutan orang ramai di negara ini ialah kelambatan mendapat kebenaran. Dengan mulanya berkuat kuasa Perintah Kawalan Bangunan 2014 pada 1 November 2015, proses-proses mendapatkan kebenaran memulakan kemajuan, kebenaran mendiami dijangka akan dapat dipercepatkan lagi terutama bagi kerja-kerja kecil atau sederhana.

Permohonan bagi kebenaran kemajuan tambahannya akan diproses mengikut kategori berasaskan saiz kemajuan dengan fokus kepada perusahaan dan perniagaan. Kebenaran memulakan kemajuan telah dikurangkan TPOR nya dari 7 hari kepada 1 hari dan kebenaran mendiami sedang diteliti cara untuk memendekkan tempoh prosesnya.

Berhubung dengan pembiayaan projek melalui TPP iaitu pembiayaan projek-projek dan kemudahan awam melalui 'Public Private Partnership', Kementerian Pembangunan jelasnya sedang giat berusaha menilai dan menyenaraikan perkhidmatan-perkhidmatan projek infrastruktur yang berpotensi untuk dibiayai secara kerjasama atau TPP ini di mana antara projek-projek yang telah dikenal pasti mempunyai potensi setakat ini ialah projek perumahan dan perkhidmatan air.

Kementerian Pembangunan kata Yang Berhormat, juga akan bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain untuk menggunakan kaedah TPP yang berpatutan yang dapat memberi pulangan kepada para pelabur dan yang dapat disesuaikan dengan keadaan iklim perekonomian negara.

Berkaitan dengan pengurusan sumber tenaga manusia iaitu pengurusan sumber tenaga manusia

untuk meningkatkan jumlah pegawai-pegawai kompeten dan profesional, ujar Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan sedang merangka pengurusan sumber tenaga manusia yang lebih terarah dengan *mereview* struktur organisasi jabatan-jabatan dan pengagihan sumber tenaga manusia masing-masing.

"Menilai keperluan, meningkatkan atau menyeimbangkan kakitangan teknikal dan bukan teknikal, melihat keperluan menggabung sumber, menyediakan *career development part* dan perancangan penggantian atau *succession planning*.

Mengenai kapasiti penguatkuasaan yang lebih mantap, diakui penguatkuasaan undang-undang dan peraturan kerajaan yang ada pada masa ini masih banyak yang boleh diperbaiki. Isu-isu yang ketara ialah seperti isu-isu pencerobohan tanah kerajaan, kemajuan atau kegiatan yang dijalankan tanpa ada kebenaran, pembuangan sampah yang tidak teratur dan sebagainya.

Dalam hal ini, Kementerian Pembangunan berhasrat untuk menggabungkan tenaga penguatkuasaannya dengan penguat kuasa-penguat kuasa yang lain di jabatan-jabatan kerajaan yang berkepentingan yang dengan penggabungan ini diharapkan akan lebih berupaya menjalankan penguatkuasaan secara lebih bersepadu," tambah Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan bahawa salah satu isu yang boleh juga dianggap sebagai satu isu penguatkuasaan ialah isu tunggakan yang mana pada masa ini tunggakan utama di Kementerian ialah tunggakan tanah sebanyak BND3 juta, tunggakan bayaran Perancangan Perumahan Negara sebanyak BND25 juta dan tunggakan bayaran air sebanyak BND33 juta.

Tunggakan-tunggakan sedemikian ini ujar Yang Berhormat, setentunya akan membebaskan dan merugikan kerajaan.

Oleh yang demikian terang Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan melalui jabatan-jabatan berkenaan akan meningkatkan usaha dengan lebih giat lagi untuk mengutip tunggakan-tunggakan tersebut.



Menteri Pembangunan juga mengimbas kembali titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 MMN pada hari Sabtu, 25 Jamadilawal 1437 Hijrah bersamaan 5 Mac 2016 Masihi yang lalu yang antara lain telah menekankan agar apa jua perancangan dan inisiatif adalah perlu untuk mengambil pendekatan *delivery* atau *delivery approach* untuk mencapai hasil yang dihasratkan.

Selaras dengan titah baginda itu, Yang Berhormat menegaskan bahawa Kementerian Pembangunan dalam memacu reformasi sama ada ke arah perkhidmatan-perkhidmatan kepada orang ramai mahupun proses-proses dalaman agar lebih berkesan sejak bulan November 2015, telah memperkenalkan *rolling 90 day plan* (plan 90 hari) sebagai pendekatan pembaikan berterusan (*continues improvement*) di negara ini.

Berasaskan pelan ini tambah Yang Berhormat, cadangan-cadangan pembaikan disenaraikan oleh jabatan-jabatan dan bahagian-bahagian di dalam kementerian dan kemajuan setiap inisiatif dipantau secara berkala sekurang-kurangnya setiap selepas 3 bulan. Walaupun inisiatif ini baru saja diperkenalkan dan masih terlalu awal untuk menilai berjaya atau tidaknya, setakat ini ia telah dapat membuahkan hasil awal dengan menumpukan pemikiran khususnya dalam kalangan peringkat ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan kementerian untuk sentiasa mengusahakan secara berterusan.

Cadangan bagi pembaikan Pantai Tungku

Laporan : Marlinawaty Hussin

Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Azmah Haji Ahad



YANG Berhormat Awang Haji Tahamit bin Nudin.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 Mac. - Pantai Tungku adalah tanah milik persendirian dan ia bukan kawasan awam di bawah penyeliaan Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe).

Perkara tersebut dijelaskan oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah pada hari kesembilan semasa Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN), di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis ketika menjawab soalan Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Nudin ketika mengemukakan cadangan bagi pembaikan Pantai Tungku supaya lebih teratur.

Menurut Yang Berhormat, beliau

difahamkan bahawa aktiviti yang berjalan di tempat tersebut pada masa ini adalah dibenarkan buat sementara waktu sahaja sebelum dipindahkan ke tempat yang lebih sesuai dan kekal.

Selain itu, Yang Berhormat juga menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit mengenai pokok yang tumbang di persisiran pantai sehingga menjejaskan aset-aset persendirian.

Yang Berhormat menekankan bahawa pihak Kementerian Pembangunan mengambil serius permasalahan ini dan telah mencadangkan, melalui Rancangan Kemajuan Negara Ke-11, bagi peruntukan untuk pelaksanaan tembok penghadang di kawasan tersebut sebagai perancangan jangka panjang.



YANG Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

60 peratus rangkaian jalan raya riding quality memuaskan

Laporan : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 Mac. - Pada masa ini secara keseluruhannya 50 peratus jalan-jalan Kelas A (lebuhraya) di negara kita adalah dalam kategori penyelesaian yang baik dan 49 peratus dalam kategori memuaskan.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah semasa Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) pada hari kesembilan, bagi mengelakkan kekeliruan dan apa jua sebarang tanggapan negatif mengenai kualiti

aset jalan raya di negara kita ini.

Tambah Yang Berhormat, bagi jalan-jalan Kelas B atau jalan utama 30 peratus dalam kategori baik dan 20 peratus dalam kategori memuaskan. Secara keseluruhannya 60 peratus jalan di negara ini dalam keadaan *riding quality* yang baik dan memuaskan.

Menurut Yang Berhormat, Jabatan Kerja Raya juga telah menyasarkan supaya 75 peratus dari keseluruhan rangkaian jalan raya di negara ini mempunyai *riding quality* yang baik dan memuaskan.

MAJLIS MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-12 MAJLIS MESYUARAT NEGARA (MMN) BOLEH DIBACA SETIAP HARI MELALUI LAMAN SESAWANG :

www.pelitabrunei.gov.bn
BAGI MENGETAHUI BERITA-BERITA PENUH.



IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

UNTUK MENGETAHUI DENGAN LEBIH LANJUT SYARAT-SYARAT KELAYAKAN DAN TUGAS-TUGAS SERTA TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN BERKENAAN SILA LAYARI
www.recruitment.gov.bn

Syarat-Syarat Am:

- Pemohon hendaklah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Pemohon adalah dipelawa daripada pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di kementerian atau jabatan-jabatan kerajaan sahaja (Bagi iklan menggunakan Peraturan 38 sahaja).
- Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara begilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.
- Cara permohonan - rujuk di ruang PEMBERITAHUAN.

PERATURAN 7(a) : 13/03/16 (SPA/BIKL)

Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

TARIKH TUTUP: 06 APRIL 2016

- PENTERJEMAH KANAN**
C.2 EB.3
 BAHAGIAN III
 JABATAN - JABATAN KERAJAAN
 KEKOSONGAN = 01

PERATURAN 38(a) BIL. IKLAN 09/2016

Khusus bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di perkhidmatan awam Negara Brunei Darussalam.

TARIKH TUTUP: 13 APRIL 2016

- JURUTERA KERJA KANAN**
KUMPULAN 2
 BAHAGIAN I
 JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
 JABATAN PERDANA MENTERI
 KEKOSONGAN = 04
- JURUTERA KERJA**
B.3
 BAHAGIAN II
 PUSAT PENYELIDIKAN DAN PERKEMBANGAN SAINS DAN TEKNOLOGI
 KEMENTERIAN PERTAHANAN
 KEKOSONGAN = 01

PEMBERITAHUAN

PERUBAHAN TATACARA PENERBITAN IKLAN BAGI PERATURAN 7(A), 38(A) DAN 38(B)

Mulai daripada 04 Mac 2015, pengiklanan jawatan kosong sama ada melalui Peraturan 7(A), 38(A) dan 38(B) akan diiklankan secara serentak dan dikeluarkan 3 kali seminggu iaitu pada setiap hari Isnin, Rabu dan Sabtu.

TATACARA PERMOHONAN BAGI ORANG RAMAI DAN WARGA PERKHIDMATAN AWAM, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM:

Penggunaan kali pertama:

- Semua pemohon hendaklah mempunyai akaun e-Darussalam. Bagi yang belum mempunyai akaun, hendaklah mendaftar akaun e-Darussalam di www.gov.bn. Setelah mendapatkan *username* dan *password* akaun e-Darussalam, pemohon bolehlah mendaftar masuk ke Portal PSC Recruitment.
- Sila pastikan awda memasukkan e-mel yang betul dan aktif semasa membuat pengesahan di PSC Recruitment.
- Melengkapkan ruangan 'Profil Saya' (*My Profile*) dan memuatnaik siji-siji atau dokumen-dokumen dalam format pdf mengikut peringkat kelulusan atau jenis dokumen.

Penggunaan Seterusnya:

- Awda boleh mengemaskini profil awda pada bila-bila masa, jika perlu.
- Untuk melihat jawatan yang diiklankan awda boleh memilih 'Carian Pekerjaan' (*Search Job*) atau lihat jawatan 'Atas 5 Kekosongan' (*Top 5 Vacancies*) atau klik 'Carian Lanjutan' (*Advance Search*) dan bagi membuat permohonan klik 'Pohon' (*Apply*).
- Panggilan ujian, temuduga atau keputusan permohonan akan dihantar ke e-mel awda melalui PSC Recruitment.
- Permohonan yang DIHADAPKAN SELEPAS tarikh tutup iklan tidak akan dilayan.**

Maklumat Tambahan:

- Semua kelulusan, siji-siji kecekapan, peperiksaan yang dikendalikan oleh badan-badan professional yang dihadapkan bersama borang permohonan hendaklah **diiktiraf** oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. (selepas ini dipanggil Kerajaan).
- Kepujian (kredit) mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa hendaklah diperolehi dalam tempoh **dua (2) tahun berturut-turut**.
- Kemudahan Komputer dan Mesin Imbas (*Scanner*) ada disediakan bagi kegunaan orang ramai seperti berikut:-
 - Pejabat Daerah Belait;
 - Pejabat Daerah Temburong.
 - Jabatan Bandaran Daerah Tutong.

PERINGATAN TAMBAHAN KEPADA WARGA PERKHIDMATAN AWAM, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM:

- Sentiasa memastikan maklumat awda di dalam Rekod Perkhidmatan GEMS adalah tepat dan terkini.
- Permohonan yang telah dihadapkan akan disalurkan terlebih dahulu secara *online* kepada Pegawai Penghubung atau PoC Kementerian / Jabatan masing-masing.
- Laporan Sulit mengenai peribadi, mutu kerja pemohon dan sebagainya hendaklah dimua tnaik oleh PoC ke dalam Portal PSC Recruitment.
- Bagi Pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan. Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan yang belum mencapai tempoh perkhidmatan selama 3 tahun, hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** selama tempoh perkhidmatannya.
- PoC adalah bertanggungjawab bagi menghadapkan pengesahan atau penolakan bagi pemohon di Kementerian / Jabatan berkenaan.

SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI:

PSC RECRUITMENT: TALIAN E-DARUSSALAM DI TALIAN 123 ATAU E-MEL info@123.com.bn
 E-DARUSSALAM: TALIAN E-DARUSSALAM DI TALIAN 123 ATAU E-MEL info@123.com.bn
 GEMS: +6732382407 ATAU E-MEL gems.helpdesk@psd.gov.bn

UNTUK MEMBACA MAKLUMAN ATAU SOALAN LAZIM SILA LAYARI: www.spa.gov.bn, recruitment.gov.bn & FACEBOOK Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam-Brunei



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

1. TAWARAN adalah dibukakan kepada kontraktor yang berdaftar di dalam Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal, Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam (Kelas I, II, III, IV, V & VI, Sijil Pendaftaran Section 16 & 17 atau Kategori Elektrikal (E01, M03, KP04, KA01).

2. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo perkhidmatan / pembekal / pemborong (*sealed*), ditulis dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar ke alamat yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.

Tajuk Tawaran 1 :

"Repairing Brake System and Electrical System for Fire Truck BG 9071 (F.6)."

Bilangan Tawaran :
AME/2015-2016/SH-16/S

Tajuk Tawaran 2 :

"Perkhidmatan Pembersihan Bangunan Operasi Jabatan Penerbangan Awam dan Kawasannya bagi tempoh dua tahun (24 bulan)."

Bilangan Tawaran :
AME/2015-2016/SH-28/S

Tajuk Tawaran 3 :

"Perkhidmatan Pembersihan Bangunan Kawasan Lalu Lintas Udara Jabatan Penerbangan Awam dan Kawasannya bagi tempoh dua tahun (24 bulan)."

Bilangan Tawaran :
AME/2015-2016/SH-29/S

Tajuk Tawaran 4 :

"Repair and Painting of Daihatsu Light Truck BG 7574."

Bilangan Tawaran :
AME/2016-2017/SH-07

Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran :

Tidak lewat jam 2.00 Petang 29 Mac 2016, hari Selasa.

Tarikh tutup tawaran pada :
hingga pukul 2.00 Petang, 30 Mac 2016, hari Rabu.

Kepada :

Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga
d/a Tingkat Bawah
Bahagian Kewangan Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Perhubungan
Bandar Seri Begawan, BB2513
Negara Brunei Darussalam.



**JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**JUALAN SECARA SEBUT HARGA BAGI PERALATAN KUALITI UDARA
JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI**

BILANGAN SEBUT HARGA : JASTRE/QTN015/2016

KETERANGAN BARANG-BARANG

Peralatan Pemantau Kualiti Udara

- a. Dynamic Gas Calibration System - Model 146
- b) 49c o3 Analyzer - Model 48c
- c. 43c So2 Analyzer
- d. 48c Co AAnalyzer - Model 48c
- e. 42c NO-NO2 Nox Analyzer - Model 42c
- f. Zero Air Supply - Model 111
- g. 8800 Data Logger
- h. Ferrups FE Series (Best Power)
- i. Wedding & associates - Beta Gauge - Autoated particle Sampler
- j. Pipe Apparatus (6 Nos)
- k. Machine Apparatus
- l. Pipe / Tube Apparatus
- m. Compressor (2 Nos)
- n. Vacuum Pump

LOKASI BARANG-BARANG

Pejabat Cawang JASTRE, Anggerek Desa
No. 7, Blok 28, Simpang 32-66, Flat Anggerek Desa

Tempat mengambil borang di Tingkat Satu, Unit Projek, Bahagian Kewangan
Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi
Bangunan Tumasek, Jalan Raja Isteri
Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Yuran Sebut harga : BND10.00 (tidak dikembalikan)

Waktu mengambil borang

Jam : 8.30 Pagi hingga 11.00 Pagi dan 2.00 Petang hingga 3.00 Petang (Waktu Bekerja)

Tarikh tutup menghantar borang sebut harga pada :

6 April 2016 (Hari Rabu)

Jam : 2.00 Petang

Maklumat lanjut mengenai syarat-syarat harta benda
lokasi-lokasi dan borang sebut harga sila berhubung di
Bahagian Kawalan Pencemaran Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi
Bangunan Tumasek, Jalan Raja Isteri, Bandar Seri Begawan
di talian : +673 2241272



**JABATAN PELABUHAN
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

TENDER NOTICE

**PORTS DEPARTMENT
MINISTRY OF COMMUNICATIONS
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
TENDER NOTICE NO. JP/T3/2016-2017**

1. TENDERS are invited from category **MEA class 2 or 3** shipyards for **DOCKING SERI JURAGAN**.

2. Full tender particulars and general conditions of contract can be obtained on payment of documentation fee of **BND50.00 (not returnable)** during office hours from **TENDER AND QUOTATIONS UNIT, 2ND FLOOR, PORTS DEPARTMENT, MUARA, BT 1728, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** during office hours :

**Monday to Thursday at 8.00 AM - 11.00 AM & 1.30 PM - 2.30 PM
and Saturday at 8.00 AM - 10.00 AM respectively**

BIDDING DOCUMENTS WILL BE ISSUED UP TO 6TH APRIL 2016, A WEEK BEFORE CLOSING DATE.

3. The tenderer may inspect the vessel, SERI JURAGAN on request to the Ports Engineer. An advance notice to the officer is required so that the vessel can be made available for inspection.

4. The successful tenderer may be required to enter into a proper constituted contract agreement with the Government of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

5. Tenders are to be submitted in plain sealed envelopes marked only with "DOCKING FOR PILOT BOAT SERI JURAGAN JP/T3/2016-2017" at the top left hand corner and addressed to :

**THE CHAIRMAN
MINI TENDER BOARD
MINISTRY OF COMMUNICATIONS
BANDAR SERI BEGAWAN BB 3910
BRUNEI DARUSSALAM.**

Manuals, catalogues and samples (if any) to be addressed to :

**THE DIRECTOR OF PORTS
PORTS DEPARTMENT
MINISTRY OF COMMUNICATIONS
MUARA, BT 1728
BRUNEI DARUSSALAM.**

6. All tenders are to be received at the designated addresses by **2.00 PM, 19TH APRIL 2016**.

7. It is compulsory for Tenderer to purchase first the Tender document before making the Pre-Tender visit to the vessel. Tenderer shall make a compulsory **Pre-Tender visit on 7TH APRIL 2016** the dates during working hours **9.00 AM AT MUARA PORT HQ**. Non-attendance of pre-tender visit shall be disqualified and must bring their Tender Document, identification cards for attendance taking and security pass entry purposes during the Pre-Tender visit.

8. The Government of His Majesty the Sultan and Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

**TAWARAN
JPPK/LTN/01/2016**

**SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION
AND FIX INTO POSITION LOOSE
FURNITURE FOR SINGLE
SOLDIERS ACCOMODATION
BOLKIAH GARRISON**

**BAYARAN TAWARAN :
BND30.00 (Tidak dikembalikan)**

Kelas: KELAS III DAN KE ATAS

Kategori : P06

Tempoh Penyediaan: TIGA (3) BULAN

SYARAT-SYARAT TAWARAN

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Baharu Kementerian Pertahanan, Blok 'C', Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam, **tidak lewat jam 2.00 Petang, hari Selasa, 12 April 2016**.

Dokumen-dokumen bolehlah diperolehi dari Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja, di Tingkat 1, Blok D, Bangunan Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison BB3510. Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja (Isnin - Jumaat). **Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran pada 8 April 2016 hari Jumaat Jam 4.00 Petang.**

b. Bayaran tawaran (*tender fee*) hendaklah dibayar di Unit Kaunter, Bahagian Kewangan, Blok 'C', Tingkat 1, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Blok 'D', Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam.

Waktu bagi menerima bayaran :

Isnin hingga Khamis :

8.00 Pagi hingga 12.00 Tengah Hari

2.00 Petang hingga 3.00 Petang

Jumaat : 8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi

2.30 Petang hingga 3.00 Petang

Waktu bagi mengambil dokumen tawaran adalah pada waktu pejabat.

c. Pembekal adalah dikehendaki membayar semua yuran dokumen dan bayaran tawaran seperti yang diiklankan. Yuran tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (*bona-fide-tender*). Kadar yuran tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

d. Pemborong yang tidak memenuhi kelas dan kategori yang dinyatakan, tidak akan di benarkan untuk menyertai tawaran ini.

e. Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.

f. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan dikira sebagai tawaran tidak jujur (*non-bona-fide-tender*) dan tidak akan dilayan.

g. Salinan sijil pendaftaran perniagaan hendaklah disertakan bersama dengan menyenaraikan butir-butir syarikat berkenaan seperti nama, nombor kad pengenalan atau nombor pasport pemilik.

h. Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

i. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat, hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan tarikh tutup tawaran ini sepertimana yang diiklankan.



KEMENTERIAN KESIHATAN

**PEMBERITAHUAN TAWARAN
KEMENTERIAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

1. DOKUMEN-DOKUMEN tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi daripada Bahagian Pembelian dan Perbekalan, Tingkat Bawah Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, semasa waktu-waktu bekerja, mulai **Hari Rabu, 9 Mac 2016**. Sila layari *website* Kementerian Kesihatan www.moh.gov.bn.

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dengan menyatakan bilangan tajuk tawaran serta tarikh tutup tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada :

**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
Peti Tawaran, Tingkat Bawah
Kementerian Kesihatan
Commonwealth Drive
Bandar Seri Begawan, BB 3910
Negara Brunei Darussalam.**

3. Tawaran-tawaran hendaklah disediakan dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah ditetapkan dan disediakan dalam dua (2) salinan termasuk salinan asal atau sepertimana yang dinyatakan. Dokumen dokumen tawaran hendaklah dihantar **tidak lewat dari jam 2.00 Petang, Hari Selasa pada 5 April 2016**. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Yuran tawaran (*tender fee*) bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti dinyatakan dan

dikehendaki pembayaran dengan WANG TUNAI sahaja (dan yuran tawaran tidak akan dikembalikan). Pembayaran hendaklah dibuat di Bahagian Akaun, Tingkat Bawah Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan semasa waktu-waktu bekerja.

Waktu Menerima Bayaran

**ISNIN hingga KHAMIS
8.00 PAGI hingga 11.00 PAGI
2.00 PETANG hingga 3.00 PETANG
SABTU**

8.00 PAGI hingga 10.00 PAGI

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.

6. Tawaran adalah dibukakan kepada semua pemborong-pemborong dan hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut :

- Sijil Pendaftaran Perniagaan yang masih sah laku dan berdaftar dengan Kementerian Kesihatan.
- Manakala bagi pemborong / pembekal yang menyertai tawaran ubat-ubatan (*Drug and Medicine*) mestilah mempunyai Lesen Racun yang sah *Poison Act (Cap. 114)*.
- Manakala bagi pemborong / pembekal yang menyertai tawaran bagi kerja-kerja pembangunan dan pendawaian elektrik mestilah mempunyai Lesen Pendaftaran yang masih sah daripada Kementerian Pembangunan.

7. Penender yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garispandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

TAWARAN

BIL TAWARAN	KETERANGAN	YURAN TAWARAN	TARIKH TUTUP Tidak lewat Jam 2.00 petang
KK/37/2016 (JPK)(TC)	PROVISION OF CLEANING AND GRASSCUTTING SERVICES FOR PUSAT KESIHATAN BERAKAS (NEW BUILDING) DEPARTMENT OF HEALTH SERVICES FOR A PERIOD OF THREE(3) YEARS	\$30.00	5/04/2016
KK/38/2016 (JPK)(TC)	CLINICAL / BIOHAZARD WASTE COLLECTION AND DISPOSAL SERVICES FOR PUSAT KESIHATAN BERAKAS (NEW BUILDING) DEPARTMENT OF HEALTH SERVICES FOR A PERIOD OF THREE(3) YEARS	\$10.00	5/04/2016
KK/39/2016 (JPK)(TC)	DOMESTIC WASTE COLLECTION AND DISPOSAL SERVICES FOR PUSAT KESIHATAN BERAKAS (NEW BUILDING) DEPARTMENT OF HEALTH SERVICES FOR A PERIOD OF THREE(3) YEARS	\$10.00	5/04/2016
KK/40/2016 (JPK)(TC)	PROVISION OF SECURITY SERVICES FOR PUSAT KESIHATAN BERAKAS (NEW BUILDING) DEPARTMENT OF HEALTH SERVICES FOR A PERIOD OF THREE(3) YEARS	\$50.00	5/04/2016
KK/41/2016 (PPN)(TC)	PROVISION OF CLEANING SERVICES FOR NATIONAL DENTAL CENTRE OLD AIRPORT BANDAR SERI BEGAWAN FOR A PERIOD OF THREE(3) YEARS	\$30.00	5/04/2016

IKLAN WEBSITE PADA 9HB MAC 2016


**JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

BIL TAWARAN : (01)JBS/ADM/TDR/08/2016

**Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Tingkat 1, (Ruang Masuk / Penyambut Tetamu)
Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Simpang 336 - 17, Jalan Kebangsaan
Bandar Seri Begawan, BA 1211
Negara Brunei Darussalam.**

**TAWARAN IKLAN BAGI
MAKAN DAN MINUM BAGI ATLET AKADEMI SUKAN
DALAM TEMPOH 12 BULAN**

(01)JBS/ADM/TDR/08/2016

**Tarikh Tutup : 27 Jamadilakhir 1437
5 April 2016 (Hari Selasa)**

Jam : Tidak Lewat Pukul 2.00 Petang.
Cagaran : BND10.00 (Untuk Setiap Satu Dokumen - Tidak Dikembalikan).

Sila sertakan Sijil Pendaftaran Perniagaan 16 & 17 dan Rampaian, jika pemborong gagal menyertakan maka borang Tender dikira batal atau tidak diterima.

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh diperolehi di Bahagian Unit Hasil Tingkat 4, Jabatan Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, Berakas, BA 1211, Negara Brunei Darussalam.

**Waktu Menerima Bayaran
ISNIN hingga KHAMIS
8.30 PAGI hingga 11.30 PAGI
SABTU
8.30 PAGI hingga 10.30 PAGI**


**JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**
REQUEST FOR PROPOSALS (RFP)

**DEPARTMENT OF AGRICULTURE
AND AGRIFOOD,
MINISTRY OF PRIMARY
RESOURCES AND TOURISM (MPRT)
Open Invitation for Proposals**

**TO INVEST, DEVELOP, OPERATE
AND PRODUCE VEGETABLES
PRODUCTION IN TUNGKU
AGRICULTURE DEVELOPMENT AREA
: AGROTECHNOLOGY PARK (SITE B)
BRUNEI DARUSSALAM
Reference No. : MPRT/RFP/2016/02**

THE Department of Agriculture and Agrifood, Ministry of Primary Resources and Tourism invites proposals from interested parties to invest, develop, operate and produce vegetables production in the designated area within Tungku Agricultural Development Area: Agrotechnology Park (Site B), Brunei Darussalam.

The objective of this project is :

1. To develop and produce a sustainable vegetables production within 40 hectare of Tungku Agriculture Development Area;
 2. To increase production of vegetables industry;
 3. To produce for export; and
 4. To generate employment for the locals
- More detailed information and guidelines for

submitting proposals will be provided in the Request for Proposals (RFP) document.

To register for the RFP, interested parties should send an email to rfp@mprt.gov.bn with subject heading, "Proposals to Invest, Develop, Operate, and Produce Vegetables Production in Tungku Agriculture Development Area: Agrotechnology Park (Site B), Brunei Darussalam", attaching information on the company, relevant experience as well as contact details.

Detailed RFP documents can be obtained from the Department of Agriculture and Agrifood, Ministry of Primary Resources and Tourism or through e-mail rfp@mprt.gov.bn.

Completed proposal should be submitted to the address below **not later than 3.00 PM on Monday, 30th May 2016.**

**Tender Box
Ground Floor
Ministry of Primary Resources
and Tourism
Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan, BB 3910
Negara Brunei Darussalam.**

For all correspondence, please contact :

**Agriculture Department Area Unit
Department of Agriculture and Agrifood
Ministry of Primary Resources
and Tourism**

**Old Airport, Brunei Darussalam
Telephone No. : +673 2388064 /
+673 2388065 / +673 2388062
E-mail : rfp@mprt.gov.bn**

REQUEST FOR PROPOSALS (RFP)

**DEPARTMENT OF AGRICULTURE
AND AGRIFOOD,
MINISTRY OF PRIMARY
RESOURCES AND
TOURISM (MPRT)
Open Invitation for Proposals**

**TO INVEST, DEVELOP, OPERATE
AND PRODUCE HIGH VALUE
ORNAMENTAL PLANTS IN
AGROTECHNOLOGY PARK
GREENHOUSES,
BRUNEI DARUSSALAM
Reference No. : MPRT/RFP/2016/03**

THE Department of Agriculture and Agrifood, Ministry of Primary Resources and Tourism invites proposals from interested parties to invest, develop, operate and produce high value ornamental plants in Agrotechnology Park Greenhouses, Brunei Darussalam.

The objective of this project is :

1. To produce high-value ornamental plants with high productivity using high / advanced technologies;
 2. To produce for export and domestic market; and
 3. To generate employment for the locals.
- More detailed information and guidelines for

submitting proposals will be provided in the Request for Proposals (RFP) document.

To register for the RFP, interested parties should send an e-mail to rfp@mprt.gov.bn with subject heading, "Proposals to Invest, Develop, Operate, and Produce High Value Ornamental Plants in Agrotechnology Park Greenhouses, Brunei Darussalam", attaching information on the company, relevant experience as well as contact details.

Detailed RFP documents can be obtained from the Department of Agriculture and Agrifood, Ministry of Primary Resources and Tourism or through e-mail rfp@mprt.gov.bn.

Completed proposal should be submitted to the address below **not later than 3.00 PM on Monday, 30th May 2016.**

**Tender Box
Ground Floor
Ministry of Primary Resources
and Tourism
Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan, BB 3910
Negara Brunei Darussalam.**

For all correspondence, please contact :

**Agriculture Department Area Unit
Department of Agriculture and Agrifood
Ministry of Primary Resources
and Tourism
Old Airport, Brunei Darussalam
Telephone No. : +673 2388064 /
+673 2388065 / +673 2388062
E-mail : rfp@mprt.gov.bn**



**DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI WARIS
BANDAR SERI BEGAWAN, TUTONG
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**SURAT KUASA PUSAKA :
LA/NO. 48/2016**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **JOFFERI BIN HAJI AHMAD** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJI AHMAD BIN BIDIN** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN** pada 22 Mac 2016, jam 9.30 Pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 1 MAC 2016.

**SURAT KUASA PUSAKA :
LA/NO. 47/2016**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **ARNA SUNTI BINTI HAJI SULAIMAN** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAHMAN** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **BALU** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN** pada 29 Mac 2016, jam 9.30 Pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 1 MAC 2016.

**SURAT KUASA PUSAKA :
LA/NO. 285/2015**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAJI MOHAMMAD JUNAI BIN HAJI ABDUL RAHMAN** dan **HAJI MOHAMMAD HAMBALI**

BIN P.O.K.DG.S.D.D.L.U. AWG. HJ. ABD. RAHMAN kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **DAYANG HAJAH NORSINAH BINTI PEHIN ORANG KAYA DIGADONG HAJI MOHD. YUSOF** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN** pada 22 Mac 2016, jam 9.30 Pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 5 MAC 2016.

**SURAT KUASA PUSAKA :
LA/NO. 53/2016**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAJI HASSAN BIN HAJI DURAHMAN** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJI DURAHMAN BIN NAMIT** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN** pada 22 Mac 2016, jam 9.30 Pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 2 MAC 2016.

**SURAT KUASA PUSAKA :
LA/NO. 50/2015**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **MOHAMMAD SHAMLI BIN KIFLI** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **DAYANG NORHAYATI BINTI AWANG HIDOP** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si

pemohon ialah **SUAMI** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN** pada 29 Mac 2016, jam 9.30 Pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 5 MAC 2016.

**SURAT KUASA PUSAKA :
LA/NO. 55/2015**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **AZIZ BIN HAJI ISMAIL** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **SITI JAUYAH BINTI SALAMAT** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **SUAMI** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN** pada 22 Mac 2016, jam 9.30 Pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 2 MAC 2016.

**SURAT KUASA PUSAKA :
LA/NO. 63/2016**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HJ. MAJID BIN ABD. RAHMAN** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJAH DAYANG NOR BINTI HAJI LADI** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **SUAMI** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN** pada 5 April 2016, jam 9.30 Pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 15 MAC 2016.

**SURAT KUASA PUSAKA :
LA/NO. 57/2016**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **PEHIN DATU KESUMA DIRAJA HJ. A. RAHMAN MUSTAPHA** dan **PG. HJH MARIAH BINTI PG. AHMAD** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **RAMZEY ABDUL RAHMAN** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **AYAH** dan **IBU** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN** pada 5 April 2016, jam 9.30 Pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 15 MAC 2016.

**(MUHAMMAD AMIN LIM CHING)
Penolong Pegawai Waris
Negara Brunei Darussalam.**

**DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI
WARIS, TUTONG**

**SURAT KUASA PUSAKA :
T/LA/NO. 56/2015**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAJAH NORSHIAH BINTI TERBA** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJI ABD. HAMID BIN PEHIN ORANG KAYA RATNA SETIA DIRAJA HAJI MOHD. SALLEH** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **BALU** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH TUTONG** pada 26 Mac 2016, jam 9.00 Pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, TUTONG** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 15 MAC 2016.

**(DK. NORAFIDAH
BINTI PG. HAJI BUNGSU)
b/p. Tim. Pegawai Waris, Tutong
Negara Brunei Darussalam.**

PERINTAH PELINDUNGAN PENGGUNA (PERDAGANGAN WAJAR), 2011

Perintah untuk melindungi pengguna daripada amalan yang tidak adil



Apakah yang dimaksudkan dengan amalan yang tidak adil?

- Memperdayakan atau mengelirukan pengguna.
- Membuat kenyataan palsu terhadap produk dan perkhidmatan.
- Mengambil kesempatan ke atas pengguna yang tidak mempunyai pengetahuan mengenai produk dan perkhidmatan.



Perkara Yang Perlu Diamalkan dan Dielakkan Untuk Menjadi Pengguna Bijak

Amalan Yang Bijak

- Sediakan senarai barangan yang hendak dibeli.
- Periksa kualiti dan keadaan barangan yang hendak awda beli dengan teliti. Pastikan ianya adalah dalam keadaan yang baik sebelum awda membuat transaksi pembelian.
- Sentiasa membuat perbandingan harga dan kualiti barangan sebelum membuat pembelian bagi mendapatkan tawaran dan kualiti yang terbaik.
- Gunakan khidmat pakar dan profesional yang mempunyai lesen perkhidmatan jika awda ingin melakukan servis kepada barangan seperti alat penghawa dingin atau kereta.
- Simpan resit transaksi pembelian dan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan transaksi pembelian awda, sekurang-kurangnya hingga tamat tempoh jaminan yang ditawarkan bagi transaksi pembelian tersebut.
- Fahami terma dan syarat-syarat pembelian atau perjanjian kontrak sebelum awda menandatangani sebarang kontrak perjanjian.

Amalan Yang Tidak Bijak

- Membeli barangan atau mendapatkan khidmat servis dari orang atau organisasi yang mencurigakan.
- Memberi maklumat peribadi seperti keterangan akaun bank awda kepada individu atau organisasi yang tidak awda kenali.
- Berbelanja pada barangan atau perkhidmatan servis yang tidak awda perlukan.
- Terpedaya atau tertekan dengan teknik jualan secara paksa terutama jika ia melibatkan barangan yang mempunyai kos yang tinggi atau komitmen kewangan bagi jangka masa yang panjang.

**KHIDMAT ADUAN
PENGGUNA**

Hotline: 2230223 (waktu Pejabat)
Emel: consumercomplaint@jpke.gov.bn atau aduanpengguna@jpke.gov.bn
AduanPenggunaJPKE

Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri
Aras 3, Bilik 3.04, West Wing, Blok 2A, Jalan Ong Sum Ping,
Bandar Seri Begawan BA1311



**LEMBAGA BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada pemborong-pemborong yang berkebolehan dalam kerja-kerja pembersihan bagi **TENDER FOR DAILY CLEANING OF GADONG WET MARKET AND SURROUNDING AREAS BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN.**

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar menggunakan sampul surat yang bertutup dan ditulis **TENDER FOR DAILY CLEANING OF GADONG WET MARKET AND SURROUNDING AREAS** -

JBBSB/SH/2016 - 2017/01/UPA.

tanpa merujuk identiti pemborong dan ditujukan kepada :

**PENGERUSI
LEMBAGA TAWARAN KECIL
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI, TINGKAT SATU
BANGUNAN KEMENTERIAN HAL
EHWAL DALAM NEGERI
JALAN JAMES PEARCE
BANDAR SERI BEGAWAN, BS8610**

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

3. Tawaran-tawaran hendaklah sampai kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran Kecil **tidak lewat dari hari Selasa, 5 April 2016, jam 2.00 Petang.**

4. Tarikh akhir mengambil dokumen tawaran pada hari **Sabtu, 26 Mac 2016, jam 12.00 Tengah Hari.**

5. Lawatan bagi maksud melihat kawasan berkenaan akan dibuat pada hari **Isnin, 28 Mac 2016, jam 9.30 Pagi.** Semua wakil syarikat adalah dikehendaki berkumpul di Tingkat 1, Bangunan Pasar Gadong.

6. Dokumen-dokumen tawaran boleh diperolehi dari **Bahagian Kewangan, Tingkat**

3, Ibu Pejabat Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Jalan Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja Isnin hingga Khamis dan Sabtu. **Bayaran dokumen tawaran sebanyak BND100.00 (tidak dikembalikan).**

7. Pemborong hendaklah menyertakan salinan Sijil Pendaftaran yang menyenaraikan butir-butir syarikat berkenaan berserta dengan salinan Kad Pengenalan atau Pasport pemilik.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.



**JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**JUALAN SECARA SEBUT HARGA
BAGI PENGHAWA DINGIN
JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI**

BILANGAN SEBUT HARGA : JASTRE/QTN016/2016

KETERANGAN BARANG-BARANG

Split aircond Toshiba (CU+FCU) - Jumlah : 4 Unit
Room Unit Toshiba - Jumlah : 1 Unit

LOKASI BARANG-BARANG

No. 274, Simpang 141, Jalan Maulana JASTRE
Cawangan Daerah Belait

Tempat mengambil borang di Tingkat 1, Unit Projek, Bahagian Kewangan, Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Bangunan Tumasek Plaza, Jalan Raja Isteri, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Yuran Sebut harga : BND10.00 (tidak dikembalikan)

Waktu mengambil borang

Jam : 8.30 Pagi hingga 11.00 Pagi dan 2.00 Petang hingga 3.00 Petang
(Waktu Bekerja)

Tarikh tutup menghantar borang sebut harga pada :
6 April 2016 (Rabu)
Jam : 2.00 Petang

Maklumat lanjut mengenai syarat-syarat harta benda, lokasi-lokasi dan borang sebut harga sila berhubung di Bahagian Kawalan Pencemaran, Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi Bangunan Tumasek, Jalan Raja Isteri, Bandar Seri Begawan di talian : +6732 241272

**JUALAN SECARA SEBUT HARGA
BAGI SEBUAH (1) KENDERAAN
JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI**

BILANGAN SEBUTHARGA : JASTRE/QTN017/2016

KETERANGAN BARANG-BARANG

Suzuki Vitara JX 1.6v Wagon 5 pintu, BG9787

LOKASI BARANG-BARANG

Bengkel JASTRE, Jalan Belimbing Subuk, Bandar Seri Begawan

Tempat mengambil borang di Tingkat 1, Unit Projek, Bahagian Kewangan, Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Bangunan Tumasek Plaza, Jalan Raja Isteri, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Yuran Sebut harga : BND10.00 (tidak dikembalikan)

Waktu mengambil borang

Jam : 8.30 Pagi hingga 11.00 Pagi dan 2.00 Petang hingga 3.00 Petang
(Waktu Bekerja)

Tarikh tutup menghantar borang sebut harga pada :
6 April 2016 (Rabu)
Jam : 2.00 Petang

Maklumat lanjut mengenai syarat-syarat harta benda lokasi-lokasi dan borang sebut harga sila berhubung di Bahagian Kawalan Pencemaran, Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi Bangunan Tumasek, Jalan Raja Isteri, Bandar Seri Begawan di talian : +6732 241272

NO DRUGS AT ALL!

28 - 29 MARCH 2016 | 10 AM - 5 PM

KB SENTRAL GROUND FLOOR

ANTI-DRUG ROADSHOW

BY NARCOTICS CONTROL BUREAU

OTHER ACTIVITIES:

COLOURING CONTEST

AGE 7 - 12 YRS OLD

& ANTI-DRUG QUIZ

SO MUCH MORE...

SAY NO TO DRUGS!

Nda!
no drugs at all

NARCOTICS CONTROL BUREAU
PRIME MINISTER'S OFFICE
JLN TUNGKU, GADONG BE 2110
BRUNEI DARUSSALAM
HOTLINE : 673-8777444

In collaboration and supported by:

Sentral Shopping Centre

f NoDrugsAtAll | www.narcotics.gov.bn | nodrugsatall

KEMAJUAN Teknologi Info Komunikasi (ICT) merupakan antara sektor yang dikenal pasti sebagai satu pemangkin utama dalam pembangunan negara. Hampir semua aspek kegiatan manusia diselubungi oleh ICT dan telah banyak memainkan peranan dalam meningkatkan taraf kehidupan dan kesejahteraan. Kemajuan ICT sesebuah negara mencerminkan ketinggian kualiti kehidupan rakyatnya. Malah kemajuan ICT juga boleh menjana dalam pemberian perkhidmatan yang cemerlang.

Maka dengan itu, pada mendukung hasrat negara mencapai Wawasan Brunei 2035, Kertas Putih ICT Kebangsaan dan Pelan Induk Tenaga Kerja ICT telah dilancarkan oleh Menteri Perhubungan Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat.

Kertas Putih ICT Kebangsaan mula disediakan pada September 2014 dan siap pada April 2015. Ia diwujudkan untuk merangka pelan strategi dan program bagi pelaksanaan ICT di peringkat kebangsaan untuk mendukung hasrat negara di dalam mencapai matlamat Wawasan 2035, di samping bagi menanai isu dan cabaran dalam pelaksanaan program dan projek ICT.

Penyediaan Kertas Putih ini memfokuskan pada usaha pembaikan melalui inisiatif yang boleh diaplikasikan secara menyeluruh ke atas enam sektor utama yang merangkumi E-Kerajaan, Tenaga, Kesihatan, Pengangkutan, Pendidikan dan Perkhidmatan.

Objektif Kertas Putih adalah untuk menggariskan hala tuju strategik ICT bagi Negara Brunei Darussalam bagi tempoh lima tahun akan datang, selain memainkan peranan sebagai salah satu enjin bagi membantu negara ini memanfaatkan ICT untuk mempelbagaikan ekonomi, meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), menaiktarafkan kualiti hidup rakyat dan membantu untuk mencapai matlamat bagi 'Smart Society' atau Masyarakat Pintar.

Sementara itu, Pelan Induk Tenaga Kerja ICT dibangunkan sebagai pelengkap Kertas Putih ICT Kebangsaan di dalam menangani permintaan tenaga kerja ICT dan jurang kemahiran. Pelan Induk ini mengenalpasti keperluan masa depan industri ICT di negara ini dengan mengatur strategi dan program bagi memastikan tenaga kerja ICT yang berkemahiran dapat memenuhi keperluan-keperluan tersebut. Pelan induk ini diungkayahkan sebagai satu cara untuk mengatasi cabaran tenaga kerja ICT dan bagi membolehkan ICT sebagai tunggak utama untuk

ICT pemangkin pembangunan, capai Wawasan Brunei 2035

Oleh: Norliah binti Md. Zain
Foto: Jabatan Penerangan

pertumbuhan ekonomi.

Dengan usaha-usaha yang telah diambil oleh kerajaan selama ini terhadap pencapaian ICT setakat ini, negara telah berada di tangga Ke-71 dari 166 buah negara dalam ICT Development Index dan tangga yang Ke-45 dari 148 buah negara dalam Network Readiness Index pada tahun 2014.

Dari segi infrastruktur, hampir 35,000 buah rumah sudah dihubungkan dengan *fibre-optics* dan sebanyak 10,000 buah rumah lagi akan dicapai pada tahun ini. Perkembangan ini selaras dengan Wawasan Brunei 2035 untuk mencapai 100 peratus sebelum tahun berkenaan.

Menyentuh mengenai Keluaran Dalam Negara Kasar (GDP), sektor ICT telah menyumbang 1.4 peratus terhadap GDP bagi Negara Brunei Darussalam pada tahun 2013.

DUKUNG KECEKAPAN PENGURUSAN PA

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim semasa membentangkan Kertas Cadangan Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan 2016 / 2017 pada Majlis Mesyuarat Negara menjelaskan, kerajaan akan terus menyediakan peruntukan-peruntukan bersesuaian bagi menyediakan dan meningkatkan kapasiti *e-services* bagi mendukung kecekapan pengurusan-pengurusan Perkhidmatan Awam yang antara lainnya termasuklah : \$75.1 juta juga disediakan bagi kegunaan Teknologi

Maklumat Kementerian-Kementerian secara keseluruhan; dan di bawah RKN, sejumlah \$17.7 juta dengan Harga Rancangan \$326.7 juta untuk keperluan Teknologi Maklumat dan Info-Komunikasi.

Peningkatan penggunaan aplikasi ICT yang cekap melalui projek-projek e-Kerajaan merupakan usaha penambahbaikan berterusan bagi meningkatkan kecekapan penyampaian Perkhidmatan Awam untuk memangkin pembangunan Sektor Swasta. Peningkatan produktiviti Sektor Swasta adalah perlu bagi memacu peningkatan hasil dan sumbangan sektor bukan minyak dan gas kepada KDNK.

Contohnya, setakat ini Kerajaan telah melaksanakan e-Darussalam, e-Payment Gateway, e-Registry, Brunei Darussalam National Single Window, Labour Control System, Public Service Commission (PCS) Recruitment Job Centre Brunei, Bru-HIMS, Registry of Companies and Business Names, STARs, TAFIS, Onebiz dan banyak lagi. Peningkatan tahap perkhidmatan ini akan terus diperkembangkan lagi melalui integrasi beberapa sistem yang mempunyai peranan dan fungsi yang sama. Melalui langkah pengukuhan integrasi sistem-sistem yang sedia ada, ia bukan sahaja akan dapat memudahkan cara perkhidmatan kepada orang ramai dan komuniti perniagaan domestik dan luar negara, tetapi juga akan mengelakkan sebarang duplikasi dan pembaziran sumber dan tenaga yang ada.

Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat semasa menyampaikan mukaddimah



GAMBAR HIASAN... SEKTOR ICT dikenalpasti pemangkin utama pembangunan dan ekonomi negara.

belanjawan bagi Kementerian Perhubungan pada Majlis Mesyuarat Negara berkata dalam bidang ICT, pihak AITI atas dasar Kertas Putih ICT Kebangsaan akan berusaha ke arah mengembangkan sektor ICT sebagai pemangkin atau *engine of growth* bagi menjana pertumbuhan ekonomi negara dan memberi perhatian pada merapatkan jurang digital selaras dengan Wawasan Brunei 2035.

Menurut Yang Berhormat, Kementerian Perhubungan juga ingin menggalakkan syarikat-syarikat telekomunikasi agar terus peka dan *responsive* pada meningkatkan usaha ke arah pembenaan prasarana yang menembusi kawasan luar bandar dan pedalaman serta kawasan Rancangan Perumahan Negara.

KESIMPULAN

Sememangnya perkembangan ICT juga tidak terkecuali dari menerima cabaran antaranya memastikan peralatan dan perisian berkaitan ICT

sentiasa *up-to-date* selaras dengan perkembangan semasa yang tentunya memerlukan perbelanjaan yang banyak untuk tujuan itu. Selain itu, memenuhi keperluan perkhidmatan internet di kawasan-kawasan perumahan yang baru dibuka dan pedalaman sering ditimbulkan oleh orang ramai.

Selain itu, dalam menitikberatkan perkembangan ICT, kita juga patut memastikan agar masyarakat tidak menyalahgunakannya untuk tujuan yang bertentangan dengan agama, undang-undang dan adat resam di negara.

Menteri Perhubungan ketika melancarkan Kertas Putih ICT Kebangsaan dan Pelan Induk Tenaga Kerja ICT menegaskan untuk menghasilkan sesuatu, ICT berharap kepada *human capacity*, imiginasi, daya cipta dan kemampuan intelektual.



Di sinilah pada pandangan Yang Berhormat pentingnya satu gagasan untuk menangani cabaran-cabaran dan melakar hala tuju dan sasaran yang ingin dicapai untuk menjadikan ICT sebagai satu sektor yang dinamik, iaitu satu gagasan yang memfokus pada strategi pelaburan dan pembangunan *human capital* dan tenaga kerja yang berpendidikan tinggi dalam bidang ICT.

Yang Berhormat juga berkata, dalam keghairahan kita membuka luas pasaran dan penyertaan dalam sektor ICT, kita harus prihatin terhadap penglibatan tenaga-tenaga tempatan untuk melahirkan daya cipta mereka yang ketika ini masih didominasi oleh idea-idea dari luar. Daftaran Intellectual Property Right yang berhubung dengan ICT juga masih belum menyerlah.

Soal Yang Berhormat, sejauh manakah tenaga kerja kita sudah dapat menguasai teknologi maklumat dan berupaya untuk membuahkan hasil-hasil dari hartanah intelektual tempatan.

Dalam mencapai hasrat ini, ujar Yang Berhormat, kerajaan juga berharap untuk bekerjasama dengan syarikat-syarikat tempatan dengan mengambil langkah memberi ruang dan keutamaan kepada bakat-bakat tempatan; memperbanyakkan peratus pekerja-pekerja tempatan serta merancang program-program latihan yang komprehensif.

Sememangnya ICT ketika ini turut sama memainkan peranan penting dalam mendukung pembangunan dan perekonomian negara yang dinamik, *resilient* dan kompetitif.



Wanita berbangsa Filipina peluk Islam

Oleh : Aimi Sani

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



MAJLIS Pengislaman bagi wanita bangsa Filipina bersama seorang anaknya yang berlangsung di Pusat Da'wah Islamiah.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 13 Mac. - Ajaran yang disampaikan oleh agama Islam terus mendapat perhatian pelbagai bangsa yang bermastautin di negara ini.

Hari ini, seorang wanita berbangsa Filipina dan anaknya memeluk agama Islam dan melafazkan ikrar Islam mereka di hadapan pegawai-pegawai Pusat Da'wah Islamiah di Bilik Al-Muhtadiin, Tingkat 2, Bangunan Darul Huda, Pusat Da'wah Islamiah.

Abigail Santos Bamba, 21, kini dikenali sebagai Dayang Nur Azizah Bamba binti Abdullah dan anaknya, Precious Ailiah Gail Bamba Espinosa, 2, kini dikenali sebagai Dayang Nur Aliah Espinosa binti Abdullah.

Majlis turut diserikan dengan bacaan Dikir Marhaban dan menabur bunga rampai kepada saudara baru yang diraikan.

Ketika ditemui sebelum berlangsungnya majlis pengislaman tersebut, beliau merasa terharu dan bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana hari ini menandakan hari bersejarah bagi dirinya yang bakal menjalani kehidupan sebagai wanita Islam.

Menurutnya, keinginan dan niat untuk menganut agama Islam ini bermula apabila suami dan ibu beliau telah memeluk Islam.

Beliau berhasrat untuk terus mendalami agama Islam ini dengan mempelajari pelbagai ilmu agama termasuk ibadah sembahyang.

Bagi bulan Januari hingga Februari 2016, Pusat Da'wah Islamiah (PDI) telah mencatatkan seramai 88 orang telah memeluk agama Islam.

Pupuk minat kanak-kanak kuasai bacaan Jawi

Berita dan Foto : Noraisah Muhammed

LABI, Jumaat, 18 Mac. - Dayang Siti Rabi'atul Alawiyah binti Ramlee dari Masjid Kampung Labi diumumkan sebagai johan peserta Kategori 'A' (6 - 9 tahun) manakala Awang Md. Kamal Sukri bin Md. Kamal dari Masjid Kampung Sungai Liang menjadi johan peserta Kategori

'B' (10 - 12 tahun) pada Peraduan Membaca Jawi bagi Pelajar Kelas Al-Quran dan Muqaddam, Masjid Kampung Labi, Masjid Kampung Sungai Liang dan Masjid Al-Mashhor Kampung Sungai Mau, Belait bagi Tahun 1437 Hijrah bersamaan 2016 Masihi.



PARA peserta yang menyertai Peraduan Membaca Jawi bagi Pelajar Kelas Al-Quran dan Muqaddam, Masjid Kampung Labi, Masjid Kampung Sungai Liang dan Masjid Al-Mashhor Kampung Sungai Mau, Belait gembira dengan hadiah masing-masing.

Peraduan yang dianjurkan oleh Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Labi itu telah disertai oleh seramai 14 peserta, iaitu tujuh peserta bagi Kategori 'A' (berumur 6 - 9 tahun) dan tujuh peserta bagi Kategori 'B' (berumur 10 - 12 tahun).

Hadiah kemenangan telah disampaikan oleh tetamu kehormat majlis iaitu Pegawai Hal Ehwal Masjid, Daerah Belait, Awang Haji Haslan bin Haji Shahbudin.

Tujuan peraduan ini diadakan adalah sebagai usaha untuk melahirkan kanak-kanak yang boleh menguasai bacaan Jawi di peringkat kanak-kanak dengan baik dan sempurna, sebagai usaha untuk melahirkan kanak-kanak yang berani tampil di khalayak ramai serta menarik minat kanak-kanak untuk mengikuti aktiviti-aktiviti yang dikendalikan oleh pihak masjid.

Peraduan diunggayakan sebagai salah satu program semasa cuti penggal persekolahan dan dengan adanya peraduan seperti ini ia juga dapat mengukuhkan lagi silaturahim dalam kalangan para peserta.

Pemenang Minda Pembaca!



Kebaikan melancong di negara sendiri

MELANCONG merupakan salah satu aktiviti yang amat menyeronokkan. Tambahan pula, ia memberi banyak manfaat kepada semua masyarakat. Semua manusia mengimpikan tempat yang indah dan menarik untuk dilawati dan menghabiskan masa cuti bersama keluarga setelah penat menjalani kerja seharian. Negara kita juga tidak kurang hebatnya mempunyai banyak tempat pelancongan yang menarik dan sesuai untuk dijadikan destinasi percutian.

Kita sebagai rakyat Brunei hendaklah melancong di negara sendiri dahulu sebelum melancong di luar negara. Secara sedar atau tidak, melancong di negara sendiri adalah lebih baik dari melancong di luar negara kerana kita berpeluang mengenali dengan lebih dekat lagi kebudayaan dan warisan negara kita yang kaya dengan pelbagai keindahan khazanah alam semula jadi serta tempat-tempat menarik di Negara Brunei Darussalam yang tercinta ini dengan adanya Taman Tema Jerudong Park, Taman Rekreasi Tasek Lama, Tasik Merimbun, Muzium Alat Kebesaran Diraja, Kampong Ayer, Pantai Muara, Pantai Seri Kenangan dan sebagainya.

Jika kita terfikir sejenak, 'makan angin' di negara sendiri lebih selesa dan menyenangkan seperti bak kata pepatah 'hujan batu di negara orang, hujan emas di negara sendiri'. Kita juga akan mendapati bahawa apabila kita melancong dalam negara sendiri kita dapat menjimatkan lebih banyak kos perbelanjaan seperti perbelanjaan membayar hotel, tiket penerbangan, teksi, bil telefon dan sebagainya malah wang ringgit Brunei tidak akan mengalir ke luar negara. Ia juga secara tidak langsung dapat membantu menaikkan perkembangan ekonomi negara serta industri pelancongan tempatan di negara kita.

Sehubungan itu, melancong juga dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan. Ibu bapa dapat membawa anak-anak mereka melancong di negara ini untuk mengeratkan serta menyuburkan lagi ikatan ukhuwah antara ahli keluarga, di samping keselamatan diri serta keluarga juga terjamin. Ibu bapa juga dapat mengetahui aktiviti anak-anak kerana sepanjang waktu melancong, anak-anak sentiasa bersama mereka. Kesimpulannya, melancong dapat merehatkan minda serta menenangkan fikiran bak kata pepatah 'jauh perjalanan luas pemandangan'.

Nama : Dk Siti Rahimah binti Pg Haji Abdul Rahman

No. K/P : 01-071749 (K)

Alamat : No. 24 Rumah Teres Simpang 226 Jalan 77, Kampung Perpindahan Lambak Kanan, BC 2715, Negara Brunei Darussalam.

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Pengusaha Tempatan Perlu Bijak Terokai Pasaran Antarabangsa'. Tarikh Tutup : 23 Mac 2016.
2. 'Hayati MIB Sebagai Cara Hidup'. Tarikh Tutup : 30 Mac 2016.
3. 'Langkah Atasi Kemusnahan Hutan'. Tarikh Tutup : 6 April 2016.

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan **15 hingga 25 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300** patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

Sidang Pengarang, Minda Pembaca
Unit PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

4. Sebanyak satu penyertaan terbaik akan disiarkan dalam **Akhbar Rasmi Kerajaan PELITA BRUNEI** dan akan menerima hadiah wang tunai sebanyak **BND75.00**.

Tunggu apa lagi... Hantarkan pendapat awda sekarang e-mel ke: pelita.brunei@information.gov.bn

PDB anjur walkaton sempena Sambutan Hari Polis

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

TUTONG, Ahad, 20 Mac. - Sempena Sambutan Hari Polis Ke-95 Tahun 2016, Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) mengadakan Acara Walkaton sejauh 3 kilometer yang bermula dan

berakhir dari Kompleks Sukan Tutong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyertai walkaton ialah Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Seri Awang Haji



PESURUHJAYA Polis, Dato Paduka Seri Awang Haji Bahrin bin Mohd. Noor (kanan sekali) membunyikan hon bagi pelepasan walkaton.



SEBELUM acara pelepasan, sesi Gerak Sihat Zumba dimulakan.

Bahrin bin Mohd. Noor.

Acara dimulakan dengan sesi Gerak Sihat Zumba dan diteruskan dengan pelepasan walkaton yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Selain itu, Tabung Amal juga dibukakan sepanjang walkaton diadakan bagi memberi peluang

kepada orang ramai untuk beramal, di samping beriadah.

Walkaton tersebut bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim serta meningkatkan kesedaran mengenai kesihatan dalam kalangan warga PDB.

Juga hadir ialah Timbalan Pesuruhjaya Polis, Dato Seri Pahlawan

Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al-Islam; Pemangku Pegawai Daerah Tutong, ketua pengarah, pengarah-pengarah, timbalan-timbalan pengarah, Pegawai-Pegawai Pemerintah Daerah Polis, ketua-ketua formasi, ahli-ahli pengawasan ahli keluarga PDB di seluruh negara.

Sukan Ria PIBG tingkatkan persefahaman

Berita dan Foto : Hezlinawati Haji Abdul Karim

TEMBURONG, Ahad, 13 Mac. - Beberapa acara sukan dipertandingkan bagi penyertaan ahli-ahli Persatuan Ibu Bapa / Guru (PIBG) sekolah-sekolah rendah di daerah ini semasa berlangsungnya Sukan Ria PIBG Sekolah-Sekolah Rendah Daerah Temburong.

Sukan Ria yang berlangsung di padang dan kawasan letak kereta Sekolah Rendah Sultan Hassan, Bangar di sini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada ahli-ahli PIBG dengan menyertai beberapa acara sukan yang dipertandingkan antaranya tarik kalat, lari dalam guni, menimbang bola raga, menarik pelapah piasau berpasangan, boling padang dan lain-lain lagi.

Sekolah-sekolah yang menyertai sukan ria tersebut ialah Sekolah Rendah Sultan Hassan, Bangar, Sekolah Rendah Puni, Sekolah Rendah Amo, Sekolah Rendah Negalang, Sekolah Rendah Selangan, Sekolah Rendah Rataie Mukim Bokod dan Sekolah Rendah Labu Estate.

Sukan berbentuk riadah bersama keluarga ini antara lain bertujuan untuk mengeratkan silaturahim dan semangat setiakawan serta kerjasama di antara ahli-ahli PIBG sekolah-sekolah rendah di daerah ini.

Dengan dikendalikan oleh PIBG Sekolah Rendah Sultan Hassan Bangar, sukan ria seumpama ini diharap akan dapat meningkatkan persefahaman secara berpasukan dalam kalangan ahli-ahli PIBG antara sekolah-sekolah rendah Daerah Temburong, di samping menyahut seruan kerajaan untuk penglibatan secara konsisten dan aktif dalam perkembangan sukan supaya dapat mengamalkan cara hidup sihat.



SUKAN Ria Persatuan Ibu Bapa / Guru (PIBG) didahului dengan sesi senamrobik bagi memanaskan badan.

PELITA BRUNEI BOLEH DIBACA SETIAP HARI
MELALUI LAMAN SESAWANG :

www.pelitabrunei.gov.bn

BAGI MENGETAHUI BERITA-BERITA TERKINI.

SR Bengkurong juarai Kejohanan Bola Sepak Sekolah-Sekolah Rendah Brunei IV



KETUA Kampung Wasan, Awang Mat Noor bin Maarof (belakang, enam dari kiri) bergambar bersama juara Kejohanan Bola Sepak Sekolah-Sekolah Rendah Brunei IV, iaitu Sekolah Rendah Bengkurong.

Berita dan Foto :
Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

KAMPUNG LIMA MANIS, Khamis, 17 Mac. - Sekolah Rendah Bengkurong menjuarai Kejohanan Bola Sepak Sekolah-Sekolah Rendah Brunei IV selepas berjaya menumpaskan Sekolah Rendah Sengkurong dengan jaringan 3 - 2.

Sekolah Rendah Jerudong menduduki tangga ketiga setelah berjaya mengalahkan Sekolah Rendah Awang Haji Mohd. Yusof, Katimahar dengan jaringan 1 - 0.

Perlawanan tersebut dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan dan dikendalikan oleh Sekolah Rendah Panglima Barudin, Limau Manis selaku tuan rumah kejohanan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada perlawanan akhir ialah Ketua Kampung Wasan, Awang Mat Noor bin Maarof di Padang Sekolah Rendah Panglima Barudin Limau Manis.

Tetamu kehormat menyampaikan hadiah kepada para pemenang dan sijil penyertaan bagi sekolah yang menyertai kejohanan.

Sebanyak sembilan buah Sekolah Rendah Kawasan Brunei IV menyertai kejohanan tersebut.

Turut hadir pada kejohanan tersebut ialah Pemangku Ketua Unit Jasmani, Awang Muhammad bin Haji Mohd. Saat; guru-guru besar, penolong guru-guru besar dan guru-guru pengawas pasukan bola sepak sekolah-sekolah yang mengikuti kejohanan.

Kejohanan antara lain diadakan untuk menjalinkan hubungan silaturahim dalam kalangan murid, di samping mengembangkan daya saing yang sihat dan keluhuran budi serta membina jasmani serta rohani yang sihat juga mantap, di samping meningkatkan tahap disiplin murid.

Selain dari itu, kejohanan ini juga dijalankan bagi memilih wakil pasukan bola sepak kawasan Brunei IV untuk bertanding di Kejohanan Bola Sepak Pesta Sukan Sekolah-Sekolah Rendah Senegara yang akan dijalankan di penghujung tahun ini.

Kejohanan ini terbuka pada sekolah-sekolah rendah mengikut zon masing-masing. Penyertaan hanya terbuka kepada murid-murid lelaki sahaja yang berumur 12 tahun ke bawah. Setiap sekolah hanya dibenarkan menghantar satu pasukan sahaja yang terdiri daripada 18 orang pemain termasuk pemain simpanan.

TANGANI KEMARAU SECARA LEBIH PROAKTIF MENERUSI PENGURUSAN BERSEPADU

دتریتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.